

Jilid I
Bil. 35



Hari Khamis
31hb Januari, 1991

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 5145]

**PENERANGAN SENDIRI OLEH SETIAUSAHA PARLIMEN DI JABATAN PERDANA MENTERI
[Ruangan 5145]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1991

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 53 [Ruangan 5191]

Maksud B. 54 dan B. 55 [Ruangan 5200]

Maksud B. 56 dan B. 57 [Ruangan 5269]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1991

Jawatankuasa—

Maksud P. 53 [Ruangan 5191]

Maksud P. 54 dan P. 55 [Ruangan 5200]

Maksud P. 56 [Ruangan 5269]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 5257]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I, D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,
D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.
(Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

„ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).

„ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).

„ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N. (Kota Tinggi).

„ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).

„ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).

„ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).

„ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

„ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

„ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

„ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

„ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).

„ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

„ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, TUAN ONG KA TING (Pontian).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).

„ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).

„ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

„ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

„ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

„ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).

„ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).

„ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).

„ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

„ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

„ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

„ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

„ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

Yang Berhormat DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

- „ DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGU, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

Yang Berhormat DATO' K. KUMARAN (Tapah).

- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA *alias* GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.St.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

Yang Berhormat TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN *alias* YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN NAJIB (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI *alias* JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Abdul Rahim bin Abdul.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 31hb Januari, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

*(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAANRANG UNDANG-UNDANG
PERLINDUNGAN
KANAK-KANAK

1. Tuan G. Palanivel minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan mengapakah terdapat banyak kelewatan di dalam meluluskan Akta Kanak-kanak (Pindaan) Children's Act (Amendment) di Parlimen. Ianya sepatutnya diluluskan dalam bulan Mac tahun ini. Adakah apa-apa masalah dihadapi di dalam meluluskan Akta ini di peringkat-peringkat terakhir.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan Yong Khoo Seng): Tuan Yang di-Pertua, tidak ada apa-apa masalah berhubung dengan pembentangan Rang Undang-undang Perlindungan Kanak-kanak.

Kerajaan telah memutuskan bahawa Rang Undang-undang tersebut harus diberi masa yang lebih untuk dikaji secara mendalam oleh semua pihak

yang berkenaan seperti pihak Kerajaan Negeri, Kementerian Kehakiman, Kementerian Kewangan, Kementerian Kesihatan, pihak Polis dan JPA, memandangkan bahawa Rang Undang-undang itu adalah sangat penting dan telah menarik perhatian masyarakat pada amnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang tersebut akan dibentangkan pada semua peringkat dalam Mesyuarat Kedua Parlimen yang akan bermula dalam bulan Jun tahun ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebelum Akta ini dibentangkan saya percaya Akta ini sudahpun disediakan, tetapi saya ingin bertanya kenapakah Menteri yang berkenaan ataupun Kementerian yang berkenaan dan juga pihak Kerajaan kadang-kadang berbeza pendapat. Contohnya, pendapat orang ramai berhubung dengan merotan di khalayak ramai, kemudian Menteri menjawab seolah-olah tidak bersetuju, tetapi baru-baru ini Timbalan Perdana Menteri menjawab lain pula bahawa hukuman yang berat patut dikenakan.

Saya ingin bertanya apakah perkara ini belum lagi dibentangkan di Kabinet ataupun di mana-mana tempat untuk membolehkan supaya stand Kerajaan itu biarlah satu sahaja dan jangan terjadi seperti pendirian orang ramai yang memangnya berbeza.

Tuan Yong Khoon Seng: Ini bukan soalan, tetapi kita akan mengambil perhatian kepadanya.

UBAT TRADISI—JUALAN

2. Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Kesihatan menyatakan sebagaimana yang dimaklumkan, penjual-penjual ubat-ubat tradisi perlu berdaftar dengan Kementerian Kesihatan seperti yang diumumkan;

- (a) adakah ini bermakna hanya ubat-ubat yang dapat kelulusan oleh Kementerian boleh dijualkan; dan
- (b) apa akan terjadi kepada ubat-ubat tradisi yang sukar dinamakan atau diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia terutamanya ubat-ubat tradisi Cina.

Menteri Kesihatan (Dato' Lee Kim Sai): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) saya suka memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa hanya ubat tradisi yang dirumuskan dalam bentuk kapsul, tablet, pil dan kerim sahaja yang perlu didaftarkan dengan Kementerian Kesihatan dan penggunaannya diawasi oleh Kementerian Kesihatan. Ubat-ubat yang berbentuk lain daripada apa yang saya sebutkan tadi tidak perlu didaftarkan dengan Kementerian Kesihatan.
- (b) biasanya ubat-ubat tradisi yang hendak didaftarkan wajiblah menggunakan nama dalam Bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris. Tetapi bagi ubat-ubat tradisi Cina yang tidak mempunyai nama dalam Bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris, nama ubat-ubat tersebut bolehlah dituliskan dalam bahasa Cina, dengan syarat ada bersama-samanya nama dalam tulisan romanise.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di sana ada sungutan yang mengatakan bahawa terdapat ubat-ubat yang dicampur dengan bahan-bahan najis yang tidak menyenangkan orang-orang Islam. Adakah dakwaan ini benar dan Kerajaan mendapat bukti-buktinya yang nyata dan apakah buktinya dan apakah tindakan jika sekiranya ada?

Dato' Lee Kim Sai: Kementerian tidak sedar ada ubat-ubat yang dimasukkan bahan najis, kalau ada makluman boleh disiasat.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut apa yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya, adakah Kementerian Kesihatan memberi satu panduan kepada manufacturers, dengan izin, ubat-ubat ini untuk didaftarkan dengan Kementerian Kesihatan ataupun siapa yang perlu membuat pendaftaran ini sama ada kedai-kedai ubat sendiri kena buat pendaftaran?

Yang kedua, saya difahamkan ada beratus-ratus jenis ubat seperti dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri seperti kapsul ini semua, kalau ubat-ubat ini belum didaftarkan sama ada ubat-ubat seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri dapat terus dijual di kedai ubat tanpa pendaftaran buat masa ini?

Dato' Lee Kim Sai: Memang sudah diadakan satu panduan untuk pendaftaran bukan sahaja panduan telah diberi kepada pihak-pihak yang berkenaan, bahkan beberapa dialog telah diadakan dengan cara prosedur pendaftaran ubat-ubat tradisional.

Mengenai siapakah yang perlu menjalankan pendaftaran ubat-ubat yang dicadangkan dijual, bagi keluaran-keluaran yang dikilangkan secara tempatan, pekilang-pekilang berkenaan atau syarikat yang

berkenaan bertanggungjawab untuk mendaftarkan ubat-ubat yang berkenaan. Bagi keluaran-keluaran import iaitu ubat-ubat yang diimport daripada negara-negara lain, syarikat tempatan diwajibkan untuk mendaftarkan ubat-ubat yang diimport itu.

Berkenaan dengan ubat-ubat yang belum didaftarkan sekarang bolehkah terus dijual. Jadi, masa untuk pendaftaran ubat-ubatan tradisi ini ialah selama dua tahun. Pihak-pihak yang berkenaan perlu mengemukakan permohonan untuk mendaftar ubat-ubat seperti itu. Sebelum ubat-ubat yang berkenaan didapati tidak sesuai ataupun tidak selaras dari segi mutu dan keselamatan, ubat itu boleh dibenarkan terus dijual sehingga satu analysis ataupun satu keputusan dibuat oleh Drug Control Authority, dengan izin.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ubat-ubat tradisi yang tidak berdaftar seperti akar-akar kayu, contohnya ialah Tongkat Ali. Bagaimanakah kawalan Kementerian Kesihatan supaya pembeli ubat ini apabila mereka makan akan tidak memberi kesan buruk ataupun merbahaya kepada mereka? Dan adakah Kementerian telah membuat kajian mengenai akar-akar kayu, terutama sekali Tongkat Ali yang begitu popular pada ketika ini?

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, sama ada ubat tradisi Tongkat Ali itu efektif ataupun ada kebaikan dari segi apa pun, terpulung kepada sesiapa yang menggunakannya kerana ini bukan ubat tradisi yang merupakan bentuk "dose pharmaceuticals" iaitu bentuk kapsul yang dijual di kaunter. Jadi, ubat-ubat seperti Tongkat Ali atau kacip Fatimah dan sebagainya itu terpulung kepada individu untuk.....(*Ketawa*) dan ini untuk makluman Yang Berhormat semua. Jadi, inilah adalah untuk individu

mengexperience ubat-ubat yang berkenaan.

PELABUR LUAR NEGERI

3. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan dalam tempoh 10 bulan tahun ini (1990), dari manakah pelabur-pelabur luar yang telah membuat tanaman modal yang tinggi di dalam negara dengan menyatakan sekali jumlah pelaburan yang terlibat, jenis pelaburan dan zon-zon pelaburan yang disertai.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Dato Dr K.S. Nijhar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan seperti ini telah dibangkitkan pada sesi ini pada 4hb Januari, 1991 oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kimanis. Pada masa soalan tersebut dijawab, Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan telahpun mendapat kebenaran Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab soalan-soalan yang berhubung dengan perkara yang sama, termasuklah soalan ini. Oleh itu, saya tidak ingin menambahkan apa-apa lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada soalan tambahan, Yang Berhormat dari Arau?

Tuan Shahidan bin Kassim: Ada, kalau ini dibenarkan. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mendapat makluman bahawa banyak pelabur-pelabur yang telahpun menandatangani Memorandum of Understanding dan lain-lain lagi. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, mengikut keadaan sekarang terdapat pelabur-pelabur yang enggan melabur untuk menunggukan kedudukan Perang Teluk yang ada

sekarang. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat adakah pelabur-pelabur yang menangguhkan kedatangan mereka ke sini? Dan kalau ada, sejauh manakah ianya boleh mendatang kesan kepada kedudukan pelaburan kita sekarang? Saya harap mendapat jawapan yang panjang sebab bukan semua orang boleh beri jawapan, "saya akan ambil tindakan" dan sebagainya. Ikut style Perdana Menteri supaya jawab semua soalan yang ditanya, kecuali daripada Pembangkang, boleh jawab dengan pendek. Tetapi Barisan Nasional kena jawab panjang. Tidak boleh buat begitu. Otherwise we don't have publicity, susah kita nanti. (*Ketawa*)

Dato Dr K.S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, memang ada ramai orang berkata kesan dari Gulf Crisis ada pelabur-pelabur akan menangguhkan pelaburan di negara kita. Tetapi bagi pihak Kementerian pada masa kini kita tidak dapat apa-apa pun penangguhan daripada mana-mana pelabur yang kita sudah luluskan pelaburannya dahulu. Walau bagaimanapun, saya sukar menjawab dengan panjang tetapi pada masa ini tidak ada apa-apa kesan pun yang kita ingin menjelaskan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol: Kalau Yang Berhormat dari Arau boleh, saya pun boleh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Silakan.

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol: Terima kasih. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri daripada jumlah pelaburan yang dilaburkan oleh pelabur-pelabur luar ke negara kita, berapa peratuskah pelaburan ini datangnya daripada multinational,

dengan izin, syarikat yang besar? Adakah Kementerian berpuas hati dengan pelaburan daripada syarikat-syarikat gergasi ini? Dan kalau tidak, apakah langkah-langkah seterusnya yang akan dijalankan oleh Kementerian untuk menarik lebih ramai lagi syarikat-syarikat multinational untuk datang melabur ke negara kita?

Dato Dr K.S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, pihak Kementerian berpuas hati dengan "multinational corporations" yang melabur di negara kita. Bagi tempoh Januari sehingga Oktober 1990 sebanyak 768 projek diluluskan oleh Kementerian dan kebanyakannya adalah daripada "multinational corporations" ataupun syarikat-syarikat gergasi. Corporations ini bercadang melabur lebih kurang sebanyak \$24 juta di negara kita dan oleh kerana angka-angka ini adalah lebih puas hati, Kementerian pun berpuas hati dengan langkah-langkah yang diambil sehingga kini untuk meningkatkan pelaburan ke negara kita.

PINJAMAN PERUMAHAN/ KERETA SECARA ISLAM

4. Dr Sanusi bin Daeng Mariok minta Menteri Kewangan menyatakan bilakah pinjaman perumahan dan pinjaman kereta secara Islam akan dilaksanakan oleh Kerajaan. Kenapa sistem tersebut ditangguhkan atau tidak dilaksanakan walaupun ianya banyak kali dicadangkan untuk dilaksanakan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan ini telahpun diberikan semasa saya menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kuala Kedah pada 10hb Januari, 1991, dan saya tidak ada jawapan tambahan kepada soalan hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Baiklah.

Dr Sanusi bin Daeng Mariok: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada soalan tambahan?

Dr Sanusi bin Daeng Mariok: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat dua soalan tambahan. Yang pertama sekali, memandangkan bahawa buat masa ini semangat hendak kembali kepada sistem Islam ini begitu ketara di kalangan rakyat negara kita dan kembali kepada sistem Islam khusus di dalam masalah yang ditanyakan ini tidak merugikan sesiapa dan tidak akan merugikan pihak Kerajaan. Cuma yang perlunya ialah merobah sedikit pentadbiran dan akadnya sehingga ia menjadi satu akad yang tidak terkandung di dalamnya nilai-nilai riba yang senantiasa dipertikaikan. Maka soalan saya adakah Kerajaan sedia menimbang secara berperingkat-peringkat untuk melaksanakan sistem pinjaman perumahan dan kenderaan ini mengikut nilai-nilai Islam yang tidak ada di dalamnya nilai-nilai riba yang tidak akan merugikan sesiapa, baik pihak peminjam mahupun pihak Kerajaan, baik pihak orang Islam, mahupun pihak yang belum Islam.

Soalan yang kedua, melihatkan kepada perkembangan tuntutan kehidupan pada hari ini, kita lihat bahawa pinjaman ataupun had-had pinjaman kenderaan yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan kemungkinan sudah tidak mencukupi untuk digunakan bagi membeli kenderaan yang diperlukan oleh pegawai-pegawai Kerajaan.

Maka persoalannya apakah Kementerian Kewangan bersedia menimbang tentang penambahan kepada kadar yang telah ditentukan itu

dan walaupun saya dari Pembangkang, saya mengharapkan mendapat jawapan yang panjang juga untuk melihat keadilan Kerajaan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ada masalah kerana saya menjawab sentiasa panjang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat sama ada ada tindakan berperingkat-peringkat untuk ke arah mengIslamkan pinjaman-pinjaman untuk perumahan dan kereta. Yang pertamanya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan tentang soal pinjaman untuk perumahan telah saya terangkan bahawa mengIslamkan agak rumit kerana sumber kewangan datangnya dari pinjaman yang dibuat oleh Kerajaan dari institusi-institusi kewangan yang mana dikenakan kadar faedah tidak kurang 9%. Oleh yang demikian, sumber adalah sumber yang tidak boleh ditafsirkan sebagai secara Islam. Ini terpaksa dibuat oleh kerana Kerajaan tidak berkeupayaan untuk mendapat sumber yang cukup untuk menampung tidak kurang \$1.3 ribu juta pada hari ini untuk menyempurnakan pinjaman daripada pihak pegawai-pegawai Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sama ada dari segi susunan menyempurnakan pinjaman dengan cara akad yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu boleh disempurnakan, boleh dipertimbangkan bahkan kalau kita hendak lihat pinjaman daripada pihak Kerajaan kepada pinjaman perumahan dikenakan pada kadar 4%. Maka ia menepati matlamat bahawa pinjaman bukanlah untuk menindas tetapi untuk kesejahteraan kakitangan Kerajaan yang membuat pinjaman tersebut dan tidak membebaskan bahkan mewujudkan suasana muafakat dan kesejahteraan dalam masyarakat di antara kakitangan yang meminjam dengan pihak Kerajaan. Itu saya rasa

menepati dengan ajaran agama Islam. Kalau dapat diterima bahawa 4% itu dikenakan untuk tujuan pengurusan dan untung yang munasabah dan jika sekiranya cara akad dapat diselaraskan cara Islam maka hubungan di antara peminjam dengan Kerajaan adalah satu sistem pinjaman yang mungkin menepati dengan ajaran agama Islam. Itu satu perkara, Tuan Yang di-Pertua.

Perkara yang kedua, pinjaman kereta, ingin saya maklumkan di sini bahawa pihak Kerajaan sudahpun membuat keputusan pada 10hb Januari yang lalu untuk mengubah sistem pinjaman kereta secara Islam. Pinjaman masih lagi pada kadar 4% dan ianya tidak membebankan malah menepati dengan matlamat mewujudkan suasana muafakat dan menampung keperluan urusan dan juga untung yang munasabah sambil itu pula diubah-suaikan cara akad.

Yang pertamanya Tuan Yang di-Pertua, akad dibuat di antara pihak Kerajaan dengan orang yang menjual kereta dan sistem yang dikenakan ialah sistem jualan harga tertanggung. Oleh yang demikian cek dibayar oleh Kerajaan kepada penjual kereta. Denda tidak dikenakan jika sekiranya bayaran terlewat. Sistem insurance yang akan digunakan ialah sistem Tafakul Kenderaan dan segala pembiayaan kenderaan dijamin oleh dua orang penjamin dan jika sekiranya perlu dilanjutkan tempoh bayaran balik maka tidak dikenakan apa-apa bayaran.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dalam soal kemudahan pinjaman kenderaan dari segi pentadbirannya Kerajaan akan mewujudkan sistem pinjaman mengikut Islam, walaupun kita tidak heboh-hebohkan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang kedua, saya pernah menyebut di sini kita sedia maklum bahawa harga kereta pun agak tinggi. Walau pun begitu Kerajaan

mengambilkira tentang kemampuan kakitangan Kerajaan untuk membayar balik pinjaman-pinjaman tersebut. Oleh yang demikian, Kerajaan mengenakan siling had yang paling tertinggi yang boleh ditampung pembayaran balik oleh pihak kakitangan Kerajaan yang meminjam. Untuk perumahan ianya tidak lebih daripada 40% daripada gaji hakiki atau basic wage, dengan izin. Untuk kereta, maka bayaran bulanan untuk pinjaman kereta tidak lebih daripada 30% gaji hakiki atau basic wage pekerja. Ini semata-mata untuk memastikan hutang yang ditanggung oleh kakitangan Kerajaan yang membuat pinjaman tidak melebihi daripada kemampuan mereka untuk menyelenggarakan kehidupan keluarga.

TAMBANG PENERBANGAN KE PENDALAMAN SARAWAK—SUBSIDI

5. Tuan Harisson Ngau Laing minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kementerian ini sedar bahawa agen komunikasi, perhubungan dan pengangkutan yang utama di bahagian pendalaman Sarawak ialah pengangkutan udara. Jika sekiranya bayaran tambang bagi penerbangan ke bahagian pendalaman dinaikkan maka ianya akan menambahkan beban ke atas penduduk pendalaman yang sedia miskin seperti di Bario, Long Lellang dan Long Banga di daerah Baram. Adakah mungkin bagi Kerajaan memperuntukkan bantuan subsidi bagi mengurangkan jumlah tambang penerbangan ke kawasan pendalaman di Sarawak.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya menyedari bahawa agen komunikasi, perhubungan dan pengangkutan yang utama di bahagian pendalaman Sarawak ialah pengangkutan udara. Memandangkan yang demikian, Kerajaan tidaklah bercadang untuk menaikkan tambang

perkhidmatan luar bandar yang dikendalikan oleh Sistem Penerbangan Malaysia (MAS).

Untuk makluman Yang Berhormat, perkhidmatan luar bandar MAS sebenarnya sudahpun diberi subsidi tidak langsung oleh Kerajaan oleh sebab ianya sering mengalami kerugian tiap-tiap tahun dan oleh sebab ianya sering rugi, bagi menampung kerugian ini MAS menggunakan keuntungan yang diperolehi dari lain-lain sektor. Memandangkan keadaan yang demikian Kerajaan tidak bercadang untuk mengurangkan kadar tambang perkhidmatan luar bandar MAS di Sarawak.

PERKHIDMATAN KLINIK BIDAN/DESA

6. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah sebarang kajian dibuat untuk mempertingkatkan perkhidmatan serta bangunan klinik-klinik bidan yang ada kerana terdapat kebanyakan daripadanya sudah tidak mampu menampung keperluan masyarakat setempat.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, suka dimaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Kesihatan memang sentiasa mengkaji perkhidmatan serta pembangunan klinik-klinik bidan di seluruh negara. Untuk memberi perkhidmatan yang lebih bermutu dan yang dapat menampung keperluan masyarakat setempat, Kementerian sedang menggantikan bidan-bidan dengan Jururawat Desa di mana perlu. Jururawat-jururawat Desa ini adalah mempunyai kelulusan dan latihan yang lebih tinggi daripada bidan-bidan. Begitu juga dengan bangunan klinik-klinik bidan sedang diperbesarkan dan dijadikan Klinik Desa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sebagai contohnya dalam tahun 1956 dan 1957 Kementerian Kesihatan telahpun memulakan pembangunan infrastruktur kesihatan luar bandar secara besar-besaran. Jenis kemudahan yang didirikan adalah bergantung kepada bilangan penduduk mengikut tiga-tier sistem:

- (i) sebuah pusat kesihatan besar untuk 50,000 penduduk;
- (ii) sebuah pusat kesihatan kecil untuk 10,000 penduduk; dan
- (iii) sebuah klinik bidan untuk 2,000 penduduk.

Berdasarkan kepada hasil kajian yang telahpun dijalankan oleh Kementerian Kesihatan dengan bantuan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) skim ini telahpun diubahsuaikan dalam Kajian Separuh Penggal Malaysia Kedua. Struktur baru adalah seperti berikut, iaitu dua-tier sistem:

- (i) pusat kesihatan kecil dinaikkan taraf secara beransur-ansur kepada pusat kesihatan sebuah untuk 15,000 ke 20,000 penduduk; dan
- (ii) klinik bidan dinaikkan taraf kepada klinik desa, sebuah untuk 4,000 penduduk.

Perubahan ini melibatkan ubahsuaian rumah bidan ke klinik desa dan pembinaan bangunan baru untuk kediaman serta menaikkan taraf perkhidmatan bidan kepada jururawat desa.

Ini bermakna selepas tahun 1975, klinik bidan tidak dibina lagi dan kawasan baru yang memerlukan perkhidmatan kesihatan klinik disediakan terus dengan klinik desa.

Dalam Rancangan Malaysia Keempat, Kementerian Kesihatan telahpun menyediakan rekabentuk

klirik desa baru jenis batu yang lebih menarik serta sesuai dengan suasana alam sekeliling. Pelan ini telahpun diluluskan dalam tahun 1987 dan beberapa projek klinik desa sedang didiri dengan menggunakan pelan piawai baru ini. Dalam Rancangan Malaysia Keenam, semua projek klinik desa akan menggunakan pelan baru. Walau bagaimanapun, bangunan klinik bidan yang sedia ada akan dinaiktarafkan secara berperingkat dengan menggunakan pelan lama. Keputusan muktamad dalam menaikkan taraf satu-satu klinik tertakluk kepada analisa situasi kesihatan tempatan, keutamaan keseluruhan dan juga mengambil kira di antara lain kemudahan-kemudahan yang berhampiran dan keupayaan kewangan dari segi pembangunan dan pengurusan. Namun demikian, perkhidmatan di beberapa klinik bidan telahpun dinaikkan taraf kepada perkhidmatan Jururawat Desa tanpa menunggu ubahsuai kepada bangunan.

Datin Ling Chooi Sieng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Batang Lupar.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Batang Lupar membuat soalan dahulu, Lumut kemudian, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya telah difahamkan yang seorang calon yang over-qualified tidak berhak meminta kerja sebagai Jururawat Desa. Adakah ini benar? Kalau tidak, mengapakah ini berlaku di Sarawak? Kalau tidak benar, minta tolong beritahu Pengarah Perubatan di Sarawak jangan buat begitu.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu tidak kena dengan soalan pokok. Walau bagaimanapun, saya ingin meminta sedikit penjelasan apakah tafsiran (definition) over qualified itu? Walau

bagaimanapun, jika sekiranya ada kes-kes yang tertentu, Yang Berhormat bolehlah berhubung dengan saya untuk kita buat kajian seterusnya.

Datin Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dapat tahu banyak klinik bidan masih mempunyai seorang bidan masing-masing walaupun penduduk-penduduk di kawasan sekeliling itu telah pun bertambah dan ini berlaku di kawasan saya, di mana bidannya kerja 24 jam. Soalan saya, apakah langkah telah dan akan diambil supaya klinik bidan di seluruh negara tidak akan menghadapi kekurangan bidan-bidan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya tadi, saya telah pun menyentuh hal yang tersebut. Kalau sekiranya Yang Berhormat mempunyai masalah khusus tentang kawasan Yang Berhormat, bolehlah berhubung dengan saya terus.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Soalan tambahan. Daripada tahun 1987 sehingga masa kini, berapakah jumlah pusat kesihatan kecil yang diupgradekan kepada yang besar dan daripada klinik desa kepada klinik yang kecil dan juga mengikut pelan tahun 1987, berapa banyak klinik desa yang telah dibina dan berapa banyak klinik desa yang akan dibina dalam Rancangan Malaysia Keenam?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan yang ditanya itu terlalu khusus, maka saya perlu notis untuk memberi jawapan.

KOLEJ SWASTA—KERJASAMA UNIVERSITI LUAR NEGERI

7. Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang minta Menteri Pendidikan menyatakan tentang kedudukan dan

perkembangan kolej-kolej swasta di negara ini:

- (a) adakah Kementerian mengambil tahu atau diberitahu tentang hubungan kolej-kolej tersebut dengan universiti-universiti di luar negara seperti di Australia, Amerika dan sebagainya mengenai sukatan pelajaran, pengambilan penuntut, pengiktirafan Diploma atau Degree dan lain-lainnya; dan
- (b) bolehkah Kementerian menyatakan jumlah pengiriman penuntut ke luar negeri sejak 5 tahun yang lalu menurut etnik kaum di negara ini dan kejayaan yang mereka perolehi.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kementerian Pendidikan sememangnya tahu tentang kedudukan dan perkembangan kolej-kolej swasta di negara ini. Jadi, oleh kerana sebelum kolej-kolej pendidikan swasta itu menjalankan program-program pendidikan dengan kerjasama universiti-universiti di luar negeri, kolej-kolej tersebut hendaklah mengikut peraturan tertentu. Mereka dikehendaki terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Kementerian Pendidikan. Kelulusan ini akan diberi setelah pihak Kementerian berpuas hati dengan beberapa aspek yang berkaitan dengan program-program yang hendak dikendalikan itu. Antara aspek-aspek yang dipertimbangkan adalah dari segi pengiktirafan kelulusan, kurikulum, program dan kemampuan pihak kolej itu untuk mengendalikannya.

- (b) Jumlah pelajar tajaan Kementerian Pendidikan yang dihantar keluar negeri untuk kursus Ijazah Pertama sejak 5 tahun yang lalu (1986-1990) menurut etnik kaum adalah seperti berikut:

Bumiputera	—	490
Cina	—	23
India	—	2
		<hr/>
Jumlah		515
		<hr/>

Daripada jumlah ini, seramai 56 orang pelajar telah lulus dengan jayanya dan seramai 446 orang pelajar adalah sedang masih menuntut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pelajar-pelajar persendirian di luar negeri adalah lebih ramai daripada pelajar-pelajar tajaan Kerajaan. Hingga 1986 bilangan pelajar-pelajar persendirian dianggarkan seramai 22,126 orang. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan tidak dapat memberikan bilangan mereka mengikut pecahan etnik atau kaum kerana angka tersebut tidak ada dalam rekod Kementerian ini.

Puan Lim Lay Hoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian bercadang menaikkan kuota untuk penuntut bukan bumiputera yang akan dihantar keluar negeri dengan biasiswa Kerajaan?

Dr Leo Michael Toyad: Ini mengikut matapelajaran-matapelajaran yang dipohon dan yang diperlukan. Biasiswa Kementerian Pendidikan adalah untuk kita menambahkan keperluan kekurangan pendidik-pendidik khususnya dalam bahasa Inggeris dan matapelajaran-matapelajaran yang perlu kita memperkuatkan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya mengenai kolej-kolej swasta sama ada pihak Kementerian telah membuat keputusan untuk mengiktiraf kolej-kolej swasta yang mempunyai twinning programmes, dengan izin, dengan universiti-universiti di luar negeri. Kalau tidak, apakah sebabnya sedangkan pihak Kementerian telah mengiktiraf ijazah-ijazah dari universiti-universiti yang asalnya iaitu penuntut-penuntut yang belajar dalam universiti tersebut? Dengan izin, why is it for those internal students recognition is given but not for those who undertake twinning programmes di dalam kolej-kolej tempatan. Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa hanya 25 pelajar bukan bumiputera diberikan biasiswa untuk menuntut keluar negeri, bolehkah pihak Kementerian menyatakan sebab mengapa pelajar-pelajar bukan bumiputera tidak boleh ditambah kerana ini jauh lebih kurang daripada kuota 45: 55 yang kini diamalkan oleh pihak Kementerian. Dan bukankah ini adalah satu dasar songsang yang diamalkan oleh Barisan Nasional yang menunjukkan diskriminasi terhadap kaum bukan bumiputera?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, adakah ini soalan atau satu hujah? Tetapi saya telah nyatakan tadi mungkin Ahli Yang Berhormat tidak dengar bahawa kita menguatkan matapelajaran-matapelajaran di dalam sistem pendidikan kita dan kita menghantarnya untuk kursus-kursus tertentu dan mengikut apa yang telah dipohon dan siapa yang memohon untuk kursus lanjutan ini dalam bidang-bidang matapelajaran yang diminati mereka itu. Jadi, kalaulah saya mengeluarkan butiran seperti di mana matapelajaran itu adalah memerlukan matapelajaran dalam bahasa Mandarin, memang kita nampak mereka yang memohon lebih banyak dari orang yang tidak berbahasa Mandarin. Jadi, ini

bukan mengikut kuota atau apa-apa hanya mengikut yang memohon untuk program-program matapelajaran tersebut.

Mengenai soalan yang pertama tadi, Yang Berhormat telah menyoal, saya tidak begitu faham. Kalaulah betul tanggapan saya bahawa semua yang kita telah setuju mata-matapelajaran dan kursus-kursus yang dijalankan adalah banyak dari universiti-universiti yang tertentu di luar negeri yang pernah diiktirafkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya dia tidak jawab...

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia sudah jawab.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, saya telah nyatakan tadi bahawa semua ijazah yang kita terima dan telah diiktirafkan dari universiti yang diiktiraf; jadi tidak payahlah saya sebutkan dari universiti yang telah diadakan twinning dan lain-lainnya. Soalan itu sudah disebut. Saya menjawab soalan Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Dia tidak faham!

KOMPUTER DALAM PENDIDIKAN SEKOLAH DI SARAWAK

8. Tuan Billy Abit Joo minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian Pendidikan bercadang memperluaskan Program Pendidikan Komputer ke sekolah-sekolah di Sarawak; dan

- (b) jika ada, adakah kajian dan tinjauan dibuat untuk menentukan Program Pendidikan Komputer dapat dilaksanakan di Sekolah-sekolah Menengah dan Sekolah-sekolah Rendah Kerajaan di kawasan luar bandar di Sarawak.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) sebenarnya Kementerian Pendidikan belum lagi ada apa-apa program atau rancangan untuk mengadakan Program Pendidikan Komputer sebagai satu mata pelajaran atau subjek yang berasingan. Apa yang telah dirancang dan diputuskan untuk dilaksanakan ialah program "Literasi Komputer" dan program "penggunaan komputer bagi membantu pengajaran (computer aided teaching dan juga computer aided learning) iaitu komputer dalam pendidikan kita. Program ini akan dilaksanakan di seluruh negara termasuk negeri Sarawak, selepas fasa percubaan yang akan dimulai pada tahun 1991 di enam puluh buah sekolah menengah pilihan Jabatan Pendidikan Negeri termasuk lima buah sekolah di Negeri Sarawak. Pemilihan sekolah-sekolah tersebut adalah mengikut syarat bahawa sekolah itu terletak di luar bandar dan belum ada Kelab Komputer tetapi sudah sedia ada bilik yang boleh dijadikan makmal komputer.
- (b) Hasil dari kajian dan tinjauan yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan pada tahun 1990 ke atas sekolah-sekolah menengah di seluruh negara kita dapati hanya 108 buah sekolah sahaja yang

mempunyai Kelab Komputer dan sekolah-sekolah tersebut pada keseluruhannya adalah terletak di dalam bandar. Jadi oleh itu mulai dalam Rancangan Malaysia Keenam mulai tahun 1992, Kementerian Pendidikan bercadang supaya "Komputer Dalam Pendidikan" ini diperluaskan untuk meliputi semua sekolah menengah di luar bandar yang belum ada Kelab Komputer. Ini adalah selari dengan Dasar Pendemokrasian Pendidikan untuk kita merapatkan jurang perbezaan murid-murid kita di luar bandar dengan di bandar. Walau bagaimanapun oleh sebab masalah infrastruktur seperti bekalan elektrik, masalah kekurangan bilik yang sesuai yang boleh dijadikan makmal dan kekurangan tenaga yang mahir dalam pendidikan komputer maka pelaksanaan program tersebut akan dilaksanakan secara berperingkat. Kementerian Pendidikan belum mempunyai program komputer yang spesifik bagi sekolah rendah. Walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan tidak menghalang sekolah-sekolah rendah untuk memperkenalkannya. Dari tinjauan yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan didapati kegunaan komputer di sekolah-sekolah tersebut adalah terbatas kepada perisian-perisian (software) yang terdapat di pasaran terbuka. Walaupun ini tidaklah seperti yang kita harapkan tetapi masih ada manfaatnya kepada murid sebagai dorongan dan kesedaran tentang kewujudan teknologi canggih, masyarakat, maklumat khususnya di bandar-bandar dan kawasan perindustrian.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, saya dari Tasik Chenderoh. Saya ingin bertanya tetapi terlebih dahulu mengucapkan tahniah di atas program pendidikan komputer Kementerian Pendidikan. Saya ingin bertanya bagaimanakah rancangan ataupun program Kementerian sendiri di dalam membekalkan komputer. Setakat ini kita dengar tadi perisian-perisian (software) sahaja tetapi hardware nampaknya bergantung kepada inisiatif sekolah-sekolah masing-masing memohon derma dan sebagainya, ataupun memohon kepada Kerajaan melalui Wakil Rakyat. Kita mendapat banyak permohonan-permohonan seperti ini dari sekolah-sekolah di dalam kawasan.

Jadi, saya hendak tahu bagaimanakah cara Kementerian membekalkan komputer-komputer ini kepada terutamanya sekolah menengah dan kemudian kepada sekolah-sekolah rendah. Sebab apabila memohon melalui Wakil Rakyat kita sendiri pun tidak tahu sekolah mana yang patut diberi, apakah persediaan yang sudah ada kalau Kementerian sendiri tidak mempunyai rancangan membekalkan komputer kepada sekolah-sekolah. Sekian, terima kasih.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, saya ucapkan terima kasih kerana prihatin beliau terhadap sekolah-sekolah di kawasan beliau dan lain-lain tempat khususnya di luar bandar di mana kita masih seperti saya katakan tadi kekurangan kemudahan-kemudahan seperti komputer ini yang selama ini kita jalankan berbas kepada kegiatan Kelab Komputer di mana ia diadakan di luar masa pendidikan formal.

Program ini telah diterima oleh ibu bapa yang mampu dan juga yang telah memberi sumbangan dari segi program-program di sekolah masing-masing

khususnya di dalam Kelab Komputer ini.

Tadi saya telah nyatakan juga di dalam program ini kita telah sedar bahawa di kawasan luar bandar masih juga kekurangan kemudahan-kemudahan seperti ini dan dalam mengambil langkah untuk mengurangkan jurang perbezaan tadi kita telah mengadakan peruntukan dalam Rancangan Malaysia Keenam mulai tahun ini, seperti saya katakan tadi peruntukkan untuk mengeluarkan hardware untuk menyediakan komputer ini di sekolah yang masih belum ada di kawasan-kawasan luar bandar. Kalau Yang Berhormat ingin tahu sekolah yang mana mengambil bahagian dalam peringkat percubaan ini, Yang Berhormat silalah berhubung dengan Jabatan Pendidikan Negeri yang mana mereka ini telah memutuskan di mana kawasan-kawasan tertentu akan diletakkan menjadi kawasan percubaan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuan Wan Omar bin Wan Majid.

(Soalan No. 9 Y.B. Wan Omar bin Wan Majid tidak hadir)

ORANG ASLI DI SABAH

10. Tuan Taimin bin Lumaing minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan bolehkah pihak Kementerian menyatakan siapakah sebenarnya suku kaum di Sabah yang dianggap Orang Asli.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Dato Mohamed bin Jamrah): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, takrif "Orang Asli" sepertimana yang digunakan oleh Kerajaan Malaysia pada masa ini adalah meliputi suku-suku kaum

Negritos, Senoi dan Proto-Malays yang kesemuanya hanya terdapat di Semenanjung Malaysia.

Tuan Taimin bin Lumaing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hairan dengan jawapan itu oleh kerana di Semenanjung ini ada "Orang Asli", dan mungkin di Sarawak, ada juga. Tetapi nampaknya di Sabah, tiada. Jadi apakah pengiktirafan Yang Berhormat atau Kementerian Yang Berhormat terhadap suku kaum seperti Kadazan atau Dusun serta Murut yang mana saya tahu kaum Murut dan Kadazan ini tiada di lain-lain negeri, hanya di Sabah sahaja. Kenapa mereka ini tidak diiktiraf sebagai "Orang Asli"?

Dato' Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat tahu tetapi masih hendak tanya. Takrifnya ialah "Bumiputera" dan bukan "Orang Asli".

KESESAKAN LALULINTAS—DI BANDARAYA KUALA LUMPUR

11. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman minta Perdana Menteri menyatakan apakah rancangan bagi mengelakkan kesesakan lalulintas di Bandaraya Kuala Lumpur terutama sekali di waktu 'peak hours' iaitu jam 7.00 hingga 9.00 pagi dan 4.00 hingga 6.00 petang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memang berusaha untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas di Bandaraya Kuala Lumpur secara menyeluruh. Rancangan-rancangan yang telah dikenal pasti ialah:

- (1) Cadangan pembangunan jalan iaitu sebanyak 46 cadangan bilangan pembangunan jalan telah dirancang yang melibatkan

anggaran kos projek sebanyak \$582 juta. Cadangan pembangunan jalan ini melibatkan keseluruhan jalan di Kuala Lumpur sejauh 208.2 kilometer.

- (2) Projek-projek pengangkutan awam iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga berusaha untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam dengan mengujudkan sistem pengangkutan awam yang moden seperti monorail bagi perjalanan dalam pusat Bandaraya Kuala Lumpur.
- (3) Light Railway Transport (LRT) iaitu bagi perjalanan ulang-alik kerja dalam Kuala Lumpur.
- (4) Rail-bus KTM bagi perjalanan ulang-alik kerja dari luar Kuala Lumpur ke Kuala Lumpur.

Kemudian ketiga, pengurusan lalu lintas. Beberapa rancangan di bawah aspek kerja ini telah dibuat, di antaranya ialah menaikkan taraf sistem kawalan lampu isyarat lalulintas berkomputer yang sedia ada ke sistem yang lebih berkesan. Kemudian melaksanakan sistem jalan sehalu di kawasan yang perlu.

Kemudian melaksanakan pembaikan jangka-pendek kepada persimpangan-persimpangan jalan termasuk pemasangan lampu-lampu isyarat lalulintas jika diperlukan.

Akhir sekali ialah memperbaiki sistem rangkaian berjalan kaki yang meliputi siar-kaki dan jejantas.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa pihak Bandaraya telah mengaturkan satu rancangan untuk menjadikan Pusat Bandar sebagai restricted zone, dengan izin. Adakah pihak Bandaraya akan melaksanakan projek ini dan yang

kedua apakah perancangan untuk memperbaiki sistem bas, sistem omnibus sekarang adalah tidak mencukupi dan perkhidmatan pun kurang memuaskan. Apakah rancangan untuk memperbaiki sistem ini.

Soalan ketiga, bilakah kerja untuk memperluas, memperindahkan Jalan Kepong yang telah pun dirancangan akan bermula.

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan yang berkaitan dengan restricted zone ini iaitu zon terbatas, memanglah sejak tahun 1980 lagi Dewan Bandaraya mempunyai perancangan tersebut, tetapi tidak dapat dijalankan memandangkan ia akan mengganggu sistem pengangkutan di dalam Pusat Bandar itu sendiri. Ini bermakna belum sampai waktunya lagi sistem zon terbatas ini hendak kita buat di Kuala Lumpur. Malahan sebuah negara jiran telah meniru sistem ini dan melaksanakan di negara tersebut.

Memang ada perancangan perbaikan jalan iaitu di Kepong dan Kerajaan sedang mengkaji untuk meluluskan peruntukan sebanyak \$20 juta menerusi EPU, bagi kawasan Kepong. Mudah-mudahan kawasan Kepong ini apabila kajian itu selesai, akan mempunyai satu jalan yang baik yang akan melegakan kesesakan lalulintas di sana.

Masalah sistem pengangkutan awam iaitu bas, ini sama sahaja dengan pengangkutan-pengangkutan lain. Kalau kita hanya mengatur sistem pengangkutan bas tetapi beberapa langkah tidak dibuat secara keseluruhan tidak akan mengatasi masalah. Seperti saya sebutkan tadi bahawa pengurusan pengangkutan termasuk 'area traffic control' dan lain-lain dalam jawapan asal, akan membantu sama ada kenderaan berat, pengangkutan bas atau pengangkutan awam yang lain.

Tuan Wee Choo Keong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar atau tidak di Jalan Kuching DBKL ada membina satu fly-over untuk satu projek kondominium, De Village untuk satu syarikat perumahan. Pembinaan fly-over khasnya untuk De Village ini adalah tidak wajar oleh kerana ini syarikat perumahan swasta dan tidak berkaitan dengan orang awam.

Saya juga ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada perbuatan ini patut atau tidak; sama ada wang untuk pembinaan fly-over di sana perlu digunakan untuk meluaskan jalan di bandaraya kita.

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang. Soalan Ahli Yang Berhormat tidak berkaitan dengan soalan asal. Saya akan menjawab secara bertulis, secara detil.

JALAN JUGRA/JALAN CHEKOR—GANGGUAN KENDERAAN BERAT

12. Dr V. David minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah sebabnya beberapa aduan atas perjalanan kenderaan berat di jalan-jalan sambungan seperti Jalan Jugra dan Jalan Chekor yang terletak di Batu 3, Jalan Kelang Lama, Kuala Lumpur tidak diambil perhatian oleh pihak Dewan Bandaraya;
- (b) di samping itu, kawasan tersebut digunakan sebagai tempat meletak kenderaan-kenderaan berat walaupun kawasan ini dikhaskan sebagai zon perumahan; dan

(c) bolehkah beliau memberitahu Dewan apakah sebabnya pemilik-pemilik kenderaan berat ini dibenarkan membuat bising dan mencemar udara di sini, tanpa mengambil kira kesihatan dan keselamatan penduduk-penduduk.

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, aduan terhadap perjalanan kenderaan berat di jalan-jalan sambungan seperti di Jalan Jugra dan Jalan Chekor hendaklah dibuat kepada pihak Polis Bahagian Trafik Bandaraya. Bagaimanapun, Dewan Bandaraya sentiasa bekerjasama dengan pihak Polis berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Mengenai aduan yang kawasan tersebut digunakan sebagai tempat meletak kenderaan-kenderaan berat, siasatan ke atasnya telah dibuat dari masa ke semasa. Terdapat dua buah syarikat pengangkutan yang dikenal-pasti menggunakan kenderaan-kenderaan berat melalui jalan tersebut iaitu Syarikat Sri Pantai Perniagaan Sdn. Bhd. di Lot 3727 dan Thong Trading dan Transport Sesama Kita Sdn. Bhd. di Lot 3728, Lorong Jugra.

Untuk makluman, kedua-dua syarikat tersebut telah menjalankan perniagaan mereka tanpa lesen yang sah. Oleh yang demikian, tindakan kompaun terhadap syarikat-syarikat berkenaan telah diambil kerana berniaga tanpa lesen. Tindakan ini akan diteruskan sehinggalah syarikat-syarikat yang tersebut berpindah atau menghentikan perniagaannya.

Suka juga dimaklumkan, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak akan meluluskan sebarang lesen perniagaan kepada syarikat-syarikat tersebut walaupun permohonan dibuat kerana ianya terletak di dalam kawasan perumahan.

Berhubung dengan masalah gangguan bunyi bising dan pencemaran udara pula, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga telah mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya kepada syarikat-syarikat tersebut. Antara tindakan-tindakan yang telah diambil termasuklah mengeluarkan notis amaran di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976, Seksyen 82 iaitu Notis Menghapuskan Kacau-ganggu.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga telah mengenakan kompaun di bawah Akta Perancangan Wilayah Persekutuan, 1982 kepada salah sebuah syarikat tersebut di mana dendanya adalah sebanyak \$1,000 telah dikenakan.

Dr V. David: Tuan Yang di-Pertua, syarikat itu sudah membayar denda tetapi bilakah mereka boleh pindah dari kawasan itu? Itulah soalan yang mustahak.

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, dia akan pindah.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya telah dimaklumkan iaitu pihak berkuasa, umpamanya Polis dan Jabatan Pengangkutan tidak berupaya untuk mengambil tindakan kepada kereta-kereta yang mengangkat kayu balak oleh kerana untuk menilaikan berat iaitu metric tone dan hoppus tone digunakan untuk menilaikan keberatan kayu itu. Adakah pihak Kementerian telah mengambil tindakan dan bilakah tindakan ini akan dapat diselesaikan.

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Kuala Lumpur setakat ini tidak ada kayu balak. Di Sarawak barangkali ada.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, baru semalam saya terjumpa tiga lori kayu balak melintasi Bandaraya Kuala Lumpur, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Betul juga, saya pernah nampak sendiri. (*Ketawa*)

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed: Saya akan mengambil perhatian dalam masalah ini. (*Ketawa*)

GAJI MINIMA PEKERJA

13. Dr Kua Kia Soong minta Menteri Sumber Manusia menyatakan memandangkan akan peringatan dan seringkali dibuat oleh Kerajaan BN mengenai kekayaan dan pertumbuhan ekonomi negara:

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil untuk memperkenalkan gaji minima yang terjamin untuk semua pekerja kita;
- (b) apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk memperkenalkan 'keselam' atau sosial, kesihatan dan keselamatan yang sempurna untuk semua pekerja; dan
- (c) bilakah semua rakyat Malaysia termasuk pekerja-pekerja letronik akan diberi hak asasi manusia untuk menubuhkan sebuah Kesatuan Sekerja Kebangsaan pilihan mereka.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam): Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia telah memberikan jawapan kepada soalan (a), dan (c) semasa menjawab pertanyaan yang sama dari Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru dan Petaling Jaya semasa menggulung perbahasan ke atas dasar-dasar am Belanjawan 1991 pada 9hb Januari, 1991. Saya tiada apa-apa perkara untuk ditambahkan kepada jawapan yang telah diberikan itu.

Berhubung dengan soalan (b), ingin saya memaklumkan bahawa bagi memberi perlindungan keselamatan sosial serta menjaga keselamatan dan kesihatan para pekerja, Kementerian sentiasa mengambil langkah untuk memastikan dua akta berikut dikuatkuasakan dengan rapi dan berkesan:

- (i) Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969
- (ii) Akta Kilang dan Jentera 1967 serta peraturan-peraturan di bawahnya.

Dr Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tanya perbezaan teori dan praktis Kementerian. Dalam kes Restoran Benson di Damansara Jaya di kawasan Petaling Jaya di mana satu kematian sudahpun berlaku, Menteri berkenaan sudah mengakui restoran tersebut menjalankan perniagaannya tanpa memperolehi kebenaran dari Jabatan Kilang dan Jentera selama lebih empat tahun. Apakah tindakan telah diambil terhadap restoran tersebut?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, soalan dari Yang Berhormat ini adalah specific. Saya tidak ada butir di tangan sekarang. Minta notis.

RANG UNDANG-UNDANG PENDIDIKAN BARU

14. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada pihak Kerajaan Persekutuan bercadang mengumumkan isi kandungan Akta Pendidikan Baru, untuk tujuan perundingan awam oleh semua pihak; dan sama ada sebuah Parliamentary Select Committee akan ditubuh untuk perbincangan awam dengan warganegara Malaysia seluruhnya tentang Akta tersebut.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang

Berhormat, Kerajaan akan mengumumkan kepada orang ramai kandungan Rang Undang-undang Pendidikan yang baru sebelum Rang Undang-undang itu dibentangkan di Parlimen. Majlis Perundingan Akta Pendidikan, yang diwakili oleh pertubuhan-pertubuhan politik, masyarakat, guru-guru, profesional dan berbagai kepentingan lain, belum selesai meneliti Rang Undang-undang itu dan oleh itu belum dapat kita ketahui timbulnyakah keperluan atau tidak untuk menubuhkan sebuah Parliamentary Select Committee.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, naskhah teks Rang Undang-undang Pendidikan baru ini memanglah baik kalau diumumkan kepada orang ramai sebelum ia dibentangkan di Parlimen, tetapi bila? Adakah ia akan diumumkan 24 jam sebelum ia dibahaskan di sini atau setengah tahun supaya semua orang dapat peluang untuk menyampaikan pandangannya?

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa Parliamentary Select Committee itu menjadikan satu alat kepada Parlimen yang paling berguna dan paling dihargai dengan tradisi yang lama dan memandangkan bahawa Akta baru ini sudah jadi paling berkontroversi, kenapa pihak Kementerian Pendidikan tidak buat satu keputusan sekarang atau Jemaah Menteri buat satu keputusan sekarang, memanglah Akta yang berkontroversi ini akan dirujuk kepada satu Parliamentary Select Committee?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, soal berkontroversi tidak timbul di sini. Bagi kami, inilah satu Akta yang penting dalam negara kita. Oleh itu, kita telah membukakan berbincang seluas-luasnya dari segi profesional, dari segi political and social aspect dan lain-lain dan kita terbuka dan kita telah faham bahawa kita sekarang masih di peringkat

rundingan di antara badan-badan tertentu yang telah kita jemput dan termasuklah parti-parti Pembangkang.

PILIHANRAYA UMUM 1990—PEMERHATI KOMANWEL

15. Tuan K. Kumaran minta Perdana Menteri;

- (a) sama ada Laporan Pemerhati Komanwel mengenai Pilihanraya Umum 1990 negara ini sudah diterima dan bilakah ianya diumumkan kepada rakyat; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk melaksanakan cadangan dan pandangan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas): Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan soalan (a), soalan daripada Yang Berhormat ini telah pun dijawab oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman ketika menjawab soalan Yang Berhormat dari Seputeh pada 2-1-1991. Oleh itu, saya tidak bercadang untuk menambah atau mengurangkan kepada jawapan yang telah diberikan itu.

Jawapan untuk soalan (b), Kerajaan sudah sememangnya menghormati pandangan-pandangan yang dimuatkan dalam laporan tersebut dan akan menerima serta melaksanakan cadangan-cadangan sekiranya didapati bersesuaian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa yang diperuntukan sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 dan 15 adalah diberi di bawah ini).

**PROJEK PENGKALAN
TENTERA UDARA
GONG KEDAK**

9. Wan Omar bin Wan Majid minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai bagi melaksanakan Projek Pengkalan Tentera Udara Gong Kedak yang dirancang secara berperingkat-peringkat itu. Peringkat pengambilan balik tanah telah pun selesai, perbelanjaan yang berkait dengannya sehingga Mac 1987 berjumlah \$38.6 juta. Sekarang pembangunannya di peringkat mana. Apakah Kementerian telah mengatur rancangan yang dikatakan berperingkat itu. Sila nyatakan sehingga sekarang berapa banyakkah wang yang telah dibelanjakan.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Penangguhan Projek Gong Kedak adalah disebabkan masalah kewangan. Walau bagaimanapun, projek ini adalah projek yang masih disenaraikan untuk perlaksanaan. Pemerosesan perlaksanaannya akan dibuat dalam Rancangan Malaysia Keenam (RMK 6) dan tertakluk kepada peruntukan kewangan Kementerian Pertahanan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga kini, Kementerian Pertahanan telah mengambilalih tanah seluas 3525.744 ekar di dalam kawasan Negeri Kelantan dan Terengganu untuk projek ini. Semua tanah-tanah tersebut telah dibuat pembayaran dan berjumlah \$38,960,230.15. Untuk meneruskan projek ini, Kementerian Pertahanan telah pun memohon peruntukan RMK-6 sebanyak \$25 juta bagi tujuan juruperunding.

Projek tersebut akan dilaksanakan mengikut keutamaan, sebaik sahaja laporan juruperunding selesai.

**PEMERHATI KOMANWEL—
LAPORAN**

15. Dato K. Kumaran minta Perdana Menteri

- (a) sama ada Laporan Pemerhati Komanwel mengenai Pilihan-raya umum 1990 negara ini sudah diterima dan bilakah ianya diumumkan kepada rakyat; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk melaksanakan cadangan dan pandangan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas):

- (a) Soalan daripada Yang Berhormat ini telah pun dijawab oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman ketika menjawab soalan Yang Berhormat daripada Seputeh pada 2.1.1991. Oleh itu saya tidak bercadang untuk menambah atau mengurangkan kepada jawapan yang telah diberi itu.
- (b) Kerajaan sudah sememangnya menghormati pandangan-pandangan yang dimuatkan dalam laporan tersebut dan akan menerima serta melaksanakan cadangan-cadangan sekiranya didapati bersesuaian.

**PEGAWAI SARAWAK DI
JABATAN PERDANA MENTERI**

16. Tuan Song Sing Nang minta Perdana Menteri menyatakan apakah kadar peratusan Ketua Jabatan yang dipegang oleh pegawai Sarawak yang oleh Kementerian di dalam Pejabat Menteri dikelolakan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tidak ada pegawai Sarawak yang menjadi Ketua-ketua Jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Untuk makluman Yang Berhormat skim perkhidmatan bagi Ketua-ketua Jabatan Perdana Menteri kebanyakannya adalah dari skim Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD). Sehingga kini tidak ada Pegawai Tadbir dan Diplomatik dari Negeri Sarawak yang layak dilantik menjadi Ketua Jabatan.

SKIM TABUNG PEMULIHAN USAHAWAN

17. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai dalam membantu Usahawan-usahawan Bumiputera membaik pulih projek-projek yang terbengkalai di bawah "Skim Tabung Pemulihan Usahawan (TPU)". Jika sekiranya pencapaian itu di tahap yang tidak memuaskan, apakah langkah-langkah yang diambil untuk memantapkan proses pemulihan tersebut.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Jawapan berkaitan dengan perkara ini telah pun dibuat pada 4 Januari 1991 iaitu semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat daripada Labuan. Oleh itu saya tidak bercadang untuk mengulangi jawapannya.

BIRO TATANEGARA— LATIHAN

18. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakub minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah aktiviti yang dijalankan oleh Biro Tatanegara (BTN) dengan peruntukan \$5,022,000.00 yang diluluskan bagi tahun 1990; dan

- (b) sejauh manakah Kerajaan dapat memberi jaminan bahawa BTN tidak digunakan untuk menonjolkan kepentingan politik peribadi dan politik parti.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman):

- (a) Aktiviti yang dijalankan oleh BTN ialah kursus latihan, ceramah dan penyelidikan yang diadakan dari semasa ke semasa. Latihan yang diberikan adalah bercorak ke arah pembentukan penukaran watak rakyat Malaysia yang positif, pencapaian nilai-nilai murni dan pemahaman tentang pembinaan negara bangsa (nation building), selaras dengan objektif penubuhan Biro Tatanegara. Kursus-kursus yang dianjurkan oleh BTN adalah untuk semua lapisan masyarakat.
- (b) Berdasarkan objektif penubuhan dan aktiviti yang tersebut itu adalah jelas bahawa BTN tidak terlibat dalam usaha menonjolkan kepentingan politik peribadi dan politik parti.

AHLI PARLIMEN KAWASAN KINABATANGAN—KENYATAAN

19. Tuan Lai Lun Tzee minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bolehkah Menteri berkenaan memberitahu Persidangan ini apakah tindakan yang sudah diambil terhadap laporan Polis kepada Timbalan Perdana Menteri, RTM dan Bernama yang telah dibuat oleh Encik Miyong Haji Hamzah, calon Ahli Parlimen Kawasan Kinabatangan, mengenai dengan kenyataan palsu yang telah disebarkan oleh semua pihak yang berkenaan di atas, bahawa beliau telah menarik diri daripada bertanding di kawasan Parlimen tersebut.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Siasatan mengenai perkara tersebut masih belum selesai dijalankan oleh pihak Polis.

TAHANAN ISA

20. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan orang yang masih ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA);
- (b) bilangan orang tahanan yang dibebaskan dengan syarat-syarat tertentu yang masih belum dibatalkan; dan
- (c) dakwaan mereka ditahan dan dikenakan syarat tersebut.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Sehingga 31-1-1991 terdapat seramai 149 orang yang sedang ditahan di bawah Seksyen 8(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960.
- (b) Bilangan orang tahanan yang dibebaskan dengan bersyarat di bawah Penggantungan Perintah Tahanan Seksyen 10, Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 adalah seramai 27 orang.
- (c) Mereka dikenakan Perintah Tahanan atas sebab-sebab penglibatan mereka di dalam kegiatan-kegiatan yang memudaratkan keselamatan negara.

PENERANGAN SENDIRI OLEH SETIAUSAHA PARLIMEN DI JABATAN PERDANA MENTERI

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sekarang saya jemput Yang Berhormat

Setiausaha Parlimen dari Jabatan Perdana Menteri untuk memberi penerangan sendiri di bawah Peraturan Mesyuarat 25. Silakan.

3.35 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin saya bangun di bawah Peraturan Mesyuarat 25. Merujuk kepada soalan No. 16 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka pada 28-1-1991 dan jawapan yang telah diberikan oleh saya seperti dirakamkan di dalam *Hansard* Dewan yang mulia ini pada hari berkenaan, saya ingin membuat penerangan sendiri berkenaan jawapan tersebut setelah mendapat penjelasan lanjut daripada pihak BPR.

Saya telah difahamkan, walaupun Francis Tan telah membuat laporan terhadap Presiden MCA kepada Badan Pencegah Rasuah dan seterusnya beliau menarik balik laporan tersebut. Namun demikian, Badan Pencegah Rasuah terus menjalankan penyiasatan mereka terhadap Presiden MCA. Jawapan yang telah diberikan oleh saya pada 28-1-91 sebenarnya telah disiapkan oleh pihak BPR pada hujung bulan Disember 1990 dan seterusnya dihantar ke Jabatan Perdana Menteri.

Walaupun bagaimanapun, pihak BPR telah menyelesaikan penyiasatan ke atas kes tersebut pada 8-1-1991 dan maklumat ini tidak dipanjangkan kepada Jabatan Perdana Menteri. Hasil siasatan BPR mendapati bahawa tidak ada unsur rasuah, salahguna kuasa atau penyelewengan berlaku dalam kes Boltan Finance yang melibatkan Presiden MCA. Ini bermakna bahawa Presiden MCA, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan tidak bersalah ataupun dengan izin, innocent.

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat sebentar. Point of order.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu menanya sama ada wajar....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Point of order berapa?

Tuan Othman bin Abdul: Point of order berapa?

Tuan Lim Kit Siang:....di mana Peraturan 25 ini untuk penjelasan— Yang Berhormat Perdana Menteri berdiri untuk buat penjelasan sendiri adalah tepat dan mengikut peraturan. Apa yang dia buat ialah mungkin dia buat kesilapan, mungkin dia kena kutuk, tekan oleh MCA, Presiden MCA, itu hal yang lain, tidak boleh mengikut peraturan ini untuk membetulkan kesilapan. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sebentar, ya. Yang Berhormat mengatakan Peraturan Mesyuarat. Sila ikut Peraturan Mesyuarat. Sendiri Yang Berhormat ikut, ya. Apa dia yang Peraturan Mesyuarat?

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat 25.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada kesalahan?

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat 25. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, “sekurang-kurangnya dua jam sebelum mesyuarat dimulakan seseorang Ahli boleh mengeluarkan penerangan sendiri pada waktu yang ditetapkan menurut Peraturan Mesyuarat 14 sungguhpun pada masa itu tidak ada pertanyaan dalam masa

mesyuarat; tetapi tidak boleh dikeluarkan perkara-perkara yang akan membangkitkan pertelingkahan dan tidak dibenarkan perbahasan berkenaan dengan penerangan itu. Isi penerangan yang dicadangkan itu hendaklah dihantar dengan sepenuh-penuhnya kepada Tuan Yang di-Pertua pada masa meminta izin hendak memberi penerangan itu.” Peruntukan ini digunakan untuk seorang ahli apabila dia dikritik atau apa-apa di mana beliau tidak ada peluang untuk menjawab atau untuk menjelas. Bukan untuk seorang yang mungkin cuai, sudah silap dalam pertanyaan. Itu bukan Minister’s explanation.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Ini salah Peraturan Mesyuarat.

Tuan Othman bin Abdul: Duduklah, duduk!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat minta penerangan, ya.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah UMNO takut kepada MCA?

Tuan Othman bin Abdul: Awak bodoh, bodoh jugalah! Bodoh, bodoh jugalah. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kita telah menerima notis pagi tadi dan kita ikut Peraturan Mesyuarat. Sila teruskan, tidak ada gangguan.

Tuan Othman bin Abdul: Ketua Pembangkang ini nampak makin bodohlah! (*Ketawa*)

Tuan Lim Guan Eng: Minta dia tarik balik perkataan “bodoh”.

Tuan Othman bin Abdul: Alah, pengilahl!

Tuan Lim Guan Eng: Minta dia tarik balik. No, ini satu perkataan yang unparliamentary.

Tuan Othman bin Abdul: Saya tarik balik "bodoh". Saya tarik balik "bodoh", baik, baik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat....Yang Berhormat....

Tuan Lim Guan Eng: Dari parti yang bodoh!

Seorang Ahli: Anak pun bodoh. (*Ketawa*)

Tuan Othman bin Abdul: Anak pun bodoh macam bapa dia. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan Yang Berhormat. (*Disampuk*)

Tuan Othman bin Abdul: Bagi perkara....(*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya beri amaran, kalau ada gangguan sekali lagi, jaga.

Tuan Othman bin Abdul: Bagi perkara (*b*), Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menjelaskan di sini bahawa Yang Berhormat Menteri Pengangkutan tidak terbabit dalam penjualan harta-benda Koperasi Serbaguna Malaysia dan Multi-Purpose Holdings Berhad oleh kerana koperasi tersebut diletak di bawah Pemegang Amanah Raya dan semua kuasa penuh ialah di tangan Pemegang Amanah Raya tersebut.

Dengan itu, Presiden MCA tidak terlibat dengan apa-apa penjualan harta Koperasi Serbaguna Malaysia dan Multi-Purpose Berhad. Terima kasih.

Seorang Ahli: Bohong—Dia patut letak jawatan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang: Jawapan semacam itu dan buat explanation macam itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Tanjung, saya sangat kesal kerana Yang Berhormat selalu memberi peringatan Peraturan Mesyuarat, Yang Berhormat sendiri tidak ikut. (*Tepuk*) (*Ketawa*)

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat 25 tidak boleh digunakan semacam ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila duduk, teruskan Setiausaha.

Tuan Lim Guan Eng: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Perkara sudah selesai, sila duduk!

Tuan Lim Guan Eng: Point of order 26(1)(*p*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Apa dia?

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak menimbulkan satu perkara di bawah Peraturan Mesyuarat 26(1), biar saya baca:

Usul memberikan notis untuk membuat satu usul berkenaan dengan hak dan kebebasan.

Kerana jawapan Setiausaha Parlimen kepada saya pada hari yang dia sebutkan tadi adalah palsu dan dia telah berbohong di Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat jangan berucap.

Tuan Lim Guan Eng: Oleh sebab itu saya hendak membuat satu usul bahawa beliau di refer to the Privileges Committee, kerana dia bohong kepada saya pada hari itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, itu adalah hak kalau ada asas, mengikut Peraturan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, pada hari itu dia memberikan jawapan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kita tidak boleh teruskan perbincangan ini kerana seperti Yang Berhormat tahu perkara ini tidak dibenarkan perbahasan. Jadi, kita teruskan dengan Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, kena baca 26 (1) (p).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila duduk! Saya sudah buat keputusan.

Tuan Lim Guan Eng: Kena baca Peraturan Mesyuarat 26 (1) (p).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila duduk! Saya tahu dan saya buat keputusan atas perkara itu, mesyuarat diteruskan. Yang Berhormat sengaja mengganggu perjalanan Mesyuarat. Kalau Yang Berhormat mahu refer to Privileges Committee, dipersilakan, itu hak Yang Berhormat—ikut prosedur. Teruskan.

Setiausaha: Aturan Urusan Mesyuarat dan Usul. Perbahasan . . .

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, kecuali jika lain dalam Peraturan Mesyuarat ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila duduk Yang Berhormat!

Tuan Lim Guan Eng: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya minta sekali lagi, sila duduk!

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, saya akur kepada Tuan Yang di-Pertua, tetapi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pembohong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, duduk sekarang! Ya, Setiausaha, teruskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1991

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1991

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1991 dan Anggaran Pembangunan, 1991 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (Hari Keenambelas)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Maksud B. 53 (Jadual)—

Maksud P. 53 (Anggaran Pembangunan 1991)—

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila sambung.

3.43 ptg.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya suka menyambung tentang pengurusan koperasi lagi dan pada kesimpulannya, suka saya nyatakan bahawa kita akan meminda Akta Koperasi dan akan dibentangkan dalam Dewan yang akan datang dan antara perkara yang kita cadangkan itu termasuklah cara-cara untuk mengawal ataupun membanteras anasir-anasir daripada luar dari menyusup dan menyerap ke dalam koperasi-koperasi di negara kita ini.

Saya telah pun menyiasat tentang kedudukan KOPONAS ataupun Koperasi Pos Nasional ini dan saya akan memanggil beberapa orang Ahli Lembaga Pengarahnya untuk menentukan beberapa perkara yang kalau perlu diperbetulkan, kita akan perbetulkan.

Selain daripada itu ialah tentang bantuan pengurusan dan juga elaan pengembang koperasi yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang. Perkara ini dalam pertimbangan kita. Soal hendak meningkatkan kelas kepada KPD, yang saya pun maklum ada perebutan untuk mendapatkan projek-projek pembangunan di peringkat daerah, kita akan nilai ataupun pihak yang berkenaan akan menilai tentang keupayaan dan kemampuan tiap-tiap KPD dan kita tidak ada halangan, kalau sekiranya mereka patut dinaikkan kelasnya, kita akan menyokong supaya dibuat demikian.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membangkitkan beberapa perkara tentang koperasi-koperasi yang telah disebutkan, saya hendak berikan jawapan sedikit. Terutama sekali tentang penjualan harta KSM kepada Syarikat Kamunting. Suka saya jelaskan bahawa jualan harta KSM kepada Syarikat Kamunting itu adalah di atas urusan pihak receivership, dengan izin, dan tidak memerlukan sokongan atau kelulusan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Perkara kedua, tentang kedudukan Maju Jaya dan Koperasi NESA. Saya suka jelaskan, kedua-dua koperasi ini masih di bawah urusan receivership, aturan sedang dibuat oleh pihak receivership bagi membuat pembayaran. Tarikh akan ditentukan oleh pihak receivership sendiri. Perkara yang ketiga, ialah tentang kedudukan CCB. Suka saya jelaskan iaitu CCB juga masih di bawah receivership. Skim penyelamat sedang digubal oleh pihak penanggung dan JPK tidak terlibat dalam urusan pembayaran balik deposit ahli-ahli CCB.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan ialah tentang kedudukan koperasi-koperasi pengambil deposit yang diletakkan di bawah penanggungan iaitu seperti Kewangan Usaha Makmur Berhad (KUMB) dan Yang Berhormat ingin tahu bila akan disenaraikan di BSKL. Suka saya nyatakan iaitu kesemua 12 koperasi pengambil deposit yang diletakkan di bawah Syarikat Penanggung KUMB telah selesai urusan pengambilan deposit ahli-ahli. Sebahagiannya dalam bentuk tunai antara 50%—70%, manakala bakinya diberi dalam bentuk saham KUMB. Untuk makluman Yang Berhormat juga urusan menyenaraikan Syarikat KUMB di dalam BSKL adalah urusan pihak Bank Negara dan KUMB sendiri.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya hendak menyimpulkan dengan mengatakan bahawa selepas semua

urusan yang dibuat oleh penanggung selesai, pihak Bank Negara akan mengarahkan JPK sama ada untuk hendak menutup ataupun untuk meneruskan perjalanan koperasi-koperasi yang berdaya maju.

Tuan Lim Guan Eng: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri, hendak beri jalan, dia bangun.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Sedikit bolehlah.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana saya tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak bohong seperti Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, dia ada standard sedikit, tidak bohong seperti Setiausaha Parlimen dan tidak takut kepada MCA.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Sekarang kerana Bank Negara telah mengambil alih koperasi-koperasi pengambil deposit yang menghadapi masalah, adakah ini bermakna bahawa JPK tidak ada urusan lagi atau ada peranan lagi dalam koperasi-koperasi tersebut supaya pada masa depan kalau kita hendak menunjukan soalan ini, kita tidak akan menyusahkan pihak Kementerian, kita akan tanya terus kepada pihak Kementerian Kewangan. Ingin penjelasan, terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Pengerusi, seperti yang saya katakan tadi, mana-mana koperasi yang didapati berdaya maju akan dicadangkan oleh Bank Negara untuk diteruskan dan kita akan bertanggungjawab bagi mengendalikan dan mengambil tahu tentang perjalanan koperasi.

Selain daripada itu Yang Berhormat dari Kepong dan Kota Melaka juga telah membangkitkan soal cadangan pindaan ke atas Akta Pengambilan Tanah. Saya suka jelaskan iaitu memang ada cadangan tetapi kita belum muktamadkan perkara ini dan saya suka tegaskan iaitu kita tidak ada niat hendak mengambil tanah orang ramai dengan tidak bertanggungjawab ataupun sewenang-wenangnya. Kita faham tentang hak mutlak seseorang warganegara kita dari segi pemilikan harta dan saya beri jaminan iaitu bila sampai masanya penguatkuasaan ataupun pelaksanaannya kita akan sempurnakan dengan secara yang cukup berhati-hati.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada Rang Undang-undang ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Parlimen ini, sesi ini atau hanya pada sesi Jun. Yang kedua, memandangkan bahawa pindaan yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mempunyai implikasi yang amat luas dan besar, adakah pihak Kementerian bercadang menubuhkan satu Parliamentary Select Committee untuk mendapat pandangan orang ramai terhadap undang-undang ini kerana kalau undang-undang (pindaan) dalam bentuk yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, sebarang pengambil alihan tanah tidak boleh dipersoalkan atau dicabar dalam mahkamah.

Ini merupakan satu kuasa hakiki atau kuasa penuh oleh Kerajaan untuk membuat apa yang mereka boleh dan saya takut dalam hal pengambilan tanah ini Malaysia dituduh mengikuti apa yang dibuat oleh negara-negara komunis kerana mereka mengamalkan sistem nationalisation yang tidak boleh dicabar dalam Mahkamah. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Pengerusi, seperti yang saya katakan tadi, pindaan ini belum muktamad dan Kerajaan memang sensitif ataupun peka terhadap pandangan-pandangan umum dan seperti saya kata tadi, kita bertanggungjawab. Kerajaan Barisan Nasional sentiasa bertanggungjawab dalam apa juga perkara yang kita buat dan kita tidak ada niat hendak aniaya sesiapa dalam masa kita membuat kerja ini dan niat cadangan kita cuma satu sahaja, iaitu untuk mempertingkatkan dan mempercepatkan lagi usaha-usaha pembangunan dan kemajuan. Itu sahaja.

Saya hendak betulkan sedikit gambaran yang kurang tepat ini, seolah-olah dengan pindaan ini pemilih tanah ditiadakan (deny) dia punya hak (right) untuk pergi ke Mahkamah. Sebenarnya hak itu masih ada. Kalau tanah seseorang itu diambil oleh Kerajaan untuk sesuatu tujuan, sekiranya dia tidak berpuas-hati di atas pampasan yang diberi, pemilih-pemilih tanah itu boleh pergi ke Mahkamah dan haknya didengar dan keputusan akan dibuat. Proses ini akan kita jalankan dan hak itu tetap ada kepada pemilik-pemilik tanah dan saya tegaskan sekali lagi iaitu kita tidak ada niat langsung untuk menganiaya sesiapa di dalam masa kita hendak membuat pembangunan.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada kata bahawa hak untuk soalkan atau mencabar pindaan yang dicadangkan ini masih ada. Tetapi bukankah ini terhad kepada perkara pampasan, dan bukan kepada pengambilan tanah? Bukankah itu satu perkara yang sangat mustahak oleh kerana ia telah melahirkan perasaan yang tidak senang hati kepada begitu ramai rakyat jelata? Akankah perkara ini dibentangkan dan diumumkan pada satu masa untuk perbincangan orang ramai sebelum

perkara ini dibentangkan di dalam Parlimen?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Pengerusi, seperti yang saya katakan tadi, bila kita ambil sekeping tanah, haknya di atas tanah itu, jika dia tidak puashati, dia boleh pergi ke Mahkamah dan terpulanglah kepada Mahkamah untuk menentukannya. Ini menunjukkan bahawa hak sipemilik itu tetap ada. Cuma macam mana cara kita tafsir atau interpret, itu terpulanglah kepada pihak yang menafsir. Kalau parti Pembangkang tafsir, dia mesti tafsir ikut selera dia untuk kepentingan politiknya. Macam itulah ceritanya.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Sudahlah. Don't debate on it. You will have enough time.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri, sila duduk!

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Jadi, Tuan Pengerusi, kalau boleh saya sambung. Yang Berhormat dari Arau telah membangkitkan soal kerja-kerja mengukur sempadan dan mengatakan ada batu-batu sempadan yang telah ditanam tetapi telah ditukar ataupun dipindahkan. Suka saya jelaskan iaitu sehingga kini mengikut penelitian Jabatan Ukur, batu-batu sempadan yang telah ditanam dan diukur oleh pihak Malaysia dengan pihak Thailand tidak pernah diubah. Mungkin kadangkala kedapatan berlaku ia dibuat oleh orang awam atau orang ramai. Jikalau sekiranya Yang Berhormat itu ada bukti-bukti yang sah, saya suka mendapat maklumat itu supaya dapat kita siasat betul-betul mengenai perkara ini.

Kemudian Yang Berhormat dari Arau juga ingin tahu bagaimana

perundingan bagi menentukan batu sempadan antara Malaysia dengan Thailand ini dibuat. Suka saya jelaskan, Tuan Pengerusi, iaitu penentuan sempadan antarabangsa antara Malaysia dan Thailand dibuat berasaskan kepada Memorandum Persefahaman yang telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak pada 8hb September, 1972 yang berlandaskan kepada Treaty 1909 yang telah ditandatangani oleh Kerajaan British dan Siam pada 10hb Mac 1909. Treaty 1909 memperuntukkan dua pendekatan bagi mendefinisikan sempadan antarabangsa iaitu sempadan darat adalah mengikut legih (watershed), manakala sempadan sungai adalah mengikut "culvert" iaitu bahagian terdalam saluran sungai itu. Ini semua technical terms. Sehubungan dengan itu, penandaan dan pengukuran sempadan Malaysia-Thailand yang telah dibuat adalah betul-betul mengikut pendekatan Treaty 1909.

Yang Berhormat dari Kota Melaka juga ada bertanya tentang kedudukan sebuah rumah api di Selat Tebrau. Suka saya jelaskan iaitu tiada sebarang pertikaian yang melibatkan pulau-pulau kecil di Selat Tebrau. Kemungkinan pulau yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah sebuah pulau yang terletak kira-kira 7.7 batu notika di Tenggara Tanah Besar Negeri Johor yang menjadi laluan pintu masuk ke Selat Tebrau iaitu Pulau Batu Putih. Isu kedaulatan pulau ini sedang dalam perbincangan di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Singapura.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara iaitu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Nilam Puri, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat di atas pandangan yang telah diberikan dan sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, soal pengurusan tanah wakaf ini adalah di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri. Namun demikian memang kita sedang meneliti

Kanun Tanah Negara dan insya Allah kita akan pinda dan akan membentangkan di Dewan ini. Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu memang sudahpun ada di dalam tindakan kita dan kita akan membentangkan pindaannya nanti.

Satu lagi perkara yang suka saya jelaskan ialah tentang pengeluaran hak milik strata, yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong. Suka saya tegaskan di sini iaitu Kerajaan memang suka—lagi cepat surat hak milik ini diberi lagi baik, dan kita tidak ada niat hendak melambat-lambatkan pengeluaran hak milik strata ini dan itulah sebabnya juga kita telah mewujudkan satu Akta Hakmilik Strata dalam tahun 1985 dahulu dan tujuannya ialah untuk mempercepatkan proses pengeluaran hak milik ini. Kalau dalam KTM dahulu ada 27 tindakan yang perlu diambil, tetapi melalui Akta Hakmilik Strata yang ada itu, kita telah dapat mengurangkannya kepada 12 dan tempoh masa yang telah ditentukan itu pada hemat Kerajaan atau Kementerian adalah yang paling munasabah untuk kita perhitungkan ataupun perkiraan.

Suka saya menjelaskan ataupun tegaskan iaitu soal cepat atau lambat keluaran sesuatu hak milik itu bukanlah bergantung kepada Pejabat Tanah sahaja, pihak Pemaju dan pihak Juruukur juga ada peranannya dalam menentukan kepantasan dan kecepatan pengeluaran hak milik tersebut. Suka saya maklumkan kepada Yang Berhormat iaitu setakat ini kita telah pun mengeluarkan sebanyak 13,940 surat hak milik strata semenjak permohonannya dibuat.

Kemudian satu perkara lagi ialah tentang pengambilan tanah oleh bukan warganegara ataupun orang-orang asing.

Kalau kita masih ingat dalam tahun 1983, kita buat satu kajian tentang soal pemilikan tanah oleh warganegara

asing dan kita dapati memang ada warganegara asing yang memiliki tanah dan kita telah pinda Kanun Tanah Negara untuk menyekat warganegara asing daripada memiliki tanah-tanah atau tanah pertanian di negara kita ini tetapi bila inflasi melanda negara kita ini dalam tahun 1985, waktu itu kita pinda balik KTN untuk membebaskan orang luar memiliki tanah. Pihak Kerajaan maklum ada tanah-tanah pertanian kebanyakannya di negeri Johor yang telah dibeli oleh warganegara asing sehingga menimbulkan satu keresahan bukan sahaja oleh Kerajaan Negeri Johor tetapi juga oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri yang lain. Kita sentiasa meneliti tentang perkara ini.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, ialah tentang sistem maklumat tanah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong juga dan suka saya nyatakan iaitu sejak cadangan ini hendak diadakan, pihak pejabat Ketua Pengarah Tanah dan Galian (KPTG) telahpun mengambil tindakan mulai tahun lalu dan satu projek perintis telah pun dimulakan di Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan untuk mengumpul data-data dan maklumat-maklumat tentang tanah di negara kita ini.

Kita mendapat bantuan daripada Kerajaan Sweden dalam usaha kita hendak mewujudkan satu sistem maklumat tanah yang lengkap, yang comprehensive, dengan izin, bagi negara kita ini supaya segala rekod-rekod tentang tanah dan pemilikan tanah dan sebagainya dapat kita simpan dengan baik dalam komputer-komputer yang telah pun mula kita lengkapkan di Pejabat-pejabat Tanah kita. Kita harap dengan adanya satu sistem maklumat tanah yang lengkap itu nanti, ianya akan dapat membantu Kerajaan menyelesaikan banyak masalah-masalah tanah dan dapat mempercepatkan lagi usaha-usaha hendak memajukan negara kita ini melalui kegunaan tanah yang sebaik-baiknya.

Itu sahajalah, Tuan Pengerusi, penjelasan saya dan saya ucapkan berbilang terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$124,645,900 untuk Maksud B.53 di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$124,645,900 untuk Maksud B.53 diperintahkah jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$27,465,370 yang disebutkan dalam Maksud P.53 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1991 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$27,465,370 untuk Maksud P.53 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1991.

Maksud B.54 dan B.55 (Jadual)—

Maksud P.54 dan P.55 (Anggaran Pembangunan 1991)—

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepala Bekalan B.54 dan B.55 serta Kepala Pembangunan P.54 dan P.55 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar terbuka untuk dibahaskan sekarang. Larut.

4.03 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut): Tuan Pengerusi, Maksud B.54, mukasurat 265, Butiran 050000 Perbadanan Kemajuan Kraftangan.

Perkara ini saya percaya perlu dibawa di dalam Dewan ini kerana kesannya tidak begitu efektif setakat mana yang kita mengetahui.

Disarankan supaya Kementerian mengambil usaha lebih bagi menyusun kemajuan-kemajuan kraftangan guna menjadi mata pencarian kepada rakyat yang miskin di kampung-kampung di seluruh negara dengan peruntukan yang ada, khususnya di kawasan Larut.

Tuan Pengerusi, Butiran 060000 Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara. Dengan ringkasnya bahawa didapati banyak benar sungutan daripada orang ramai mengenai permohonan-permohonan mereka untuk pergi menjadi peneroka tanah rancangan FELCRA. Mereka telah memohon sekian lama hingga setakat ini, peneroka-peneroka yang memohon ataupun the applicants, dengan izin, tidak mendapat jawapan sama ada mereka diterima ataupun ditolak. Jadi, saya berharap pihak yang berkuasa, khususnya FELCRA, dapat menyasiat perkara ini. Sekiranya jawapan-jawapan diberi ataupun peneroka-peneroka itu diterima maka sungutan saya ini tidak payahlah ambil berat lagi, khususnya juga di Larut. Ini hendak bercakap fasal kawasan.

Tuan Pengerusi, ada rancangan-rancangan FELCRA yang mana bila mengambil tanah menerusi sukatan yang mereka mahu yang dikehendaki oleh FELCRA termasuk tanah-tanah yang mana terdahulu dari itu telah diterokai secara haram oleh orang-orang kampung yang mana ini menimbulkan masalah-masalah kepada Wakil Rakyat, kepada Pegawai Daerah dan masyarakat-masyarakat kampung apabila tanah-tanah yang mereka terokai terlebih dahulu itu dimasuki oleh FELCRA. Perkara ini juga saya harap mendapat perhatian kerana mereka telah menanam tanam-tanaman seperti durian, cempedak, petai—sepertimana Ahli dari Nilam Puri suka, jering atau lain-lain.

Yang ketiganya, bagi tanah-tanah terbiar ianya masih banyak tidak mendapat perhatian khususnya dari pegawai-pegawai FELCRA dan saya faham bahawa jawapan telah diberi dalam Dewan ini sejak saya menjadi Ahli di Dewan ini bahawa masalah-masalah hakmilik menjadi batu penghalang ataupun rintangan yang mana mereka tidak dapat menyejagakan usaha pemulihan. Saya percaya perkara ini bolehlah diselesaikan dan menasihatkan supaya perkara-perkara seperti hakmilik ataupun waris-waris yang tidak mahu itu supaya berunding dengan peguam-peguam.

Tuan Pengerusi, mukasurat 267, Maksud yang sama, tajuk Kemajuan Masyarakat dan Pelajaran Dewasa, dan Butiran 00300 Khutub Khanah Luar Bandar. Setakat ini khususnya saya belum lihat kejayaan rancangan ini walaupun banyak kita mendengar usaha-usaha Kementerian hendak membanyakkan khutub khanah-khutub khanah desa dan khutub khanah desa ini saya harap dapat dipercepatkan kerana ia perlu bagi penduduk-penduduk luar bandar khasnya di kampung-kampung guna bagi rujukan untuk menambah ilmu pengetahuan ataupun untuk anak-anak mereka belajar di sekolah-sekolah. Kalau kita pergi ke negara-negara lain yang telah maju, kita sentiasa mengatakan negara kita maju iaitu yang kelima dalam dunia ini, kalau kita pergi ke England umpamanya, kita dapati bahawa kampung-kampung kecil pun mempunyai khutub khanah. Saya berharap dengan saranan ini supaya peruntukan-peruntukan yang ada itu digunakan dengan segera supaya perkara ini tidak lagi menimbulkan masalah kepada orang-orang kampung yang mana sentiasa mengharapkan khutub khanah-khutub khanah itu.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Nanti sekejap Larut, Tumpat bangun.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ada soalan. Penjelasan.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Boleh.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Yang Berhormat ada menyatakan tadi bahawasanya negara kita ini yang kelima majunya di dalam dunia. Adakah itu betul ataupun tidak?

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Pengerusi, jawabnya betul. (*Ketawa*) Saya berharap dengan adanya peruntukan-peruntukan yang besar itu, janganlah hanya menanam tebu di bibir mulut. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Bayan Baru.

4.08 ptg.

Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Bekalan B.54, Butiran 020000 Pembangunan Masyarakat dan Pelajaran Dewasa, sekaligus P.54 di bawah Butiran 00100.

Tuan Pengerusi, kita memang menerima kenyataan bahawa Kementerian Pembangunan Luar Bandar adalah sebuah Kementerian yang telah memainkan peranannya yang begitu berkesan dalam pembangunan luar bandar. Namun demikian, kita rasa ini adalah satu Kementerian yang bukan sahaja telah membawa kejayaan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat di luar bandar malahan telah memperkukuhkan kedudukan Barisan Nasional, khususnya UMNO, untuk mendapat sokongan mereka dari luar bandar dan Kementerian inilah telah diperalatkan dengan sehabis-habisnya untuk kepentingan UMNO.

Tuan Pengerusi, kita lihat peranan yang telah dimainkan oleh KEMAS selama ini. KEMAS telah menjalankan peranan mereka yang amat berkesan bukan hanya untuk membantu meningkat taraf hidup rakyat di luar bandar, malahan telah menjadi agen dan alat UMNO dalam memainkan peranan mereka mendekati dengan rakyat di luar bandar. Sehingga hari ini saya merasa hairan, apakah sebenarnya penubuhan KEMAS yang betul-betul dapat difahami oleh rakyat, kerana ini semua perbelanjaan yang dilakukan adalah wang rakyat. Dalam program Belanjawan ini tidak ada nampak cara yang terperinci tersebut tentang peranan dan keanggotaan KEMAS hanya disebut tentang peruntukan Belanjawan yang diperlukan.

Sehingga hari ini saya tidak tahu apakah kedudukan skim pekerjaan atau skim perkhidmatan pekerja-pekerja KEMAS. Tidak ada siapa tahu apakah mereka ini pegawai tetap, pegawai yang telah ditawarkan sepertimana pegawai-pegawai dalam perkhidmatan Kerajaan yang lain. Apakah bentuk tanggagaji yang telah ditawarkan kepada mereka ini, kita tidak tahu, dan apakah syarat-syarat pekerjaan ataupun syarat-syarat kemasukan bagi anggota KEMAS ini. Yang saya tahu KEMAS ini merupakan satu tempat imbuhan dan ganjaran kepada ahli-ahli UMNO. Selain daripada itu kita tidak tahu siapakah yang perlu dimasukkan ke dalam KEMAS bagi menjalankan tugas yang begitu amat penting bagi membangunkan masyarakat di luar bandar.

Saya rasa kalau KEMAS hendak memainkan peranan yang lebih berkesan bagi membantu masyarakat di luar bandar, maka KEMAS sendiri hendaklah dijadikan satu agensi yang lebih berprofesional ke arah membantu rakyat secara yang lebih berkesan.

Kita ada banyak graduan-graduan yang menganggur yang patut dimasukkan di dalam KEMAS, bergerak secara

yang lebih berprofesional dan membantu rakyat di luar bandar, supaya ia benar-benar mencapai matlamat untuk meningkatkan taraf hidup di luar bandar terutamanya untuk membasmi kemiskinan ataupun mengatasi masalah golongan yang termiskin. Tetapi KEMAS lebih cergas apabila Pilihanraya Umum hampir ada. Anggota-anggota KEMAS digunakan sebagai anggota atau alat kepada UMNO, menggunakan wang rakyat untuk berkempen berhabis-habisan di luar bandar untuk memenangi kerusi-kerusi yang ditandingi oleh UMNO. Saya rasa ini adalah satu penyalahgunaan kuasa, satu penyelewengan, satu penyalahgunaan wang rakyat yang telah diamalkan oleh pemimpin-pemimpin UMNO selama ini. Saya berharap perkara ini perlulah diberi perhatian yang serius supaya kalau Kerajaan benar-benar hendak membantu meningkatkan taraf hidup rakyat dengan cara yang betul, maka KEMAS ini perlulah disusun semula. KEMAS ini perlu diisi dengan anggota-anggota yang memang berkelayakan yang boleh menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka secara yang lebih berprofesional, dan mereka ini diberi skim perkhidmatan dan tanggagaji seperti mana kakitangan-kakitangan Kerajaan yang lain.

Sehingga ini saya sendiri tidak faham tentang apakah bayaran dan cara pembayaran yang dibuat dan sama ada mereka ini pekerja sambilan, pekerja tetap, mahupun pekerja yang berpencen, kita tidak tahu. Kita juga tidak tahu sama ada Kerajaan membayar EPF, membayar lain-lain faedah yang patut dibayar kepada mereka ini. Yang kita tahu adanya KEMAS, tetapi siapa ini KEMAS, bagaimanakah ianya dijalankan, kita tidak tahu. Yang kita tahu aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh KEMAS seperti mengadakan Taman Bimbingan Kanak-kanak, Taman Asuhan Kanak-kanak, mengajar orang-orang dewasa masak, buat baju, bunga dan sebagainya, itu yang kita

tahu. Selain daripada itu apa yang ada di dalam KEMAS kita tidak tahu dan saya harap akan mendapat penjelasan yang lebih terperinci berhubung dengan kedudukan KEMAS selama ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, disebabkan masa yang begini singkat, saya ingin menyentuh tentang masalah rakyat golongan termiskin dan projek-projek yang dijalankan di bawah Butiran 03200—Program Membantu Golongan Termiskin.

Sepertimana yang kita ketahui kemiskinan di negara ini merupakan kemiskinan relatif dan sukar kalau kita hendak mengatasi masalah kemiskinan, sebab kemiskinan ada di mana sahaja, sama ada di luar bandar mahupun di bandar, tetapi yang terpenting saya rasa perlu kita memberi perhatian yang mendalam, yang khusus ialah berhubung bagaimana kita boleh mengatasi golongan rakyat yang termiskin, khususnya mereka yang tinggal di luar bandar. Bagi saya ada dua golongan, ada dua kelas yang kita boleh anggap sebagai golongan termiskin.

Yang pertama golongan daif, yang tidak berdaya kerana uzur, sakit ataupun cacat anggota. Mereka ini langsung tidak berdaya untuk berdikari untuk hidup seperti orang-orang biasa dan golongan inilah yang banyak terdapat di luar bandar yang perlu diberi perhatian yang khusus. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan supaya golongan ini Kerajaan mengambil daya-usaha untuk memberi bantuan yang sepenuh kepada mereka ini. Kita tidak mahu melihat projek-projek kilat dijalankan oleh Kerajaan apabila hampir Pilihanraya Umum, bila ada Pilihanraya Umum hampir tiba kita lihat Menteri-menteri sibuk dengan hendak memperbaiki rumah ataupun membuat rumah kepada orang-orang daripada golongan termiskin, usaha-usaha untuk mengatasi masalah golongan termiskin ini haruslah dijadikan satu usaha ataupun projek yang berterusan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat diperingatkan di bawah Butiran 03200 ini hanya token vote \$10 sahaja yang diperuntukkan.

Tuan Ahmad bin Nor: Ya, saya hendak cakap tentang apa yang patut....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Biasanya dalam keadaan begini Yang Berhormat dinasihatkanlah tidak payah menyentuhnya.

Tuan Ahmad bin Nor: Ya, terima kasih. Jadi saya berharap penekanan yang lebih diberi kepada golongan ini supaya dapat kita keluarkan ataupun angkatkan golongan ini daripada golongan termiskin, supaya mereka ini dapat hidup dengan lebih selesa. Dengan yang demikian saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan perlu membuat keputusan membayar elaun tetap, sumbangan tetap kepada golongan ini pada setiap bulan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ini Butiran yang sama, bukan?

Tuan Ahmad bin Nor: Ya, saya hendak....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ada Butiran lain?

Tuan Ahmad bin Nor: Kita boleh masuk di bawah Butiran 00500—Kemajuan Masyarakat dan Pelajaran Dewasa.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Mukasurat?

Tuan Ahmad bin Nor: Mukasurat 267, Maksud P.54, boleh?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, ada dua minit lagi.

Tuan Ahmad bin Nor: Ya, saya cuba gulung. Satu lagi golongan adalah mereka yang berpendapatan rendah,

yang terlalu rendah, ibarat hidup kais pagi, makan pagi; kais petang makan petang. Sepertimana Yang Berhormat yang awal daripada saya sebutkan tadi, mereka ini adalah orang yang boleh bekerja, yang boleh berusaha, malangnya mereka ini tidak ada tanah, ataupun tidak dimasukkan ke dalam skim-skim pembangunan tanah yang ada di negara ini. Maka saya berharap golongan-golongan ini diberi keutamaan supaya mereka ini dapat dimasukkan ke skim pembangunan tanah daripada berbagai agensi-agensi yang kita ada di negara ini dan jika boleh mereka ini diambil bekerja dengan agensi-agensi seperti RISDA, FELCRA, FELDA dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, oleh kerana masa yang begitu suntuk, saya berharap Kerajaan akan memberi perhatian kepada dua perkara yang telah saya nyatakan tadi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sungai Benut.

4.19 ptg.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud Bekalan B.54, Butiran 020000—Pembangunan Masyarakat dan Pelajaran Dewasa, di mukasurat 265.

Sebagaimana yang kita ketahui bahawa Kementerian ini memainkan peranan yang penting bagi memenuhi tingkat kehidupan masyarakat yang lebih bermakna dan berdaya cipta.

Sebagaimana yang dimaklumi bahawa pembangunan luar bandar merupakan fokus desa, pembangunan terhadap fizikal dan mental masyarakat desa.

Justeru itu, untuk memajukan masyarakat desa yang berdaya cipta,

maka beberapa badan penting telah diwujudkan seperti KEMAS dan juga lain-lain. KEMAS telah menjalankan aktiviti-aktivitinya untuk memenuhi objektif pembangunan masyarakat di lingkungannya. Namun begitu, di setengah-setengah aktiviti yang diimplementasikan oleh KEMAS itu, saya ingin bertanya, apakah yang merupakan daya usaha KEMAS telah dapat memenuhi perubahan perkembangan dan kemajuan masyarakat desa? Sebagai contoh, saya ingin bertanya mengapakah terdapat kelas-kelas Tabika swasta yang telah diwujudkan untuk menyaingi kelas-kelas Tabika yang dianjurkan oleh KEMAS? Apakah dengan wujudnya Tabika-tabika ini di dalam satu kawasan desa yang sama menunjukkan bahawa pelayanan KEMAS dan mutu pengendaliannya yang kurang berkesan atau adakah ada sebab-sebab lain di sebalik andaian saya ini. Saya yakin sebagai supplementary dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar, KEMAS telah berusaha untuk mewujudkan pembangunan masyarakat kampung yang lebih kukuh. Kini kebanyakan kampung-kampung mula menghadapi berbagai cabaran dalam usaha untuk memenuhi kejayaan kampung. Saya ingin tahu bagaimanakah sistem struktur kampung dapat mempengaruhi daya rangsang agar kehidupan kampung tidak dianggap sepi dan lengang dalam usaha memenuhi keperluan pembangunan negara.

Sebenarnya kehidupan masyarakat luar bandar yang berkreaitif akan memang benar dapat meningkatkan kehidupan yang lebih baik. Juga ianya sekaligus akan dapat membendung gejala urbanisasi di kalangan belia kampung. Tentunya daya kreatif pemuda-pemudi kampung di luar bandar diawali dengan bekal ilmu pengetahuan.

Justeru itu, saya ingin bertanya daripada Kementerian ini apakah jenis

usaha yang menjadi minat penduduk luar bandar di dalam memperingkatkan taraf kehidupan mereka. Saya ingin tahu bagi masyarakat luar bandar di kalangan orang-orang dewasa, berapakah kadar jumlah buta huruf yang ada di negara kita buat masa kini. Kerana pada saya, sekiranya kita tidak dapat membanteras buta huruf maka selama itulah kita tidak akan dapat berjaya melahirkan satu masyarakat kampung yang akan berdaya maju.

Kita juga sedia maklum bahawa usaha-usaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk mencergaskan industri kampung, industri kecil dan usaha-usaha pembangunan pertubuhan luar bandar yang sekaligus berkaitan dengan pertanian, ternakan dan lain-lain industri kampung haruslah dilengkapi dengan peralatan moden dan kewujudannya perlu melalui pendekatan yang lebih canggih dengan dibekali juga pendedahan terhadap berbagai manfaat dari pengusahaan sesuatu bidang industri tersebut.

Sebagai contoh, kreativiti belia-belia dan beliawanis kampung melalui pendedahan terhadap industri kampung secara meluas akan menolong mereka lebih berminat di dalam bidang tersebut. Ini boleh mencegah dari perbuatan negatif di kalangan pemudapemudi di kampung.

Tuan Pengerusi, usaha-usaha pembangunan luar bandar juga melibatkan usaha pemulihan fizikal kampung. Jika belia kampung tidak mengambil iktibar dari sumber asli kampung, ini bermakna satu kerugian besar telah dibiarkan begitu sahaja dan lebih jelas lagi satu krisis identiti kampung akan wujud. Dengan yang demikian, dalam usaha kemajuan masyarakat luar bandar untuk direalisasikan dan dalam masa yang sama agar tidak terjejas

nilai-nilai penduduk luar bandar yang positif seperti persoalan adat-istiadat, sopan-santun dan semangat gotong-royong yang boleh menjadi sokongan terhadap kemajuan masyarakat.

Saya juga yakin bahawa dalam usaha Kerajaan menerusi pembangunan luar bandar untuk memajukan masyarakat luar bandar maka berbagai langkah telah diambil seperti yang sebelumnya saya kemukakan iaitu industri kecil, namun begitu keupayaan untuk menjadi industri kecil sebagai sokongan kepada industri sederhana perlu juga diambil kira agar keupayaan industri kecil itu dipandang sama pentingnya dengan industri lain. Usaha mempergiatkan industri kecil perulah diteruskan dan diluaskan sehinggalanya menjadi bahan minat kepada penduduk luar bandar bagi memenuhi kehidupan diri dan sekaligus menyahut seruan Kerajaan.

Lazimnya sebagaimana diketahui penduduk luar bandar terdiri dari kaum bumiputera. Memandangkan kaum bumiputera belum sama maju dengan kaum lain yang telah maju, maka usaha di kawasan luar bandar ini perlulah diberi perhatian dengan lebih lagi, lebih-lebih lagi di dalam segi pentadbiran dan urusan kepelbagaian masyarakat desa. Satu bimbingan secara menyeluruh perlulah dititik-beratkan agar masyarakat desa negara kita menjadi satu masyarakat yang benar-benar berdaya-maju.

Justeru itu, saya yakin bahawa Kementerian ini memang perlu bergiat cergas demi kepentingan negara kita iaitu kita perlu bergiat cergas demi menuju ke arah yang mana untuk menuju ke arah kestabilan, keamanan dan seterusnya kemakmuran. Lantas itu saya ingin mengucapkan tahniah di atas usaha sebelum dan yang akan datang yang telah diimplementasikan oleh

Kementerian ini semoga sikap menyanjungi tinggi kampung dan pembangunan di dalamnya menjadi satu keadaan yang tanpa krisis identiti di kawasan luar bandar. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Padang Terap.

4.28 *ptg.*

Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya merujuk kepada mukasurat 268 di bawah P.54, Butiran 02300 dan Butiran 02500 iaitu di bawah Program Pemberian kepada Negeri-negeri untuk jalan-jalan di luar bandar dan juga Program Pembangunan Masyarakat khususnya (01) iaitu Menaikkan taraf jalan kampung.

Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap satu perkara yang spesifik iaitu mengenai daerah ataupun kawasan Parlimen saya yang dipanggil kawasan Padang Terap. Sebagaimana yang Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa kawasan Padang Terap inilah satu kawasan yang paling miskin di negara ini dan di dalam kajian SERU didapati ada lebih kurang 4,500 keluarga yang pendapatan tunai di bawah paras paling miskin iaitu \$175.00 sekeluarga yang dianggotai oleh 5 orang sebulan. Kemiskinan ini, Tuan Pengerusi, bukanlah disebabkan oleh ketiadaan usaha Kerajaan untuk mengadakan projek-projek untuk mengatasi masalah ini, tetapi yang menjadi faktornya ialah infrastruktur ataupun prasarana Kerajaan yang dibuat adalah belum lagi mencukupi ataupun apa yang dipanggil dalam terminalogy pembangunan sebagai incomplete infrastructures.

Tuan Pengerusi, apabila berlaku incomplete infrastructures, masalah kemiskinan bukan tidak boleh diatasi, malah apabila berlaku incomplete

infrastructures, masalah mungkin akan menjadi lebih teruk, kerana incomplete infrastructures akan membolehkan orang-orang yang mendapat hasil dahulu iaitu orang-orang luar daripada kawasan itu—saya ambil misalan incomplete infrastructures—misalnya kita membuat jalan besar untuk masuk satu kawasan miskin tetapi jalan untuk memasuki kampung-kampung itu tidak ada, hanya jalan yang boleh dilalui oleh Land Rover dan lori. Apabila ini berlaku, ia menjadikan satu kedudukan incomplete infrastructures. Apabila ini berlaku, orang-orang yang mempunyai lori, yang mempunyai Land Rover, traktor sahaja yang dapat accessibility, dengan izin, kepada sumber-sumber di situ. Orang-orang kampung tidak dapat apa-apa.

Ini membolehkan kedatangan orang-orang tengah yang dulunya mengeksploitasikan orang-orang kampung dan mereka dapat datang dengan lebih senang ke kampung. Inilah bahayanya incomplete infrastructures. Oleh itu, kemiskinan yang berlaku di Padang Terap yang sangat ketara ini adalah disebabkan oleh incomplete infrastructures. Misalannya, saya telah banyak kali menulis kepada Kementerian, malah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri mengenai dengan pentingnya disiapkan ataupun ditarkan jalan Batu 11 ke Derang di dalam Mukim Derang daerah Kota Setar iaitu dalam kawasan Parlimen saya. Ini kerana di kawasan itu ada lebih kurang 500 keluarga yang miskin, yang tidak boleh membawa keluar hasil-hasil dusun, hasil-hasil getah. Kalau dia cuba bawa keluar hasil getah susu sepertimana cara bentuk dijual pada masa ini, kebanyakan susunya itu tumpah. Sebab dia tidak ada penakong yang elok dan ini berlaku pembaziran yang banyak.

Yang kedua, Jalan Tualang, daerah Kota Setar di dalam kawasan saya. Dan ketiga, Jalan Kampung Tanjong ke

Padang Gelanggang. Inilah jalan-jalan di mana terletaknya ataupun terkumpulnya penduduk-penduduk di bawah paras paling miskin yang saya sebut tadi.

Saya merayulah kepada Kementerian ini supaya menyempurnakan infrastruktur ini agar penduduk-penduduk di sini dapat menikmati pembangunan Kerajaan.

Saya bukan hendak mengatakan bahawa tidak ada pembangunan tetapi malangnya pembangunan itu tidak sampai kepada pihak atau kumpulan sasaran. Sebaliknya, ianya menjadi satu alat yang membolehkan orang-orang yang mengeksploitasikan mereka menjalankan kerja mereka dengan lebih senang.

Perkara kedua, Tuan Pengerusi, ialah Butiran 02600 di mukasurat yang sama iaitu di bawah Jalan-jalan Keselamatan termasuk KESBAN iaitu diberi sebanyak \$19,400,000.00.

Saya ingin merayu lagi sekali sepertimana saya merayu di dalam lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dulu ke Padang Terap dan dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat sendiri akan menimbangkan permohonan saya ini iaitu dibuka jalan yang dipanggil Jalan Durian Burung iaitu jalan yang akan mencantumkan ataupun akan mengkaitkan bandar Kuala Nerang ke sempadan Siam.

Tuan Pengerusi, di sebelah sana di sempadan Siam, di sebelah Durian Burung; pembangunan yang pesat telah pun dilakukan oleh Kerajaan Thailand. Hanya kawasan kita masih lagi berhutan, tidak ada jalan yang sempurna untuk kita mendapatkan spill over daripada pembangunan ini. Dan kalau adanya jalan ini satu kawasan

miskin akan terbuka kepada kemungkinan-kemungkinan dan kemudahan-kemudahan ekonomi, bukan sahaja ekonomi tempatan, malah ekonomi antarabangsa.

Walaupun ekonomi antarabangsa ini tidak substantial, dengan izin, Tuan Pengerusi, tetapi ianya merupakan satu sumbangan faktor ataupun factor endowment kepada daerah yang paling miskin di Malaysia ini. Dan akhirnya saya fikir ianya akan menolong Kerajaan di dalam mengadakan kemudahan-kemudahan ekonomi kepada penduduk-penduduk miskin ini. Inilah faktor-faktor yang memiskinkan Padang Terap iaitu ketidak sempurnaan ataupun ketidakcukupan infrastruktur ataupun dengan lebih popular lagi dipanggil incomplete infrastructures.

Perkara yang akhir, Tuan Pengerusi, ialah mengenai dengan mukasurat yang sama 02800 Industri Kampung. Walaupun \$10 diberi sebagai token, saya mengambil peluang di sini untuk bertanya mengapa pada tahun ini diberi token \$10 padahal projek-projek yang kebelakang iaitu tahun 1989 dan 1990 belum lagi selesai. Saya ingin tahu mengapa pada tahun ini hanya diberi token \$10. Sebab kebanyakan projek-projek di dalam permintaan penduduk-penduduk kampung untuk mengadakan industri-industri kecil, masih banyak yang bertimbun di Kementerian. Di kawasan saya sendiri pun banyak yang belum lagi disempurnakan. Saya harap pihak Kementerian, pihak Timbalan Menteri dapat menjawab soalan ini dan kalau itu adalah benar, kalau duit ini tidak dibawa masuk ke bahagian-bahagian lain untuk tujuan yang sama, saya harap Kementerian buatlah sesuatu di dalam Supplementary Billkah pada bulan Jun ini supaya memasukkan balik duit di dalam bidang ini, agar usaha kita untuk mengindustralisasikan penduduk-penduduk miskin di desa dapat berjalan terus. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Bandar Kuching.

4.36 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 010000 Pentadbiran Am, yang mengikut prestasinya ia terkandung daripada tiga aktiviti iaitu aktiviti Pentadbiran dan Kewangan, aktiviti Perancangan dan Penyelarasan dan ketiganya aktiviti Pembangunan Kampung dan Luar Bandar. Peruntukan di bawah Kementerian ini untuk Maksud B.54 dan B.55 ini begitu besar, \$1,500 juta lebih. Dan ianya memainkan satu peranan yang paling besar untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru iaitu membasmikan kemiskinan, khususnya di kalangan rakyat luar bandar.

Saya ingin menumpukan ucapan saya kepada masalah kemiskinan yang paling teruk di negeri Sarawak. Saya rasa keadaan yang serupa pun wujud di negeri Sabah.

Tuan Pengerusi, tidak boleh dinafikan bahawa rakyat luar bandar di negeri Sarawak merupakan satu golongan yang paling miskin dalam negara ini. Sesenang-senang setanding dengan apa yang telah disifatkan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap, setanding dengan keadaan ataupun tahap kemiskinan di Padang Terap. Yang mana satu negeri begitu besar dengan saiz sama dengan Semenanjung, dengan 5,000 lebih buah kampung-kampung jauh dari pusat bandar. Dengan infrastruktur bukan sahaja incomplete, kadangkala tidak wujud sama sekali. Seolah-olah kemerdekaan tidak pernah menyentuh rakyat kita ini.

Tuan Pengerusi, masalah ini memang besar. Sebab saya sudah melawat beberapa kawasan. Contohnya, kawasan Padawan sebagai contoh

sahaja. Yang mana ada satu jalan di Padawan boleh memberi access kepada 25 buah kampung-kampung terdiri daripada bangsa Bidayuh semuanya. Bangsa Bidayuh adalah bangsa yang termiskin di negeri Sarawak. Menurut kajian Rancangan Malaysia Ketiga, saya masih ingat, kadar kemiskinan mereka setinggi 65%. Sekarang saya tidak tahu, mungkin turun sedikit, tetapi tidak begitu diperbaiki. 25 buah kampung ini bergantung kepada menanam lada dan sedikit getah. Apabila saya pergi pada penghujung tahun lalu, harga lada turun. Walaupun mereka hasilkan lada itu dan jual, masih tidak cukup duit untuk membeli baja. Pendapatan wang tunai paling rendah sehingga rural urbandary jadi teruk, orang muda yang sudah bersekolah semua meninggalkan kampung-kampung mereka pergi ke Kuching, pergi ke Singapura, ke Johor Bahru, Bintulu, Jepun dan ke Taiwan untuk cari kerja. Tinggallah orang tua, kanak-kanak dan orang perempuan sahaja. Sehingga kadang-kadang itu perempuan terpaksa ke bandar-bandar cari makan. Ini masalah besar.

Maka saya sedikit kecewa, malah cemburu juga menengok ada Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA), FELDA, KEMAS, MARA, Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah, Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan, Pihak berkuasa Pekebun-pekebun Kecil Perusahaan Getah, Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara, Kedah, Jengka, Pulau Pinang pun ada, cuma Wilayah Sabah dan Sarawak tidak. Saya cadangkan supaya Kementerian ini mewujudkan satu Lembaga tambahan iaitu Lembaga Kemajuan Wilayah Sabah dan Sarawak, khasnya untuk tujuan mempertingkatkan taraf kehidupan, kualiti dan mutu kehidupan rakyat di luar bandar di negeri Sabah dan Sarawak.

Sebagai satu contoh, Tuan Pengerusi, menurut Prestasi Aktiviti di mukasurat 162 Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi, perbelanjaan yang diminta oleh Kementerian yang berkenaan ini untuk bekalan air kawasan luar bandar sahaja; bilangan isirumah yang menerima faedah 50,000. Bekalan elektrik—bilangan projek dijangka akan dilaksanakan sebanyak 355. Bilangan pengguna 40,500; Peratus liputan 82%. Tetapi saya rasa di negeri Sabah dan Sarawak, peratusan liputan untuk bekalan elektrik dan bekalan air memanglah kurang dari 45%. Maka 5-6 kilometer dari Bandar Kuching iaitu ibukota negeri Sarawak pun susah untuk mendapat bekalan air dan elektrik.

Tiap-tiap tahun saya selalu menolong rakyat luar bandar meminta bekalan elektrik iaitu di bawah rancangan "Rural Electrification Programme", business call susah, agensi pelaksanaan susah sebab peruntukan daripada pihak Persekutuan amat kurang, satu tahun \$1 juta. Kalau diminta, hentam, berjuang, mungkin ditambah menjadi \$2 juta. Peruntukan \$2 juta untuk sebuah negeri Sarawak yang begitu besar, tak berguna sama sekali. Maka saya amat kecewa.

Di bawah perbelanjaan pembangunan, Bekalan Air Luar Bandar—untuk Semenanjung pada tahun ini (1991) sebanyak \$24 juta, tetapi untuk negeri Sarawak hanya \$10 (Token), Sabah \$10 (Token). Bekalan elektrik Luar Bandar—untuk Semenanjung \$5.5 juta, Sarawak \$10 (Token), Sabah \$10 (Token).

Sekiranya saya boleh berucap secara panjang lebar terhadap token expenditure sebanyak \$10, apakah yang boleh dibuat dengan \$10? Sekejap sudah habis. Sebab itu sekiranya disemak lagi, pemberian jalan untuk luar bandar di bawah Butiran 02300, mukasurat 268, peruntukan itu memang besar—\$102 juta. Yang saya berminat

berapakah dari \$102 juta ini diperuntukkan untuk memperbaiki jalan-jalan kampung luar bandar di negeri Sarawak itu. Sebab kemiskinan di negeri Sarawak ini, berasal bukan dari incomplete infrastructure, kadang-kadang total absence of infrastructure, dengan izin. Sekiranya tak ada jalan, bas tak boleh masuk, bagaimanakah mereka boleh mengangkut hasil lada, getah ataupun babi hutan untuk pergi sejauh 100-150 kilometer ke pekan kecil untuk menjual hasil tani mereka. Memanglah akibatnya mereka miskin.

Inilah sebabnya PBDS kuat sekarang sebelum Pilihanraya Negeri Sarawak diadakan, mereka kuat sebab mereka menjawab satu permintaan di antara kaum luar bandar untuk memperbaiki kehidupan mereka. Saya berharap mereka pun boleh berjaya kali ini, kalau boleh pakat dengan DAP untuk menguasai negeri Sarawak, untuk wujudkan 'two party system' negeri Sarawak.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, itu tak ada kena mengena....

Tuan Sim Kwang Yang: Ya, tidak apa. Ini sebagai satu reflection....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Terkeluar dari maksud, saya kata.

Tuan Sim Kwang Yang: Ya, tak ada kena mengena dengan peruntukan ini secara spesifik. Tetapi sekiranya pada akhirnya ini adalah suatu masalah dan persoalan demokrasi, check sahaja, Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Demokrasi itu menyentuh dasar.

Tuan Sim Kwang Yang: Masalah kemiskinan di antara kaum di luar bandar ini kurang diliputi oleh mass-media. Sebab mereka tidak ada kuasa, mereka miskin. Itulah hakikatnya

dalam negara kita ini. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Segamat.

4.46 ptg.

Tuan S. S. Subramaniam (Segamat): Terima kasihlah pada akhirnya dapat pandang ke Segamat.

Saya merujuk kepada Maksud P.54, mukasurat 269, Butiran 03400 berhubung dengan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Kementerian yang telah berjaya mendapatkan satu peruntukan yang begitu munasabah untuk memajukan kawasan-kawasan FELDA. Tetapi saya kluatir hanya dengan satu sahaja iaitu peruntukan untuk bekalan elektrik terdapat hanya \$9.4 juta bagi menampung apa yang saya rasakan adalah satu kemudahan yang begitu penting kepada semua skim-skim FELDA. Adakah ini satu peruntukan yang munasabah? Kalau tidak, adakah cara-cara yang lain untuk kita memberi hasil yang begitu penting kepada semua penduduk-penduduk yang berada di kawasan-kawasan FELDA dan juga kawasan-kawasan luar bandar kita?

Saya tidaklah ingin mengambil masa yang panjang—cuma ingin membawa kepada perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaitan dengan satu masalah penting yang sedang dihadapi di dalam Skim FELDA Palong Timur, Peringkat I, II, III di kawasan saya. Kedudukan skim ini ialah lebih kurang 20 batu dari bandar Segamat dan 10 batu dari Pekan Batu Anam. Tetapi pada masa ini untuk masuk ke kawasan ini kita boleh dapat masuk hanya melalui Negeri Sembilan dengan jarak jauh lebih kurang 50 batu. Saya ingin memohon kepada Yang Berhormat Menteri untuk kita mengkaji sebagaimana kita boleh mengadakan

satu jalan dari Batu Anam ke kawasan FELDA ini secepat mungkin.

Sebenarnya saya telahpun membuatkan satu cadangan dan latarbelakang berkaitan dengan cadangan ini yang berada dengan saya. Kita hanya memerlukan satu peruntukan lebih kurang \$480,000 untuk kita mengadakan lebih kurang 20 kilometer jalan yang baik untuk dapat "access" dari Batu 6 ke kawasan ini. Saya mohon kepada pihak Kementerian untuk memberi perhatian yang besar di atas masalah yang penting yang sedang dihadapi oleh penduduk-penduduk di skim FELDA ini.

Masalah yang kedua ialah berkaitan dengan bekalan elektrik di kawasan ini. Sebenarnya kita memerlukan perhatian segera oleh kerana saya difahamkan satu peruntukan sebanyak \$900,000 telahpun diluluskan oleh Kerajaan tetapi projek ini tidak dapat dilaksanakan oleh kerana pihak TEN menghadapi masalah kekurangan alatan. Saya ingin memohon kepada Kementerian untuk mendapat perhatian yang serius di atas kekurangan alatan ini untuk kita dapat memberikan bekalan api ke kawasan ini secepat mungkin.

FELDA Scheme ini telahpun diwujudkan lebih kurang 8 tahun lalu dan apabila kita mengkaji dan terdapat beberapa masalah berkaitan dengan api dan jalan, saya kluatir sama ada wujud perancangan daripada pihak FELDA dengan begitu tepat dan baik oleh kerana jika kita boleh mengadakan skim FELDA selama 8 tahun, kita mestilah mengadakan kemudahan-kemudahan asas seperti air dan elektrik secepat mungkin untuk pihak penduduk. Saya dapati lebih kurang 3,000 penduduk di dalam skim FELDA ini yang sedang menghadapi begitu banyak masalah dan marilah kita bersama-sama dengan pihak penduduk dan FELDA menyelesaikan masalah ini.

Masalah yang ketiga ialah bekalan air. Saya dapat tahu loji air belum siap. Penduduk sedang menerima catuan air dan setengah kawasan terpaksa membeli air dengan kadar 50 sen satu tong. Saya minta masalah ini juga dapat diatasi secepat mungkin.

Masalah yang keempat ialah kemudahan telefon. Sehingga masa kini tidak ada apa-apa kemudahan telefon di kawasan ini dan dengan sejauh lebih kurang 40 kilometer dari bandar Segamat ini, saya rasa kemudahan telefon adalah satu kemudahan asas yang harus diberikan kepada pihak mereka dan saya ingin memohon kepada pihak Kementerian untuk memberikan perhatian yang serius di atas perkara ini juga.

Masalah yang kelima ialah berkaitan dengan sekolah menengah. Terdapat lebih kurang 3000 penduduk di skim FELDA ini dan saya merasa walaupun kita ada sekolah rendah, kita juga memerlukan satu sekolah menengah di kawasan ini oleh kerana pada masa kini semua murid-murid terpaksa berjalan lebih kurang 15 kilometer untuk dapat kemudahan sekolah menengah dan saya bimbang dengan keadaan begitu banyak murid-murid tidak akan melanjutkan pelajaran mereka di sekolah menengah.

Yang keenam ialah berkaitan dengan sekolah menengah di skim FELDA Pemanis Satu dan Dua di mana keadaan begitu juga. Murid-murid dari FELDA Pemanis Satu dan Dua yang tamat belajar di sekolah rendah terpaksa pergi belajar di Sekolah Menengah Buluh Kasap yang jauhnya lebih kurang 16 batu dari kawasan perkampungan FELDA. Perbelanjaan tambahan ialah lebih kurang \$25 seorang dan inilah satu kemudahan yang begitu susah untuk pihak penduduk di FELDA ini untuk mengatasi.

Permintaan yang ketujuh ialah berkaitan dengan satu sekolah agama di skim FELDA Pemanis Satu dan Dua dan juga skim FELDA Palong Timur Satu dan Dua. Saya ingin mohon kepada pihak Kementerian untuk menyelesaikan masalah-masalah ini secepat mungkin.

Inilah hujah-hujah daripada saya. Saya lagi sekali mengucapkan tahniah kepada pihak Kementerian yang telah memaju untuk mendapat satu kemudahan yang asas kepada lain-lain skim-skim FELDA, tetapi nampaknya dua skim FELDA yang berada di dalam kawasan Segamat harus diberi perhatian yang serius di dalam tahun ini. Marilah kita bersama-sama menyelesaikan masalah ini.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Nilam Puri.

4.53 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri): Tuan Pengerusi, Maksud B.54, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kertas Perintah 19, mukasurat 265, Butiran 020000, rujukan Kertas Perintah 20, mukasurat 163—Program Kemajuan Masyarakat dan Pelajaran Dewasa (KEMAS) yang tujuannya untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi rakyat melalui pembentukan masyarakat yang maju dan sejahtera sejajar dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Walaupun tujuan tersebut itu begitu baik sekali, tetapi apa yang jelas kepada kita bahawa jentera KEMAS ini digunakan sepenuhnya dalam Pilihanraya untuk membantu jentera Barisan Nasional. Sebagai salah satu jentera Kerajaan yang terpenting, yang bertujuan untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi rakyat, saya menuduh dengan bukti-bukti yang ada bahawa

BN menyalahgunakan jentera Kerajaan khususnya KEMAS untuk kepentingan politik parti-parti Barisan Nasional.

Sebelum Pilihanraya Umum lalu, dalam satu taklimat yang disampaikan oleh Ketua Pengarah KEMAS kepada petugas-petugas KEMAS negeri, beliau menegaskan, dalam kertas taklimat Ketua Pengarah KEMAS ini, di antaranya, point yang kedua saya ambil di sini:

“KEMAS akan menyumbangkan tenaga kepada UMNO dalam pengumpulan data. Data-data tersebut akan dikemukakan kepada Timbalan Perdana Menteri dan digunakan di Bilik Gerakan Ibu Pejabat UMNO. Ketua Pengarah meminta semua anggota yang terlibat dalam mengumpulkan data supaya bekerja bersungguh-sungguh dan bertanggungjawab. Hasil data yang diperolehi mesti yang boleh dipercayai.

Penglibatan KEMAS dalam pengumpulan data ini adalah merupakan peluang yang baik bagi KEMAS untuk menunjukkan kebolehan kepada Timbalan Perdana Menteri sendiri yang sudah mempunyai kepercayaan terhadap kredibiliti KEMAS.”

Bahagian 5(1) dalam kertas ini—Kempen—yang berbunyi:

“Pengarah KEMAS telah mengarahkan kepada ahli-ahli KEMAS di seluruh negara. Kempen ini akan dilakukan oleh kumpulan pendesak seperti guru-guru, ustaz-ustaz dan persatuan-persatuan. Antara isu-isu penting yang diarahkan kepada KEMAS ialah mengengahkan fakta kemenangan Barisan dalam Pilihanraya yang lepas, eksploitasi kelemahan parti lawan, utarakan manifesto BN, utarakan bentuk ekonomi, sosial dan politik dan bacakan ataupun utarakan ucapan-ucapan pemimpin.”

Inilah taklimat Ketua KEMAS negara kepada ahli-ahli KEMAS seluruh negara untuk menjadikan peruntukan yang begitu banyak jutaan ringgit ini untuk menggerakkan jentera UMNO melawan parti-parti yang lain dalam Pilihanraya. Jadi, sudah tentulah UMNO yang telah kuat dan Barisan Nasional yang telah kuat mendapat peruntukan daripada KEMAS yang begitu banyak jentera KEMAS itu digunakan, sudah pastilah mereka tidak menggunakan jentera itu untuk kemenangan UMNO dan Barisan Nasional.

Dalam kertaskerja yang disediakan oleh Timbalan Ketua Pengarah KEMAS, Encik Mohd. Hosni Hussin pada 17-11-1989 bertajuk "Gerak Kerja Politik Dalam KEMAS". Di antara tajuk itu, diberi latar-belakang KEMAS telah ditubuhkan untuk bertujuan menukarkan sikap penduduk luar bandar dalam bidang pembangunan sosio-ekonomi dan juga dalam bidang politik. Jadi, di antara tugasnya yang diberi taklimat di sini supaya mereka dapat menukarkan pemikiran masyarakat Melayu supaya hanya menerima UMNO sebagai satu wadah Melayu untuk mereka perjuangkan di sudut politik. Jentera KEMAS dikerahkan untuk menukarkan sikap penduduk luar bandar dalam bidang pembangunan ekonomi dan bidang politik. Selain itu, aspek terpenting ialah KEMAS diarah untuk membuat pengumpulan data politik, siapa sokong parti apa dan semata-mata untuk kemenangan BN.

Satu lagi bukti yang jelas bagaimana jentera KEMAS digunakan sepenuhnya untuk Pilihanraya ada di sini: "Operasi khas KEMAS Pahang di Teruntum menjelang Pilihanraya Kecil Teruntum". Didedahkan di sini apa yang perlu dibuat oleh jentera KEMAS termasuk kempen rumah ke rumah, memastikan supaya pihak Barisan Nasional dapat menang dalam Pilihanraya Kecil tersebut. Inilah

peruntukan yang berjumlah begitu banyak—\$104,570,300 ini, sebahagian besarnya digunakan untuk mengerahkan jentera Barisan Nasional dan jentera UMNO untuk mengumpul maklumat supaya bila berlaku Pilihanraya Kecil atau Pilihanraya Umum, data telah disediakan oleh pihak KEMAS untuk jentera Barisan Nasional bergerak menuju kepada sasaran, sedangkan peruntukan ini datang daripada rakyat dan cukai daripada rakyat. Sudah tentulah kami dari Pembangkang melihat satu jentera Kerajaan yang digunakan hampir sepenuhnya untuk kemenangan Barisan Nasional ialah KEMAS.

Kita harap taktik kotor seperti ini kalau tidak dihentikan dapat dikurangkan supaya pembayar cukai dapat merasai bahawa jentera Kerajaan itu bukan musuh mereka seperti Polis, Tentera, Pejabat Pos, Telekom, LLN dan sebagainya. Kita tidak merasakan mereka itu musuh kepada kita, tetapi jentera KEMAS, kami rasakan ianya musuh kami kerana bukti-bukti yang nyata mereka memang terlibat sepenuhnya untuk membantu jentera BN dan jentera UMNO dalam Pilihanraya. Sekian.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, SibU.

4.58 ptg.

Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 01700 (02)—Bekalan Elektrik Luar Bandar di Negeri Sarawak.

Mengapa tidak ada peruntukan kecuali hanya token \$10 bagi tahun 1991, iaitu sudah dikurangkan kepada \$10 daripada \$13,900,000 pada tahun 1990?

Saya sangat ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa bekalan

elektrik sudah jauh kebelakangan daripada Semenanjung. Tambahan pula di bawah Rural Electrification Scheme, dengan izin, pengguna khasnya di luar bandar harus membayar deposit meter dan deposit penggunaan elektrik sekali gus. Itu yang sangat berat kepada rakyat di luar bandar kerana majoriti mereka orang miskin. Kerana itu saya mencadangkan semua pengguna di luar bandar diberi masa misalnya tiga tahun untuk membayarkan kembali deposit tersebut.

Tuan Pengerusi, kedua, saya ingin merujuk Butiran 02000(02) Bekalan Air Luar Bandar di Sarawak. Sama dengan peruntukan untuk bekalan elektrik luar bandar di Sarawak. Saya ingin bertanya mengapa peruntukan sudah dihapuskan atau hanya diberi \$10 token ditahun 1991. Untuk makluman Dewan yang mulia air udara dan air sungai di Sarawak sudah dicemari oleh pencemaran dari industri-industri khasnya industri perikanan. Air minum dari udara yang hitam dan air minum dari sungai yang kuning. Ini soal yang sangat serius kepada kesihatan penduduk-penduduk yang tinggal di sepanjang sungai-sungai di Sarawak. Rakyat dari kawasan saya ingin memohon bekalan air dari lain kemudahan-kemudahan kehidupan dan kerana itu saya mencadangkan dengan kuat supaya Kerajaan memberi perhatian serius kepada soal tersebut.

Tuan Pengerusi, yang ketiga, saya ingin merujuk kepada Butiran 02300—Pemberian kepada negeri-negeri untuk jalan di luar bandar. Butiran 02400—Penempatan Semula Kampung Tradisional dan Butiran 02500—Pembangunan Masyarakat. Jumlah peruntukan tersebut sudah dikurangkan kepada \$136,277,000 pada tahun 1991 dari \$180,333,000 pada tahun 1990. Saya berpendapat kehidupan rakyat di luar bandar masih ketinggalan kebelakang supaya mereka lebih layak dibantu oleh Kerajaan, kerana itu saya mencadangkan peruntukan untuk

Butiran tersebut janganlah dikurangkan dalam tahun 1991.

Tuan Pengerusi, keempat, saya ingin merujuk Butiran 02800—Industri Kampung. Peruntukan sudah dikurangkan kepada token \$10 ditahun 1991. Untuk makluman Dewan yang mulia ini negara kita sama dengan negara-negara lain pun mempunyai masalah penghijrahan dari luar bandar ke bandar. Saya mencadangkan supaya peruntukan tersebut janganlah dikurangkan tetapi ditambah. Tambahan pula saya mengesyorkan supaya Kerajaan memberi galakan cukai kepada pelabur-pelabur asing atau tempatan untuk menggalakkan mereka memajukan industri-industri luar bandar.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat bercakap dasar dan lagipun ini merupakan satu token vote.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Saya tahu ini adalah token.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sudah berkali-kali Yang Berhormat menyentuh token vote.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tuan Pengerusi, kelima saya merujuk kepada Butiran 03200—Program Pembantu Golongan Termiskin.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ini juga token vote.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Saya pun tahu hanya token \$10.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ada Butiran yang lain?

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Ada. Tuan Pengerusi, keenam, saya melihat peruntukan untuk jalan-jalan FELDA di bawah Butiran 03400(03) sejumlah \$100 juta di dalam tahun 1991. Saya ingin tahu berapa jumlah peruntukan

akan diberi untuk jalan-jalan kecil di luar bandar di Sarawak.

Akhirnya, saya berharap jumlah anggaran perbelanjaan Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan mencapai matlamatnya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Selangau.

5.06 ptg.

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau): Tuan Pengerusi, saya ucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk berbincang berkenaan Maksud Pembangunan 54 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, pertama, saya hendak sentuh berkenaan dengan Butiran 01700—Bekalan Elektrik Luar Bandar mukasurat 268, (02) amnya bagi negeri Sarawak dan khasnya bagi kawasan saya yang terbaru sekali P.174 Selangau.

Kita sedia telah maklum, bahawa banyak lagi kampung-kampung

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ini juga token vote. (02) Sarawak—token vote juga. Sarawak pada masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, kedua, saya ingin hendak menyentuhkan juga Butiran 0200 (02) Bekalan Air Luar Bandar lebih lagi dalam kawasan saya. Jadi, kita semua telah tahu dan sedang maklum di Sarawak sekarang kebanyakan tempat, dan sungai apa yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sibu dan juga dari Kuching, air sungai di Sarawak sekarang bukan seperti air sungai yang dahulu. Sekarang kebanyakan air sungai di negeri Sarawak keruh, sebab syarikat pembalakan beroperasi tidak mengikut sistem yang betul dan juga

dari pencemaran industri. Jadi, kami di negeri Sarawak harapkan bahawa banyak lagi peruntukan bagi bekalan air yang dibekalkan bagi kawasan luar bandar di negeri Sarawak. Lebih lagi kawasan luar bandar seperti di kawasan saya Selangau iaitu kawasan Ladang 1,2,3,4 dalam kawasan Balingian/Mukah. Kebanyakan penduduk-penduduk di kawasan itu tidak ada bekalan air. Minta pihak Kerajaan menyambung paip dari Lembaga Air (LKT) dari Pekan Selangau ke kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, yang ketiga, berkenaan dengan Butiran 02300—Pembinaan Jalan Kecil di Luar Bandar. Saya rasa peruntukan bagi pembinaan jalan di luar bandar \$102 juta ini memang banyak tetapi saya hendak tanyakan berapa banyakkah peruntukan bagi pembangunan untuk membina jalan-jalan di luar bandar negeri Sarawak pada tahun 1991 ini.

Tuan Pengerusi, kita telah sedia maklum bahawa di Negeri Sarawak jalan-jalan yang kecil banyak sekali belum dibina seperti di kawasan saya iaitu jalan dari Pekan Selangau ke Sebakong dan Ulu Telian Mukah; jalan dari Sekuau ke Ulu Oya; Pakoh jalan dari Bandar Tatau ke Ulu Anap Kakus (Dalta) dan juga jalan dari Arip ke Ulu Arip dan ke Hilir Arip. Jalan-jalan dari Pekan Selangau ke Rh Gayut Ulu Mukah dan ke Ulu Selangau juga penting sebab kebanyakan penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan tersebut menggunakan jalan itu dengan secepat mungkin.

Akhir sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih dan kita harap Kementerian tersebut memberi pertimbangan kepada apa yang saya telah cadangkan tadi. Sekian.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Parit.

5.11 ptg.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin (Parit): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian dalam FELCRA, KEMAS, FELDA dan juga beberapa butiran yang lain.

Di dalam FELCRA, saya telah beberapa kali di dalam Dewan ini menyuarakan bersabit dengan perbandingan kos. Tiap-tiap rancangan FELCRA berapa kosnya untuk satu ekar ataupun satu hektar dan berapa pendapatan bagi tiap-tiap peserta rancangan FELCRA secara purata. Begitu juga kos pengeluaran dan pendapatan peserta bagi rancangan FELDA dan perbandingannya dengan ladang-ladang swasta. Itu belum dijawab sehingga pada masa ini. Semoga dalam perbincangan ini dapat dijawab kerana dengan ini kita dapat membandingkan prestasi FELCRA, FELDA dan juga swasta dan ini juga dapat mendorong Pegawai-pegawai FELCRA dan FELDA ke arah matlamat pencapaian pihak swasta.

Saya suka mendalami dalam Rancangan FELCRA Belia Nasaruddin di Bota—bukannya rancangan saya, ini Nasaruddin lain. Terdapat 250 buah rumah yang sudahpun usang dan tunggu masa hendak roboh dan ini merupakan tambahan kos kepada Rancangan FELCRA Belia Nasaruddin secara menyeluruh. Ini merupakan salah satu fakta yang menyebabkan kos rancangan FELCRA tinggi. Kenapa dan mengapa perkara ini berlaku; kenapa dan mengapa peserta-peserta untuk Rancangan Belia Nasaruddin ini tidak diambil ataupun dimasukkan ke dalam rancangan ini sehingga masa kini.

Perkara yang kedua besar adalah bersabit dengan bekalan air. "Main pipe" memang alhamdulillah, syukur. FELCRA telahpun memberi peruntukan sebanyak \$1 juta lebih, tetapi ini tidak mempunyai makna jika sekiranya peserta-peserta tidak dapat

menikmati air itu sendiri kerana ia tidak sampai lagi ke rumah-rumah, masih lagi mandi dan minum air yang merah.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Bersabit dengan KEMAS, saya bersukur kepada Kementerian kerana KEMAS telah menunjukkan prestasi yang cukup baik sehingga Barisan Nasional memperolehi majoriti yang lebih dari 2/3. Ini tidak dapat dinafikan kerana prestasi agensi Kerajaan yang cemerlang inilah yang meyakinkan orang-orang kampung untuk menyokong Barisan Nasional dan tidak menyokong PAS dan juga DAP. Ini adalah prestasi yang baik yang telah ditunjukkan oleh Pegawai-pegawai KEMAS dan seharusnya Pegawai KEMAS ini perlu dibela. Kalau dulu mati gajinya \$1,000 bagi Penyelia—naikkan lagi. (*Tepuk*) Kalau dulu Penyelia bagi tiap-tiap satu kawasan Parlimen 3 orang—1 Penyelia Kanan, 2 Penyelia dan 1 Penyelia Agama, kita tambah lagi untuk Penyelia Belia pula. (*Tepuk*) Insya Allah, saya yakin dan percaya jika saranan saya ini dapat dilaksanakan dan ditambah lagi pula dengan kekosongan yang ada sekarang ini, diisi dengan serta-merta, maka kemenangan Barisan Nasional untuk tahun 1995 nanti akan lebih daripada itu. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi: Ada sangkut dengan butiran itu?

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Sudah sebut tadi, Tuan Pengerusi. Ini sudah terlepas.

Tuan Pengerusi: Tidak apa, cakap atas butiran.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Tuan Pengerusi, Butiran 02400—Penempatan Semula Kampung Tradisional. Saya bersyukur kepada

Kerajaan, khususnya Kementerian Pembangunan Luar Bandar di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Encik Ghafar yang telah mendorong dan merangsangkan Penempatan Semula Kampung Tradisi dan memang seharusnya kampung tradisi ini dibela memandangkan keadaannya yang berceramuk dan merata-rata. Memang mengizinkan supaya kampung tradisi ini dapat dikumpul dan diberi satu tumpuan yang jitu ke arah kecemerlangan kampung tradisi ini.

Saya mengharapkan supaya peruntukan-peruntukan yang ada inipun elok ditambahkan lagi, diperbanyakkan lagi dan dipulihkan balik kampung tradisi ini supaya ia menjadi satu kampung yang moden, yang produktif dan yang betul-betul bermakna bagi Kerajaan Barisan Nasional kerana melalui program ini sahajalah yang dapat membela nasib bangsa yang merana begitu lama dan memerlukan pembelaan yang sewajarnya. Saya mencadangkan supaya tiap-tiap kawasan Parlimen yang ada ini, bagi tiap-tiap satu kawasan diberi satu rancangan pemulihan ini dan disegerakan. Sekiranya selama 4 tahun atau 5 tahun bermakna ada 5 kawasan kampung tradisi yang dapat dipulihkan.

Selain dari itu saya juga suka menyentuh bersabit dengan Jalan Luar Bandar. Di bawah Jalan Luar Bandar ini termasuklah jambatan. Jadi saya suka menyentuh masalah di kawasan Parlimen saya, Parit. Ekoran daripada banjir besar dan juga banjir kilat yang berlaku baru-baru ini, dua jambatan kayu telahpun dihanyutkan oleh banjir ini. Saya pohonlah jasa baik pihak Kementerian supaya dapat menimbang-kan untuk mengurangkan kos orang-orang miskin yang menggunakan jambatan untuk anak-anak ke sekolah yang menghubungkan dari sebelah sungai ke sebelah tebing sungai-sungai yang lain. Jambatan ini adalah cukup bermakna bagi mereka untuk kenduri-kendara, kematian, kemudahan ke

sekolah dan ini dapat menjimatkan kos sesuatu keluarga sebanyak lebih kurang \$1.00 atau \$2.00 sehari. Saya mengharapkan supaya Kementerian dapat menimbang-kan kedua-dua jambatan iaitu di Lambor Kanan, Lambor Kiri dan juga di Parit Belanja. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Seputeh.

5.14 ptg.

Tuan Liew Ah Kim (Seputeh): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada mukasurat 268, Maksud Pembangunan 54, Butiran 02000—Bekalan Air Luar Bandar. Pertambahan sebanyak 51.6% dalam Anggaran Perbelanjaan Kementerian Pembangunan Luar Bandar tahun ini berbanding dengan tahun 1990 diharapkan dapat memberi sumbangan besar kepada masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk luar bandar.

Tuan Pengerusi, bekalan air untuk penduduk-penduduk luar bandar adalah di antara infrastruktur yang terpenting dalam kehidupan sehari-hari.

Kalau dahulu mereka boleh menjadikan sungai dan telaga yang dipenuhi katak sebagai sumber air penduduk-penduduk luar bandar tetapi sekarang mereka bergantung kepada sumber air yang dibekalkan oleh Kerajaan. Dalam masa kita berbangga dengan bekalan air ini, masih ada penduduk negeri ini terpaksa minum air parit yang berkehidupan. Sudah tentu air parit ini bukan sahaja dipenuhi katak-katak yang menjijikkan Timbalan Perdana Menteri tetapi mungkin juga telur nyamuk, ular dan najis manusia.

Tuan Pengerusi, saya membaca laporan akhbar Watan bertarikh 26hb Januari 1991. "Penduduk-penduduk Kampung Olak Batu, Mukim 7, Parit Raja, Batu Pahat hampir 20 tahun sudah menetap di kampung ini. Terdapat 200 keluarga di sini yang

memerlukan perhatian dari pihak berkuasa mengenai kebajikan kami. Apakah disebabkan kami tinggal di ulu kampung, maka tidak ada pihak yang mahu mengambil tahu jalan masuk ke kampung, kami masih lagi menggunakan tanah merah walaupun jambatan sudah dibina. Kami akui memang api sudah dibekalkan ke kampung ini. Kolong-kolong untuk menadah air juga dibekalkan tetapi kalau tidak ada hujan, kami terpaksa pula minum air parit yang berbau busuk." Itulah keadaan penduduk-penduduk kampung yang berkenaan. Inilah gambaran bagaimana penduduk luar bandar masih belum menikmati pembangunan negara. Rakyat masih dijanjikan dengan berbagai harapan tetapi kebanyakannya sekadar umpan pilihanraya. Tidak hairanlah mengapa Timbalan Perdana Menteri menghina telaga yang penuh katak dalam pilihanraya kecil di Sipitang, Sabah dahulu. Sedangkan di.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat kata di telaga itu penuh katak?

Tuan Liew Ah Kim: Ya.

Tuan Pengerusi: Jadi, air tidak adalah kalau penuh dengan katak?

Tuan Liew Ah Kim: Ini hujah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ketika mengadakan pilihanraya kecil di Sipitang.

Tuan Pengerusi: Jadi, air tidak ada, penuh katak sahaja. Jadi, orang minum apa? (*Ketawa*)

Tuan Lau Dak Kee: Katak itu memang tidak penuhlah. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi: Tadi gunakan perkataan "penuh" buat apa?

Tuan Lau Dak Kee: Di Johor yang saya sebutkan tadi, masih ada 200 keluarga penduduk yang terpaksa minum air berbau busuk.

Tuan Ruhanie bin Ahmad:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun di sana. Parit Sulong.

Tuan Liew Ah Kim: Tidak payahlah.

Tuan Pengerusi: Tidak payah.

Tuan Ruhanie bin Ahmad: Dia tidak tahu Olak Batu, Tuan Pengerusi.

Tuan Liew Ah Kim: Injury time tidak ada.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada mukasurat 265, Bekalan 54, Butiran 070000 mengenai Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan FELDA yang sekarang sudah dimasukkan ke bawah Kementerian Pembangunan dan Luar Bandar, patut mengubah sikap dengan memberi peluang kaum-kaum lain menyertai skim ini. Bagaimanapun, pentadbiran FELDA yang ada sekarang perlu juga dikaji supaya peneroka-peneroka tidak menjadi mangsa pihak pengurusan.

Tuan Pengerusi, pengurusan FELDA sekarang meletakkan kedudukan mereka sama seperti tauke ladang manakala peneroka pula sebagai pekerja-pekerja ladang. Meraka akan disingkirkan sekiranya cuba memper-tikaikan apa sahaja tindak-tanduk pengurusan FELDA. Hak milik tanah yang dijanjikan oleh Timbalan Perdana Menteri sejak November 1989 dahulu masih menjadi tandatanya sekalipun pilihanraya sudah berlalu. Walaupun Barisan Nasional sudah melepasi ujian dalam pilihanraya 21hb Oktober 1990 tetapi janji hak milik untuk diberikan kepada peneroka mestilah dipenuhi. Kalau tidak juga dipenuhi janji ini, maka hari ini, saya suka mencadangkan supaya Timbalan Perdana Menteri diberi gelaran "Bapa Berjanji".

Tuan Pengerusi, kalau peneroka-peneroka ini diberi hak milik, tidaklah hidup mereka seperti telur di hujung tanduk. Mereka akan sentiasa merasa bimbang, bilakah nasib mereka akan disingkirkan pula dari FELDA. Apakah Kerajaan merasakan pemberian hak milik ini akan menyebabkan ramai peneroka meng'Ali-Baba'kan skim FELDA ini? Kalau ini yang dibimbangkan, sudah tentu Ali Baba hanya slogan Kerajaan Barisan Nasional untuk mengapi-apikan perkauman di negara ini.

Selagi Kerajaan tidak memberi hak milik kepada peneroka-peneroka ini, mereka akan terus menjadi pekerja ladang yang menghadapi tekanan dari tauke-tauke ladang serta pengurusan-nya. Peristiwa yang berlaku kepada seorang peneroka di FELDA Bukit Sagu, Kuantan, di Pahang. Ini adalah salah satu daripada beberapa kes yang banyak berlaku. Peneroka ini telah dinafikan haknya sekalipun beliau telah menjawab segala tuduhan pihak pengurusan FELDA Bukit Sagu dalam suratnya pada 13hb Mei 1990 ke atas surat pihak pengurusan bertarikh 2hb Mac 1990 Bilangan (8)1372/3292/58.

Pihak pengurusan FELDA Bukit Sagu bukan sahaja tidak mahu mendengar pembelaan dari peneroka berkenaan, sebaliknya terus bertindak menyingkir beliau. Lembaga Tindakan Tatatertib pula hanya menerima laporan berat sebelah dari pihak pengurusan. Alasan pihak pengurusan kepada peneroka berkenaan begitu tidak logik sepertimana isi suratnya, "Semenjak 1hb Oktober 1989, saudara tidak menjalankan kerja penuaian PTB dalam penjagaan ladang dengan sempurna. Dari bulan Oktober 1989 hingga Januari 1990, saudara sepatutnya menuai sebanyak 4,243 tandan PTB tetapi saudara hanya menuai sebanyak 1,794 tandan sahaja. Pada tuaian pusingan kedua, bulan Jun 1990, saudara tidak menuai PTB langsung dan telah dimasukkan buruh untuk menyiapkannya."

Tuan Pengerusi, pengurusan FELDA akan menjadikan Fasal 18, perjanjian peneroka dan FELDA sebagai senjata menghukum mana-mana peneroka yang mempertikaikan kedudukan mereka. FELDA adalah skim untuk rakyat bukannya tempat pihak pengurusan menjadi tuan ladang dan para peneroka sebagai pekerja ladang.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup, minta gulung.

Tuan Liew Ah Kim: Satu minit untuk menggulung.

Tuan Pengerusi, untuk membuktikan kejujuran Kerajaan, pihak BPR perlu menyiasat pengurusan dan pentadbiran FELDA mulai sekarang termasuk juga kedai-kedai koperasi yang beroperasi di semua skim FELDA. Janganlah letakkan pihak pengurusan FELDA terlalu istimewa seolah-olah mereka terlalu berkuasa boleh menentukan nasib para peneroka di tangan mereka. Sekian.

Tuan Pengerusi: Ya, Tuaran. Ramai lagi Yang Berhormat, nampaknya kita hendak kena sambung sampai ke malam.

5.30 ptg

Datuk Monggoh Orow (Tuaran): Tuan Pengerusi, saya ingin berbincang peruntukan bagi Kementerian Pembangunan Luar Bandar, di bawah Maksud Pembangunan P.54, Butiran 01700—Bekalan Elektrik Luar Bandar, Butiran kecil (03) Sabah di mana hanya peruntukan \$10 sahaja diberi bagi tahun 1991.

Tuan Pengerusi: Token, Yang Berhormat.

Datuk Monggoh Orow: Token \$10 sahaja.

Tuan Pengerusi: Selalunya berkenaan dengan token tidak dibincangkan kerana tidak ada peruntukan. Dalam Jawatankuasa kita membincangkan peruntukan-peruntukan. Jika tidak ada peruntukan, kita tidak dapatlah benarkan supaya dibincangkan.

Datuk Monggoh Orow: Tuan Pengerusi, kalau saya tidak salah waktu Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia membentangkan Dasar Belanjawan Negara bagi tahun ini, beliau telah menyentuh bahawa pada penghujung tahun ini lebih kurang 85% penduduk luar bandar akan menikmati bekalan elektrik, tetapi kalau hanya \$10 sahaja diberi kepada negeri Sabah berapa orang boleh dapat bekalan elektrik? Di mana datangnya dasar bahawa kalau 85% penduduk luar bandar boleh dapat bekalan elektrik kalau hanya \$10 sahaja diberi? Ini maksud saya, kalau peruntukan \$10 sahaja bermakna ada niat untuk memberi....

Tuan Pengerusi: Itu dalam Kementerian lain Yang Berhormat, yang ini ialah berkenaan dengan pembangunan Luar Bandar.

Datuk Monggoh Orow: Tuan Pengerusi, saya tahu yang luar bandar ini mengenai dengan penduduk luar bandar dan elektrik walaupun ada yang diberi dalam Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, tetapi tidak ada mengenai dengan bekalan elektrik luar bandar.

Tuan Pengerusi: Ada Yang Berhormat.

Datuk Monggoh Orow: Yang saya tahu di sini...

Tuan Pengerusi: Ada masuk luar bandar juga.

Datuk Monggoh Orow: Mukasurat...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat boleh berucap mengenai benda yang lain, jikalau ada kena yang lain.

Datuk Monggoh Orow: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Saya menyentuh Butiran 02000—Bekalan Air Luar Bandar. Butiran-kecil 03 Sabah, demikian juga, hanya \$10 diberi token dan begitu juga Dasar Belanjawan bagi tahun ini. Yang Berhormat Menteri Kewangan menyatakan 75% penduduk luar bandar akan mendapat bekalan air, tetapi kalau \$10 sahaja bagaimana orang luar bandar boleh dapat?

Saya ingin beralih kepada Butiran 02300—Pemberian kepada Negeri-negeri untuk Jalan di Luar Bandar, di mana bagi tahun ini diberi peruntukan lebih kurang \$102 juta. Ini adalah satu peruntukan yang besar dan saya mengalu-alukan kerana begitu banyak peruntukan, tetapi disebabkan ini satu peruntukan yang secara lumpsum, maka kita tidak tahu secara terperinci butir-butir projek yang akan dijalankan oleh Kerajaan bagi tahun ini. Oleh sebab itu saya ingin tahu di sini daripada Kementerian yang berkenaan berapa jauhkah jalan-jalan luar bandar yang akan dibina di negeri Sabah bagi tahun ini?

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Butiran 02500—Pembangunan Masyarakat, di bawah Butiran kecil 01—Menaikkan Taraf Jalan Kampung dan Butiran kecil 02—Rancangan Pemulihan Kampung, di mana masing-masing peruntukan diberikan berjumlah \$116 juta dan \$19.1 juta. Ini juga peruntukan yang begitu banyak dan secara satu peruntukan lumpsum, di mana butir-butir projek itu kita tidak tahu dan saya juga ingin tahu di sini berapa banyak kampung di Sabah yang akan terlibat. Saya ingin tahu secara terperinci supaya rakyat Malaysia di Sabah yang berkeinginan pembangunan projek-projek

di luar bandar akan dapat mengetahui sebenarnya rancangan Kerajaan di negara kita.

Tuan Pengerusi, itu sahaja yang saya ingin sebutkan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Maran. Hendak minta berkenaan dengan Pahang pula berkenaan dengan jalan-jalan di Pahang, tiap-tiap buah negeri minta negeri masing-masing.

5.36 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah (Maran): Mungkin, Tuan Pengerusi, sebab saya wakil dari Pahang.

Tuan Pengerusi: Jikalau begitu Yang Berhormat bukan mewakili Parlimen Malaysia, mewakili Parlimen Negeri-negeri, ya.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah: Saya bercakap keseluruhan sahaja.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Mohamad bin Abdullah:.... kalau menyebut secara tidak langsung. Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana memberi peluang saya bercakap sekali lagi pada petang ini.

Saya ingin merujuk kepada mukasurat 265, Maksud Bekalan 54, Butiran 07000—Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan anggarannya \$110 juta.

Tuan Pengerusi, rancangan tanah ini mengikut cara yang lama, telah lama kita laksanakan sehingga beberapa pembaharuan kita laksanakan, kepada mereka menjadi peneroka-peneroka daripada sistem block sehingga kita memberikan sistem hakmilik. Kemudian baru-baru ini pula kita telah memberi hakmilik kepada mereka setelah mereka selesai

membuat pembayaran kembali, apabila semuanya selesai hakmilik akan diberi, dan juga rancangan-rancangan berkenaan dibenarkan untuk mengadakan Pertubuhan Peneroka.

Saya hanya ingin bertanya setakat ini berapa banyak Pertubuhan-pertubuhan Peneroka telah ditubuhkan, yang mana pada tahun 1989 hanya 100 pertubuhan sahaja, tetapi sehingga sekarang beberapa pertubuhan telah diwujudkan? Apakah fungsi-fungsi pertubuhan ini? Sedangkan tiap-tiap rancangan itu ada pegawai-pegawai pengurus dan pegawai-pegawai pengurus yang berkenaan bertindak sebagai persendirian untuk menguruskan rancangan-rancangan mereka?

Tuan Pengerusi, pengambilan peneroka cara lama sudah tidak lagi, sekarang Kerajaan telah menetapkan untuk mengambil peneroka-peneroka ialah cara baru yang boleh dikatakan secara estet. Saya ingin bertanya sebab perkara ini telah lama diputuskan, bilakah pengambilan cara baru ini akan dilaksanakan dan berapakah peluang bagi mereka untuk memasuki rancangan-rancangan baru ini?

Saya juga telah melihat sendiri borang untuk menjadi peserta di rancangan-rancangan baru ini. Di antara borang itu ada menyatakan bahawa peserta-peserta peneroka ini hendaklah berumur di antara kalau tidak silap saya di antara 18 tahun hingga ke 35 tahun. Jadi, kalau ini kita kenakan, sudah barang tentu mana-mana orang yang ingin masuk ke rancangan ini yang berumur lebih daripada 35 tahun tidak ada ruang lagi.

Sedangkan kita kedapatan bahawa ramai di antara bekas-bekas Tentera kita dan Polis yang berhenti daripada perkhidmatan adalah umurnya lebih daripada 35 tahun. Jadi, bagaimanakah

pertimbangan kita kepada mereka ini? Adakah kita berikan satu pertimbangan yang khusus bagi mereka untuk menyertai rancangan FELDA yang baru ini?

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh kedudukan FELDA yang ada sekarang yang mana kita mengambil hasil daripada terutama sekali kelapa sawit ialah menilai daripada BTB, kita membeli tandan kelapa sawit mereka. Tetapi dalam kelapa sawit itu, kita akan kedapatan isi kelapa sawit, dedak kelapa sawit yang diproses untuk dijual dan mendapatkan hasil. Jadi, adakah Kerajaan mengambil kira hasil daripada isirong daripada biji kelapa sawit dan juga dedak daripada kelapa sawit, dikira dipulang balik kepada peneroka-peneroka dan dikira dimasukkan di dalam bayaran kembali kepada harga tanah mereka? Jadi, kalau tidak dimasukkan, sedangkan itu adalah usaha mereka sendiri mengambil buah kelapa itu, sudah barang tentu kita tidak menjalankan satu perkara yang patut diberikan pada peneroka-peneroka. Sebab itulah saya bertanya adakah dimasukkan kira perkara-perkara ini sebagai membayar hutang mereka untuk menjelaskan harta atau hakmilik mereka?

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada mukasurat 266, Butiran 100000 mengenai dengan RISDA. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Pengurus Besar RISDA yang telah dapat mengubah kedudukan perjalanan RISDA sekarang sehingga kita telah dapat mewujudkan beberapa Pejabat RISDA yang baru di tiap-tiap daerah. Ini memanglah penting kerana orang-orang luar bandar memanglah perlu kepada pejabat yang berhampiran. Kalau dahulu kita pakai zon ataupun tempat-tempat tertentu yang jauh daripada mereka, sudah barang tentu perjalanan RISDA ini kurang berkesan. Dengan adanya

pejabat-pejabat baru ini, saya percaya RISDA akan dapat menjalankan kegiatannya lebih lancar lagi. Hanya saya ingin bertanya daripada peruntukan \$87 juta ini adakah termasuk cadangan RISDA untuk membuat kilang baja yang telah disuarakan baru-baru ini? Dan adakah dalam peruntukan ini juga pihak RISDA akan membesarkan usaha mereka bagi membuat perindustrian ataupun kilang-kilang yang lain sebagai memberikan peluang untuk memajukan lagi RISDA ini di masa-masa akan datang?

Saya juga ingin bertanya kepada pihak RISDA kerana pekebun-pekebun kecil getah ini untuk mendapatkan hasil mereka, mereka terpaksa bekerja tiap-tiap hari. Hanya kalau sekiranya musim hujan, barulah mereka tidak boleh mengambil hasil. Kalau sekiranya mereka tidak bekerja, mereka tidak mendapat hasil. Dengan menggunakan penorehan cara sekarang pendapatannya adalah memang terhad, tidak boleh mengeluarkan susu yang banyak. Jadi, saya ingin bertanya adakah RISDA bercadang ataupun membuat kajian supaya menggunakan penorehan yang mudah tetapi boleh mengeluarkan hasil getah yang banyak? Kalau sekiranya kita boleh kerja dalam 3 hari ataupun 4 hari serupa dengan kerja 6 hari, maka bererti pekerja-pekerja penoreh getah boleh berihat di hari yang lain, tetapi hasilnya mungkin berlebih ataupun biasa sebagaimana dengan penorehan-penorehan yang dahulu? Jadi, adakah pihak RISDA membuat rancangan ini?

Perkara yang lain saya ingin menyentuh mukasurat 265 mengenai Pembangunan Masyarakat

Tuan Pengerusi: Minta gulung, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohamed bin Abdullah: Ya. Pembangunan Masyarakat dan Pelajaran Dewasa. Saya ucapkan tahniah kepada mereka kerana mereka ini adalah merupakan

pekerja-pekerja secara kontrak dan mereka pula ramai yang melibatkan diri dalam politik dan termasuklah UMNO. Jadi, sudah barang tentu tugas mereka adalah untuk menentukan kemenangan UMNO itu sendiri. Apabila parti Pembangkang mengatakan kita menggunakan KEMAS ini untuk Barisan Nasional, tetapi apabila mana-mana pegawai Kerajaan yang bekerja tetap yang memberi bantuan kepada mereka dalam masa pilihanraya, mereka tidak membangkitkan. Inilah dia yang dikatakan kalau mengena pada mereka, mereka tidak akan menyebut, tetapi kalau tidak terkena kepada mereka, mereka akan membangkitkan di sini. Jadi, saya ucapkan tahniah kepada KEMAS dalam memberi bantuan yang baik kepada kita dalam memenangi pilihanraya yang lepas. Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Kepong, selepas itu Sepang dan selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab.

5.46 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, mukasurat 265, Butiran 070000, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan yang memerlukan peruntukan \$110 juta.

Tuan Pengerusi, ini satu Butiran yang terbesar di dalam peruntukan lebih \$1.4 billion untuk Kementerian tersebut dan yang melibatkan 219,000 keluarga di dalam 400 skim.

Tuan Pengerusi, program ini menerima Pemberian dan Kenaikan Bayaran Tetap sebanyak \$110 juta berbanding dengan \$100 juta yang diterimanya pada tahun yang lepas di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dengan pertukaran pindah daripada Kementerian Tanah kepada Pembangunan Luar

Bandar. Saya berharap prestasi FELDA akan bertambah baik.

Sepintas lalu FELDA melaporkan dan terkumpul di bawa ke hadapan sebanyak \$2,056.92 juta bagi tahun Kewangan 1989, mukasurat 6, Laporan Kewangan 1989. Daripada Jadual 18, mukasurat 21, Laporan Tahunan FELDA 1989 pula kecuali FELDA penapisan, ke semua perbadanannya mencatat keuntungan terkumpul sebanyak \$52.31 juta selepas cukai.

Tuan Pengerusi, berasaskan angka-angka ini seharusnya FELDA boleh berdikari tanpa bantuan daripada Kerajaan dalam bentuk pemberian. Akan tetapi, Penyata Wang Disatukan, mukasurat 155, Laporan Kewangan FELDA 1989 serta penelitian pelbagai akaun Lembaga menunjukkan bahawa bahagian pengurusan bergantung sangat kepada geran daripada Kerajaan termasuk pengecualian daripada cukai sehingga tahun 1991 bagi operasinya.

Tuan Pengerusi, di samping itu, bahagian ini juga mempunyai rekod penghutang yang tidak disenaraikan sebanyak \$1.46 juta berbanding dengan penghutang yang disenaraikan \$1.3 juta. Kami juga memerhatikan bahawa pemiutang yang tidak disenaraikan di bawah bahagian ini juga melebihi pemiutang lain yang telah disenaraikan iaitu \$5.956 juta berbanding dengan \$2.241 juta. Kononnya kos pentadbiran dan pengurusan yang tinggi, maka pergantungan kepada geran Kerajaan tidak dapat dielakkan, satu perkara yang penting yang perlu diperhatikan oleh pihak Kementerian ini.

Pada hemat saya, bantuan seikhlas-ikhlasnya dari Kerajaan ke arah membantu peneroka FELDA serta memberi insentif kepada generasi muda peneroka menyambung usaha-usaha ibu bapa mereka adalah untuk secara perlahan-lahan memberi pemuda-pemudi itu tugas mengurus serta mengembangkan operasi membuka

serta menyediakan tanah baru dan bukan setakat menjadi ahli Lembaga sahaja.

Tuan Pengerusi, peneroka-peneroka hanya boleh menjadi lebih berkesan di dalam Lembaga jika mereka itu bukan sahaja berpengalaman in the field, dengan izin Tuan Pengerusi, tetapi juga dalam hal-hal pengurusan hari-harian dan operasi membuka serta menyediakan tanah baru.

Kami sangsi sama ada Kerajaan benar-benar ingin melihat peneroka FELDA berdikari dan anak-anak muda khususnya terus menyambung usaha-usaha ibu bapa mereka di dalam skim dengan memainkan peranan pentadbir, pengurus, peneroka, penanam mahupun pengusaha industri hiliran dalam Perbadanan FELDA sendiri supaya muncullah satu jenerasi petani yang moden, dinamis dan muda.

Di samping itu kami juga berminat mengetahui kedudukan semasa rancangan FELDA untuk mengcommercialkan atau menswastakan skim-skim yang baru serta pihak-pihak pengusaha swasta yang terlibat. Kerana memang ada istilah penswastan skim-skim dan juga istilah mengcommercialkan skim-skim tersebut, saya tidak tahulah mana yang tepat. Kenapakah Kerajaan bertukar rancangan setelah membuat pengumuman bahawa Guthrie terlibat dalam skim penswastan.

Kami juga ingin menyentuh tentang sumbangan kepada peneroka. Kami memperhatikan bahawa dari Laporan Kewangan FELDA 1989 bahawa akaun-akaun penerokalah yang paling produktif, mukasurat 6, iaitu membawa hasil lebih tiga kali ganda daripada perbelanjaan dibuat dan penelitian lebih terperinci menunjukkan sumbangan aktiviti ekonomi, penerokalah yang menghasilkan pendapatan bukan seperti Bahagian Pengurusan yang bergantung sangat kepada geran Kerajaan.

Namun demikian, sering didengar rungutan-rungutan peneroka mengenai, dengan izin, Tuan Pengerusi, "take home-pay"—pendapatan yang dibawa balik, yang rendah, yang tidak cukup menampung hidup sehingga setengah-setengah mereka bekerja sambil di kilang-kilang di Singapura, Johor dan sebagainya. Kerajaan ataupun pengurusan FELDA juga pernah dituduh bukan berminat sungguh-sungguh membantu peneroka mengembangkan kegiatan mereka kepada aktiviti ekonomi yang lain.

Kerajaan mungkin mengatakan: pendapatan peneroka FELDA telah meningkat atau berbagai-bagai potongan telah dimansuhkan. Akan tetapi sehingga sekarang kami tidak nampak perkembangan yang sebenar-benarnya khusus di segi pendapatan yang dibawa pulang serta penglibatan peneroka yang lebih dalam pengurusan dan pembukaan dan penyediaan tanah baru. Maka kejayaan FELDA menempat dan membuka tanah itu tidak bermakna kerana matlamat asas ialah bagi melahirkan peneroka yang berdikari dalam pertanian moden.

Tuan Pengerusi, yang penting sekalinya FELDA yang merupakan satu gergasi, satu "conglomerate" yang mempunyai 19 Jabatan, 13 Corporations, 5 syarikat subsidiary, 29 Regional Administrative Bodies atau Perbadanan Pentadbiran Wilayah, 422 pegawai skim dan lebih 21,800 kakitangan dan di antaranya 800 pegawai-pegawai untuk mengurus dan menelan belanja dalam bentuk gaji bagi 800 pegawai ini lebih \$120 juta setahun. Ini merupakan satu gergasi yang tanpa tandingan dalam negara ini untuk aktiviti pertanian ini.

Dengan ini perlulah bagi pihak Kementerian yang baru sahaja mengambil alih bidang kuasa ini untuk meneliti teguran-teguran saya yang bernas dan berisi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, yang bernas. (Ketawa) Sepang.

5.55 ptg.

Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang (Sepang): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian satu dua perkara di dalam Maksud Bekalan 54 Kementerian Pembangunan Luar Bandar iaitu Butiran 010000 Pentadbiran Am.

Tuan Pengerusi, keseluruhan penyaluran projek-projek pembangunan luar bandar ialah melalui Pegawai Kemajuan Negeri dan diturunkan kepada bahagian di Pejabat Daerah iaitu Bahagian PLB. Bahagian PLB ini ialah satunya bahagian yang menjadi agen sebenarnya kepada pelaksanaan projek-projek pembangunan luar bandar. Bahagian ini telahpun dinaikkan taraf atau telah dipertingkatkan pada empat tahun yang lalu di mana sebelum ini diketuai oleh ADO Tingkatan Biasa. Sekarang ini telahpun dinaikkan kepada Pegawai Tadbir, PTD Tingkatan Kanan.

Apa yang ingin saya sarankan di sini, Tuan Pengerusi, oleh kerana badan ataupun bahagian ini merupakan bahagian penggerak dan nadi kepada pelaksanaan rancangan-rancangan dan program-program pembangunan luar bandar, maka saya suka mencadangkan kepada Kementerian Luar Bandar supaya dapat membincangkan secara serius khususnya dengan Jabatan Perkhidmatan Awam agar jabatan atau bahagian ini dapat diperbesarkan, ataupun saiz bahagian ini dipertingkatkan lagi dengan memasukkan sekurang-kurangnya seorang Penolong Pegawai Daerah di bahagian ini supaya melicinkan lagi perjalanan pentadbiran serta pembangunan projek-projek pembangunan luar bandar.

Seperkara lagi yang saya ingin sampaikan di sini ialah di dalam bahagian ini jugalah projek-projek kecil yang biasanya di bawah \$50,000 dilaksanakan dan melalui seorang ataupun pelaksana bertugas sebagai Juruteknik di bahagian ini. Oleh kerana selaras dengan cadangan saya supaya bahagian ini diperbesarkan maka selain daripada menambah seorang ADO maka ada baiknya ditambah seorang Pembantu Teknik (T.A.) selain daripada Juruteknik yang ada di mana kita harap kekesanan kepada tugas-tugas bahagian ini dapat dirasakan oleh rakyat ataupun pembangunan di luar bandar.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya kira di dalam banyak hal bahagian inilah yang merancang dan mencadangkan projek-projek pembangunan bukan sahaja projek-projek kecil di bawah \$50,000 malahan banyak juga projek-projek di atas \$50,000 dicadang, disyorkan, dibincangkan di dalam bahagian ini.

Apa yang menjadi permasalahan, apabila projek-projek bawah \$50,000 akan dilaksanakan oleh bahagian ini tetapi atas sahaja sedikit daripada \$50,000 maka ianya akan diserahkan kepada jabatan atau agensi pelaksana yang lain seperti JKR, JPS atau JBA dan lain-lain.

Saya suka mencadangkan di sini oleh kerana load atau beban kerja agensi pelaksana seperti JKR yang juga tugas-tugas atau kerja-kerjanya diserahkan atau diperturunkan kepada JKR sudah banyak maka saya mencadangkan supaya bahagian ini juga dibenarkan membuat atau menjalankan kerja sekurang-kurangnya di bawah \$100,000. Ini bertujuan supaya projek-projek kecil yang sekarang ini di bawah \$50,000 dipertingkatkan kepada \$100,000 dan menjadikan bahagian ini dapat melihat pelaksanaan tugas-tugas ini di mana setengah-setengah tempat JKR sebagai agensi pelaksana juga

kadang-kadang tidak berapa mengambil perhatian berat kepada projek-projek yang lebih sedikit daripada \$50,000. Ini kerana penumpuan agen pelaksana seperti JKR ini ialah lebih kepada projek-projek yang besar, kepada \$100,000 ataupun \$1 juta dan sebagainya. Maka akhir tahun biasanya projek-projek kecil seumpama ini tertinggal oleh jabatan ini dan bahagian ini terpaksa pula merujuk semula untuk dibuatkan tuntutan atau direvote semula di dalam tahun-tahun yang berikutnya.

Jadi, saya mencadangkan supaya Kementerian dapat memikirkan di mana projek-projek yang kecil ini dipertingkatkan selaras dengan peningkatan naiktaraf Bahagian ini iaitu Bahagian Luar Bandar di Pejabat-pejabat Daerah di negara kita ini.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, Butiran 00500—Pusat Kegiatan Kemajuan Masyarakat, mukasurat 267. Peruntukan hanya sebanyak \$900,000. Saya berpendapat bahawa di dalam usaha Kementerian Luar Bandar untuk mewujudkan Pusatgiat Kemajuan Masyarakat ini adalah satu yang dialu-alukan dan saya amat menyokong supaya Pusatgiat Kemajuan Masyarakat ini diperbanyakkan bukan hanya dengan memilih-milih tempat-tempat tertentu. Bukan sahaja kita bertujuan untuk memperbanyakkan lagi Pusatgiat-pusatgiat seperti ini malahan program mewujudkan Pusatgiat Kemajuan ini janganlah hendaknya merupakan melepaskan batuk di tangga sahaja.

Saya mencadangkan supaya Pusatgiat Kemajuan Masyarakat ini dibuat betul-betul secara kompleks sekurang-kurangnya diwujudkan sebuah dewan yang boleh memuatkan 500 atau 600 orang, beberapa dewan ataupun bilik kuliah, diadakan juga asrama-asrama lelaki dan perempuan dan ianya boleh merupakan pusat latihan yang benar-benar melatih

kakitangan KEMAS supaya ianya benar-benar cekap, supaya dapat kita menangkis lagi apa juga hujah-hujah, tohmahan-tohmahan, tuduhan-tuduhan daripada pihak Pembangkang, lebih-lebih lagi yang begitu irihati sangat.

Saya tengok tadi Wakil-wakil dari Bayan Baru dan Nilam Puri, dengki sangat dia dan berang sangat dia dengan KEMAS ini. Maka dengan hal yang demikian, saya fikir inilah masanya ditambahkan lagi peruntukan seberapa banyak, buat pusat ataupun Pusatgiat Kemajuan Masyarakat ini sebanyak-banyaknya di seluruh negara dan khususnya di luar bandar. Jadikan pusat ini pusat latihan yang hendak menggembelinkan tenaga masyarakat ataupun pemaju masyarakat kita di luar bandar, dan selepas itu kita harap pilihanraya demi pilihanraya kita akan beroleh kemenangan. Dan akhirnya juga kita berasakan perlu memberitahu kepada Ahli dari Bayan Baru apakah gunanya kita menang ataupun memenangi pilihanraya kalau tidak bertujuan hendak berkuasa, bukan sahaja kita menguasai KEMAS, malahan kita sudah juga menguasai Kementerian Kewangan dan Kerajaan keseluruhannya. Apa sangatlah dengan KEMAS yang dibimbang dan ditakutkan oleh wakil dari Nilam Puri dan juga Wakil dari Bayan Baru.

Tuan Pengerusi, akhirnya ialah Butiran 04000—Taman Bimbingan Kanak-kanak, peruntukan sebanyak \$2.55 juta. Saya ingin tahu, adakah peruntukan ini termasuk untuk membina bangunan-bangunan Taman Bimbingan Kanak-kanak (TBK). Kalau peruntukan ini termasuk bagi membina bangunan TBK tentulah jumlah ini terlalu kecil. Saya mencadangkan di dalam Rancangan Malaysia Keenam nanti supaya ditambah peruntukan ataupun ditambah lagi peruntukan khususnya bagi membina TBK dengan dimasukkan pembinaan bangunan TBK ini. Saya mencadangkan pada tiap-tiap kawasan pilihanraya sekurang-

kurangnya diwujudkan satu atau diberikan peruntukan satu pembinaan bangunan TBK pada tiap-tiap tahun dan sekurang-kurangnya Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk saya sendiri dapat tahu pada tahun hadapan berapa peruntukan Taman Bimbingan Kanak-kanak ada di kawasan saya, begitu juga pada tahun berikutnya dan akhirnya nanti Rancangan Malaysia Keenam.

Saya mencadangkan sedemikian kerana sekarang ini kita melihat pembinaan ataupun penempatan-penempatan anak-anak kita belajar di Taman Bimbingan Kanak-kanak ini kadangkala ada tempatnya begitu mengaibkan, terpaksa menumpang di sana sini dan keadaannya begitu padat. Ada setengah tempat sehingga pelajar-pelajar atau murid-muridnya menjangkau 70 ke 100 orang, terpaksa dibuat dua sesi, pagi dan petang dan terpaksa gurunya tinggal ataupun meneruskan pendidikan daripada pagi sehingga jam 2.30 petang. Ada kanak-kanak yang terpaksa datang jam 12.00 tengahari dan balik jam 3.30 petang di dalam usia mereka yang begitu muda. Tentulah kita merasakan menjadi tanggungjawab kita supaya dapat bukan sahaja diperbanyakkan bangunan-bangunan Taman Bimbingan Kanak-kanak ini, malahan di dalam usaha kita hendak mengadakan Pusatgiat atau Pusat Latihan KEMAS tadi, kita dapat memperbanyakkan lagi guru-guru TBK ini supaya sekaligus kelas ataupun bangunan TBK diwujudkan, guru TBK diperbanyakkan dan lebih menepati lagi kepada tujuan dan hasrat Kementerian Luar Bandar untuk melihat satu generasi dan juga masyarakat kita yang cekap dan juga dinamik pada masa-masa yang akan datang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.08 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin Kamari): Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sempat mengambil bahagian dalam perbincangan di peringkat Jawatankuasa ini.

Terima kasih dan penghargaan saya, khusus saya tujukan kepada 15 orang Ahli-ahli Yang Berhormat dari Larut, Bayan Baru, Sungai Benut, Padang Terap, Bandar Kuching, Segamat, Nilam Puri, Sibul, Selangau, Parit, Seputeh, Tuaran, Marang, Kepong dan Sepang, yang telah membangkitkan beberapa perkara dan masalah bagi memperlihatkan betapa concernnya mereka terhadap usaha-usaha Kerajaan melaksanakan program-program untuk membangunkan masyarakat di seluruh negara khususnya di luar bandar.

Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan ini bagi membuat jawapan ataupun response, dengan izin, kepada Dewan yang mulia ini, saya ingin memperjelaskan di sini buat kesekian kalinya bahawa Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan juga Kementerian-kementerian yang lain sentiasa berazam untuk membangunkan luar bandar, untuk menjadikan luar bandar yang modern dan tersusun yang memberikan tahap kehidupan yang tidak jauh bezanya dari bandar. Kemudahan akan disediakan bukan sahaja untuk keperluan asas tetapi juga untuk memberi peluang kepada penduduk-penduduk luar bandar memperbaiki keadaan dan kedudukan ekonomi mereka. Masyarakat luar bandar akan berpeluang melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti ekonomi melalui penyusunan semula kampung, melalui pembangunan dan peningkatan perusahaan dan pembangunan sumber manusia. Usaha-usaha perniagaan dan

pembangunan usahawan akan dititik-beratkan. Pertanian modern akan terus digalakkan supaya taraf kemiskinan dapat diturunkan.

Maka dengan itu, Tuan Pengerusi, saya langsung ingin menjawab dahulu perkara yang sengaja ditimbulkan oleh Ahli dari Bayan Baru dan Nilam Puri yang dengan jelas menyatakan di situ bahawa KEMAS iaitu agen untuk mempercepatkan usaha pembangunan luar bandar ini yang diwujudkan oleh Kerajaan dijadikan sebagai alat ataupun diperalatkan oleh UMNO, lebih-lebih lagi di dalam Pilihanraya yang baru lepas ternyata mengikut dakwaan mereka, yang jelas dakwaan itu merupakan sebagai fitnah, KEMAS dipergunakan untuk menentukan bahawa jentera Kerajaan ataupun UMNO itu mendapat kemudahan sebanyak-banyaknya oleh KEMAS.

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa sebenarnya kenyataan ataupun mengikut report yang dibacakan tadi boleh dibuat oleh sesiapa sahaja pun yang datang ke mari dan mendakwa bahawa itu arahan daripada Ketua Pengarah KEMAS. Saya ingin menjelaskan bahawa ini sebenarnya tidaklah betul. Ini adalah merupakan pembohongan dan ini adalah kenyataan daripada mereka yang sentiasa kecundang di dalam perjuangan mereka.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Larut berhubung dengan masalah kraftangan. Sebenarnya, untuk makluman Yang Berhormat, Tuan Pengerusi, segala aspek yang berkaitan dengan kraftangan buat sekarang ini adalah terletak di bawah bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri mulai dari bulan Julai, tahun 1989.

Berhubung dengan usaha untuk diperbanyakkan ataupun permintaan supaya diperbanyakkan kutubkhanah

desa, sesungguhnya Kementerian memang sentiasa berusaha dan akan terus melaksanakan usaha-usaha ini bagi menambahkan bilangan kutubkhanah desa dan ianya akan dilaksanakan apabila peruntukan-peruntukan untuk mewujudkannya dipertambahkan lagi. Dan buat masa ini di seluruh negara terdapat 184 kutubkhanah desa dan untuk Rancangan Malaysia yang Keenam ini, insya Allah, akan ditambahkan bagi tiap-tiap kawasan Parlimen sebuah lagi kutubkhanah desa.

Merujuk kepada soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru, saya telah jawab tadi mengenai KEMAS dan berpindah ke pertanyaan daripada Yang Berhormat dari Sungei Benut. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa rancangan-rancangan pada masa ini Kementerian Pembangunan Luar Bandar sedang menyediakan satu program yang menyeluruh, yang merangkumi perkara-perkara seperti pemberian mesin-mesin bagi memungkinkan lagi cergasnya program-program industri kampung, dan selain daripada itu memberikan juga kemudahan-kemudahan kredit penyediaan-penyediaan infrastruktur pembangunan usahawan dan juga pemasaran. Ini akan meningkatkan pendapatan dan menyediakan pekerjaan-pekerjaan yang mana ini akan membawa kepada peningkatan kepada kualiti kehidupan penduduk-penduduk masyarakat di luar bandar.

Berhubung dengan jumlah kadar buta-huruf di seluruh negara, buat masa ini mengikut kajian yang muktahir, kadar buta-huruf ialah sebanyak 25%. Dan mengenai tadika ataupun tabika di kawasan luar bandar yang kini seolah-olah bersaing dengan tadika-tadika yang dianjurkan oleh pihak swasta ataupun pihak persendirian, KEMAS dalam masalah mengadakan tabika ini mendapat peruntukan yang agak terhad dan tidak berkeupayaan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan

tabika di tiap-tiap kampung di seluruh negara ini. Maka itu dengan kemampuan yang agak terhad ini bagi membangunkan tabika-tabika di tiap-tiap kampung maka muncullah tadika-tadika ataupun tabika yang diusahakan oleh pihak swasta.

Berhubung dengan kegiatan yang diminati oleh para belia di luar bandar, buat masa kini kegiatan-kegiatan seumpama penambahan pendapatan melalui perusahaan-perusahaan kecil-kecilan dan juga kegiatan-kegiatan ekonomi yang lain adalah merupakan bidang-bidang yang baru ataupun minat-minat yang baru bagi belia di luar bandar, dan ini adalah merupakan satu perkembangan yang amat baik dan amat positif.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sekejap. Bolehkah atau tidak?

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Ya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila duduk sekejap.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua: Minta mengemukakan usul.

**WAKTU MESYUARAT DAN
URUSAN YANG DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN
MESYUARAT**

Menteri Kerja Raya (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan, 1991 dibacakan Kali

yang Ketiga dan usul Anggaran Pembangunan, 1991 diluluskan; dan sebaik sahaja selepas itu, Dewan hendaklah ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang, hari Isnin, 4hb Februari, 1991.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya hendaklah diputuskan dan disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan.

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan, 1991 dibacakan Kali yang Ketiga dan usul Anggaran Pembangunan, 1991 diluluskan; dan sebaik sahaja selepas itu, Dewan hendaklah ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang, hari Isnin, 4hb Februari, 1991.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN 1991**

DAN

USUL

**ANGGARAN PEMBANGUNAN
1991**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi: Sila sambung.

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:
Terima kasih, Tuan Pengerusi. Merujuk kepada Yang Berhormat dari Padang Terap, saya ingin menjelaskan bahawa sebenarnya Jalan Batu 28, Padang Senai dan Kampung Pakar, Kampung Tanjong dan Tong Peka telah dimasukkan ke dalam senarai projek 1991 untuk dilaksanakan. Dan Jalan Kampung Tanjong-Tong Peka telah mula ditarkkan dalam tahun 1990 dan diteruskan dalam tahun 1991 ini juga.

Berhubung dengan masalah yang berkaitan dengan Jalan KESBAN ataupun Keselamatan dan Pembangunan, jalan ini telahpun sebenarnya dimansuhkan dalam senarai projek Rancangan Malaysia yang Keenam. Tetapi mana-mana jalan, Jalan KESBAN ataupun Keselamatan dan Pembangunan ini yang telah dilaksanakan dan belum tamat pelaksanaannya sehingga ke hari ini ianya akan dilangsungkan ataupun diteruskan sehingganya ia selesai.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan orang ramai bersungut kerana permohonan menjadi peserta projek.....

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Padang Terap bangun.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Minta penjelasan sedikit.

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:
Ya.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tadi Yang Berhormat sebutkan dua jalan. Satu lagi jalan yang menjadi masalah besar ialah Jalan Batu 11 ke Derang dan jambatan iaitu di daerah Kota Setar dalam kawasan Parlimen Padang Terap.

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:
Terima kasih. Kalau ada jalan-jalan yang barangkali saya tidak tersebut, insya Allah, akan diberikan perhatian dan akan diambil tindakan yang sewajarnya sesudah dari ini. Insya Allah.

Berhubung dengan sungutan orang ramai kerana permohonan untuk menyertai FELCRA dan membangunkan tanah untuk dijadikan FELCRA itu lambat, sebenarnya kawasan projek yang terlibat merupakan kawasan-kawasan pembangunan bagi masuk Program Penyatuan Tanah iaitu melibatkan juga pengambilan peserta-peserta yang baru. FELCRA hanya merupakan sebagai pemaju dan soal pemilihan peserta adalah keputusan Kerajaan Negeri yang berkenaan.

Kadang-kadang di dalam usaha untuk memulihkan dan membangunkan kawasan-kawasan pertanian yang tidak produktif tersebut ada kalanya terdapat tanah-tanah, usaha-usaha ataupun teroka secara haram. Biasanya, FELCRA membuat perundingan di antara peneroka-peneroka dan Pejabat Tanah supaya kawasan tersebut dihalalkan ataupun legalised, dengan izin, dan memperolehi persetujuan supaya kawasan berkenaan dimajukan. Jika mereka tidak bersetuju masalah ini akan diserahkan kepada Pejabat Tanah ataupun Pihak Berkuasa Negeri untuk mendapat nasihat. FELCRA biasanya menangguhkan pembangunan kawasan teroka yang diterokai secara haram.

Tuan Pengerusi, beralih kepada Bandar Kuching. Yang Berhormat dari Bandar Kuching mencadangkan penubuhan Lembaga Pemulihan Tanah di Sabah. Cadangan dari Yang Berhormat ini akan dikaji dan sekiranya didapati sesuai, Kementerian ini akan mempertimbangkan cadangan tersebut.

Beralih kepada Segamat. Yang Berhormat dari Segamat telah mengutarakan beberapa masalah yang

pertamanya mengenai bekalan elektrik sebanyak \$9.4 juta yang diluluskan. Itu adalah seperti yang dipohon oleh FELDA dan didapati peruntukan ini adalah mencukupi. Bagi membuat jalan masuk Palong Timur II dan III daripada Batu 6 peruntukan sebanyak \$480,000 sepertimana dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Segamat akan dikaji dan bagi bekalan elektrik di Palong Timur I, II dan III, FELDA akan diminta mengadakan rundingan dengan pihak TEN berkenaan mengatasi masalah-masalah kekurangan peralatan di dalam menyediakan bekalan-bekalan elektrik di kawasan-kawasan ini.

Berhubung dengan bekalan air di mana penduduk di Palong Timur I, II dan III terpaksa membeli air sehingga 50 sen satu tong, sebenarnya kemudahan-kemudahan bekalan air akan dibekalkan kepada rancangan mengikut keutamaan. Walau bagaimanapun, masalah-masalah di kawasan ini akan terus dikaji.

Berhubung dengan kemudahan telefon, pihak STM akan dimaklumkan tentang ketiadaan kemudahan di kawasan tersebut. Bagi sekolah menengah, pihak Kementerian Pendidikan akan dimaklumkan tentang keperluan sekolah menengah di kawasan ini dan bagi sekolah agama FELDA akan mengkaji keperluan bagi pembangunan tersebut. Bagi tahun 1991 sememangnya tidak ada peruntukan kemudahan-kemudahan sosial seperti padang awam, balai raya dan termasuk juga sekolah agama.

Tuan Pengerusi, kita beralih kepada Nilam Puri. Sudah dijawab, saya beralih terus ke Sibü. Berhubung dengan pertanyaan mengenai bekalan air untuk Sarawak hanya token \$10, saya mohon izin untuk memberikan sedikit penjelasan di sini bahawa Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah mengemukakan permohonan yang mencukupi di bawah Rancangan Malaysia Keenam untuk

negeri Sarawak dan khususnya bagi Bahagian Sibü tidak ditinggalkan. Kita sama-sama menunggu untuk Parlimen yang mulia ini meluluskannya daripada Belanjawan Rancangan Malaysia Keenam yang akan dibahaskan.

Mengenai peruntukan \$100 juta yang diluluskan untuk FELDA, adakah termasuk ataupun pembinaan jalan-jalan kecil di Sarawak, bagi menjawabnya dalam peruntukan ini tiada peruntukan bagi pembinaan jalan kecil di Sarawak. Ini adalah rancangan FELDA di Sarawak yang masih di dalam tahap pembangunan utama. Peruntukan sebanyak \$100 juta hanya diberikan bagi rancangan-rancangan berpeneroka mengikut keutamaan.

Bagi menjawab pertanyaan-pertanyaan Yang Berhormat dari Selangau, yang pertama saya ingin menjelaskan berhubung dengan jalan luar bandar sebanyak \$102.18 juta—berapakah sebenarnya bahagian yang diuntukkan bagi Sarawak. Kita telah memperuntukkan hampir \$9 juta untuk Sarawak dari jumlah sebanyak itu tadi. Angka ini adalah kerana jumlah \$102.18 juta itu perlu dibahagi-bahagikan kepada 14 negeri-negeri yang lain dan juga Wilayah Persekutuan Labuan.

Berpindah ke Parit. Yang Berhormat dari Parit bertanya mengenai pembayaran deposit dan meter bekalan elektrik. Ini sebenarnya adalah merupakan peraturan yang dikenakan oleh agensi pembekalan elektrik sama ada SESCO, LLS ataupun TEN. Setiap pengguna yang inginkan perkhidmatan perlu membayar deposit tersebut untuk mendapatkan bekalan elektrik.

Tuan Pengerusi, kita masih juga di Parit. Yang Berhormat dari Parit ingin tahu adakah kos pembangunan rancangan FELDA, FELCRA setanding dengan kos pembangunan ladang swasta. Bagi makluman Yang Berhormat, sehubungan dengan permasalahan yang telah dibangkitkan ini,

insya Allah, pihak Kementerian buat kali ini akan membuat kajian bagi mengetahui perbezaan atau perbandingan kos pembangunan agensi-agensi tersebut dengan kos pembangunan swasta.

Kita berpindah ke pertanyaan yang lain dari Parit juga mengenai 250 rumah peserta FELCRA Nasaruddin yang sudah usang tetapi peserta belum dibawa masuk. Bagi menjelaskannya, mengenai pertanyaan berhubung dengan kemasukan peserta-peserta di FELCRA Nasaruddin, adalah dinyatakan bahawa kemasukan peserta adalah di peringkat terakhir urusannya dan akan diselesaikan dalam masa yang singkat. Peserta-peserta baru akan ditempatkan di rumah-rumah yang sesuai.

Berhubung dengan bekalan air yang masih belum dibekalkan di FELCRA yang berkenaan, peserta-peserta FELCRA Nasaruddin masih belum menerima bekalan air daripada kemudahan Jabatan Bekalan Air oleh kerana jaringan-jaringan paip belum lagi dapat disambung ke paip yang utama. Bagaimanapun, peserta-peserta menerima bekalan air daripada sistem bekalan air sementara. Insya Allah, sambungan ke paip utama akan dapat diselesaikan dengan kadar seberapa segera.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Berhubung dengan Jambatan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dari Parit juga, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) akan menyiasat berhubung dengan perkara ini dan jika di bawah bidang Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini, insya Allah, kita akan memberikan perhatian dan tindakan di dalam Rancangan Malaysia Yang Keenam.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada pertanyaan Yang Berhormat dari

Seputeh berhubung dengan minum air parit Kampung Mega, Parit Raja. Saya fikir perkara ini adalah perkara yang agak diperbesar-besarkan kerana untuk makluman Yang Berhormat, kawasan kampung tersebut sekarang ini telahpun diusahakan untuk dibangunkan dari kemudahan-kemudahan bukan sahaja air, malahan juga pembangunan-pembangunan serta kemudahan-kemudahan pembangunan yang lain. Berhubung dengan hakmilik FELDA yang ditanyakan ataupun yang diutarakan oleh Yang Berhormat dari Seputeh.....

Tuan Liew Ah Kim: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sebentar ya. Hendak beri jalan, Seputeh bangun.

Tuan Liew Ah Kim: Mengenai penduduk-penduduk di Kampung Olak Batu, Batu Pahat, macam mana bahawa terdapat 200 keluarga penduduk kampung itu terpaksa minum air parit yang berbau busuk. Macam mana keadaan sekarang?

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Ini orang Islam kata alhamdulillah, perkembangannya telah begitu maju ke hadapan. Sebenarnya Olak Batu ini pun diperbesar-besarkan minum air parit. Semua minum air parit, air paip itu datangnya dari parit dan sungai yang diproses termasuk juga Olak Batu. Jadi, tidak ada perkara yang pelik di sini.

Mengenai hakmilik FELDA, tujuan FELDA mengadakan peraturan tata-tertib bagi memastikan rancangan di FELDA tidak diganggu dengan anasir-anasir yang boleh menyebabkan keharmonian kehidupan penduduk di rancangan tergugat supaya peneroka dapat menjalankan dan melaksanakan tugas serta tanggungjawab utama mereka, iaitu mengerjakan ladang. Perkara ini sememangnya dipersetujui oleh peneroka melalui surat perjanjian di antara mereka dengan FELDA.

Mengenai kes peneroka di Bukit Sagu, pentadbiran FELDA mendapati memang peneroka telah tidak mengerjakan ladang dan tidak dapat memberikan penjelasan mengapa beliau gagal berbuat demikian. Oleh yang demikian, selepas membuat perbincangan sewajarnya dan setelah membuat pertimbangan yang sedalam-dalamnya, peneroka berkenaan terpaksa disingkir. Sehingga Disember 1990 yang lepas, sejumlah 12,492 peneroka telah diberikan hakmilik.

Pengumuman Kerajaan pada bulan Oktober 1988 untuk memberikan hakmilik individu kepada peneroka, adalah tidak bermakna bahawa peneroka secara automatik menerimanya. Peneroka perlulah menjelaskan dahulu bayaran-bayaran kembali kepada pembayaran tanah dan juga tanaman semula dan cukai tanah yang disatukan sebelum hakmilik individu dapat disediakan.

Tuan Pengerusi, kita beralih ke pertanyaan Yang Berhormat dari Tuaran berhubung dengan jalan luar bandar. Peruntukan sebanyak \$102.18 juta, berapa untuk Sabah. Jadi, sebenarnya ini saya telahpun jelaskan tadi dan tidak perlu saya menyebutkan di sini, cuma saya ingin menjelaskan berhubung naik taraf jalan kampung, ingin tahu berapakah untuk Sabah.

Untuk makluman, peruntukan bagi Sabah adalah sebanyak \$4 juta bagi 150 kilometer jalan kampung. Saya berharap akan dapat memberi lebih lagi apabila Belanjawan Rancangan Malaysia Keenam diluluskan kelak. Peruntukan ini sebenarnya adalah untuk Program Pemulihan Keluarga Termiskin dan rumah-rumah sebanyak \$17.3 juta dan Projek Pertandingan Kampung sebanyak \$1.8 juta. Dari jumlah ini, sebanyak \$1.4 juta adalah bagi negeri Sabah untuk melaksanakan Projek Pemulihan Rumah Keluarga Termiskin dan Pertandingan Keindahan Kampung peringkat Daerah dan Negeri.

Kita beralih ke pertanyaan Yang Berhormat dari Maran. Yang Berhormat dari Maran ingin tahu bilangan pertubuhan peneroka setakat ini ataupun sehingga Disember 1990 yang sebenarnya. Sebanyak 131 buah pertubuhan peneroka telah diluluskan pendafiannya. Tujuan utamanya ialah bagi membolehkan para peneroka menguruskan rancangan-rancangan mereka secara sendiri dan pertanyaan berhubung dengan sistem syarikat ladang, pengambilan pekerja-pekerja dijangka akan dapat dibuat pada tahun 1991 ini buat tahap yang keduanya.

Pengambilan pekerja yang berumur di antara 18 hingga 35 tahun adalah bagi memastikan bahawa mereka berkeupayaan dan berkemampuan daripada tenaga kerja, tetapi bagi bekas-bekas perajurit, pekerja-pekerja ini adalah dibenarkan sehingga mencapai umur ke tahap 45 tahun.

Berhubung dengan pertanyaan yang berikut dari Maran, sama ada peruntukan pembangunan RISDA sejumlah \$61,050,000 termasuk peruntukan untuk membina kilang baja dan usaha-usaha perindustrian yang lain. Bagi menjawabnya, peruntukan pembangunan yang dibentangkan tidak termasuk peruntukan bagi pembinaan kilang baja atau usaha-usaha perindustrian yang lainnya. Projek ini akan dijalankan oleh anak syarikat RISDA.

Bagi pertanyaan sama ada RISDA bercadang ataupun menjalankan kajian untuk memastikan pengeluaran hasil getah dapat ditingkatkan melalui sistem penorehan, satu kajian sedang dijalankan dengan gigihnya oleh Institut Penyelidikan Getah Malaysia mengenai kaedah ataupun sistem penorehan secara cucuk, ataupun "puncture tapping", dengan izin, di mana sistem ini masih lagi dalam peringkat percubaan dan hasil dari kajian akan disebarkan kepada para pekebun kecil apabila kajian menunjukkan kesan-kesan yang positif.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada soalan yang berikut yang dimajukan oleh Yang Berhormat dari Sepang mengenai pembangunan luar bandar di Pejabat Daerah supaya dapat dipertingkatkan keupayaannya dengan menambah ADO dan juruteknik-juruteknik. Saya difahamkan, untuk makluman, bahawa perkara ini sedang dikaji oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, MAMPU dan juga Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.

Berhubung dengan Pusat Kegiatan Masyarakat, dalam Rancangan Malaysia Kelima terdapat 19 buah dan dalam Rancangan Malaysia Keenam akan datang, 35 buah lagi sedang dipohon asasnya satu bagi setiap kawasan Parlimen dan bagi Rancangan Malaysia Keenam ini akan juga diadakan kemudahan-kemudahan dewan dan juga asrama bagi pusat kegiatan masyarakat ini.

Bagi Taman Bimbingan Kanak-kanak yang diutarakan oleh Yang Berhormat dari Sepang dalam Rancangan Malaysia Keenam, permohonan adalah termasuk peruntukan membina bangunan sebanyak \$15,000 dan peruntukan serta jumlah masih belum lagi dapat ditentukan untuk kelulusan.

Ahli Yang Berhormat dari Sepang juga meminta jawatan ADO Pembangunan dan Bahagian Pembangunan Luar Bandar (PLB) di Pejabat Daerah dinaikkan taraf jawatan dan diperbesarkan Bahagian PLB. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam ini nanti, Kerajaan melalui JPA telahpun bersetuju menaikkan taraf jawatan ADO Pembangunan daripada taraf PTD Kanan kepada PTD Tingkatan Tertinggi G di samping menambah kakitangan sokongan dan mewujudkan Unit PLB yang lebih besar dengan kakitangan teknikal yang akan mencukupi.

Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang: Tuan Pengerusi, minta laluan sedikit untuk penjelasan. Saya maksudkan yang telah ada sekarang memang PTD Kanan hanya rata-rata tidak ada pembantu, tidak ada ADO, tidak ada Penolong Pegawai Daerah, "one man show" dan ini yang saya hendak minta pertimbangan.

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Tuan Pengerusi, insya Allah akan dimaklumkan kepada JPA untuk tindakan selanjutnya.

Tuan Pengerusi, saya fikir setakat itu sahaja yang dapat saya respond ataupun memberikan jawapan-jawapan kepada hujah-hujah dan juga pertanyaan-pertanyaan, cadangan-cadangan, komen-komen daripada sahabat-sahabat Ahli Yang Berhormat. Saya menyedari masih banyak kekurangan lagi, ada yang tidak terjawab dan tidak terlangkau di dalam waktu yang amat singkat ini, saya memohon maaf. Walau bagaimanapun, insya Allah Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan mengambil perhatian yang amat berat berhubung dengan perkara-perkara yang tidak terjawab, yang tidak tersentuh dan tersebut semasa saya menggulung di dalam peringkat Jawatankuasa ini dan insya Allah akan diambil perhatian serta tindakan sewajarnya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$440,777,700 untuk Maksud B.54 dan \$31,080,800 untuk Maksud B.55 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$440,777,700 untuk Maksud B.54 dan \$31,080,800 untuk Maksud B.55 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$968,505,440 untuk Maksud P.54 dan \$7,467,000 yang disebutkan dalam Maksud P.55 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1991 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$968,505,440 untuk Maksud P.54 dan \$7,467,000 untuk Maksud P.55 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1991.

Maksud B.56 dan B.57 (Jadual)—

Maksud P.56 (Anggaran Pembangunan 1991)—

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepala Bekalan B.56 hingga B.57 dan Kepala Pembangunan P.56 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat terbuka untuk dibahas. Santubong.

6.43 ptg.

Puan Rohani binti Abd. Karim (Santubong): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Maksud B.56 Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Tuan Pengerusi, Kertas Perintah 19 mukasurat 281 di bawah Butiran 060000—Hal Ehwal Wanita iaitu peruntukan berjumlah \$925,400.

Saya ingin mengucapkan tahniah sebab HAWA sekarang sudah di-

tempatkan di Kementerian ini iaitu bermaksud untuk menyelaraskan perkara-perkara yang berkaitan seperti kebajikan, perpaduan negara, wanita dan sebagainya. Saya rasa peruntukan ini harus diberikan lebih atau dipertingkatkan lagi memandangkan bahawa pihak HAWA memerlukan banyak peruntukan untuk melaksanakan Dasar Wanita Negara di seluruh negara pada tahun 1991 ini. Berbagai strategi bagi pelaksanaan dasar telah dirangkaikan seperti membangkitkan kesedaran, kepekaan dan kefahaman semua pihak mengenai isu dan kedudukan wanita di seluruh negara, menyalur isu wanita menerusi agensi pusat kepada institusi dan birokrasi Kerajaan dalam bentuk peraturan dan pentadbiran, sikap dan komitmen pihak pelaksanaan dasar, merancang pengagihan sumber kepada pelbagai sektor yang mengendalikan program berkaitan dengan isu wanita dan mendapat kerjasama di antara sektor Kerajaan dan di antara Kerajaan dengan bukan Kerajaan dan proses pemusatan usaha bagi meningkatkan penglibatan wanita.

Tuan Pengerusi, adalah disarankan kepada Kementerian ini terutama sekali pihak HAWA, supaya memainkan peranan lebih aktif dan berkesan di dalam melaksanakan Dasar Wanita ini. HAWA seharusnya diupgradakan, dengan izin, supaya betul-betul dapat bertindak sebagai jentera pembangunan wanita bagi seluruh negara. Pihak HAWA seharusnya mengadakan dan juga mempercepatkan perlantikan Pegawai-pegawai Penyelaras di setiap negeri di seluruh Malaysia supaya dapat bertindak dengan lebih berkesan mengenai hal ehwal wanita serta dapat mewujudkan atau menyelaras program-program pembangunan wanita di semua peringkat.

Kedua, peranan pentingnya ialah mengadakan pendidikan atau latihan untuk menyedarkan pihak pentadbiran mengenai isu wanita. Program Kepekaan Jantina, dengan izin, Gender

Sensitising, di berbagai peringkat di seluruh negara hendaklah sentiasa diadakan.

Ketiga, HAWA seharusnya memainkan peranan lebih aktif dan berkesan bagi mengawasi semua pertubuhan wanita di Malaysia di mana aktiviti mereka dapat diselaraskan untuk mengelakkan pertindihan fungsi atau aktiviti.

Program yang penting juga ialah untuk memajukan atau menyelaraskan penyelidikan mengenai isu wanita dan juga mengadakan tindakan susulan atas hasil penyelidikan tersebut dan diadakan atas pelbagai sektor di seluruh negara. HAWA juga harus memperluaskan dan mengemaskinikan lagi maklumat mengenai wanita di seluruh negara supaya maklumat ini dapat digunakan untuk tindakan perancangan dan penggubalan dasar. Maklumat ini haruslah accessible, dengan izin, kepada client-client yang memerlukan data-data tersebut. HAWA juga sepatutnya mengkaji semula serta mempertingkatkan lagi fungsi NACIWID iaitu sejajar dengan tujuan ianya adalah jentera nasional bagi pengintegrasian wanita dalam pembangunan.

Bagi mukasurat 282 pula, iaitu Butiran 02200—Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis di Miri, Sarawak, peruntukan berjumlah \$200,000. Saya rasa peruntukan ini tidak mencukupi untuk menjalankan berbagai program pemulihan yang dijalankan di pusat tersebut. Elok juga Kementerian disarankan supaya memberi atau mengadakan tabung pusingan bagi modal untuk memulakan lebih banyak lagi, dengan izin, income generating activities, bagi penghuni-penghuni di pusat tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Petaling Jaya.

6.47 ptg.

Dr Kua Kia Soong (Petaling Jaya): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 010000—Pentadbiran Am, Butiran 030000—Perkhidmatan Pembangunan Sosial dan Prestasi Program Perpaduan Negara, mukasurat 217 yang bertujuan untuk menggalakkan perpaduan antara kaum dan agama serta memupuk integrasi nasional supaya dapat dibentuk sebuah masyarakat yang bersatu-padu yang mempunyai identitinya dan yang mana warganegaraanya menumpukan taat setia kepada Raja dan negara dan sentiasa bangga sebagai rakyat Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya ingin berbincang mengenai peranan dan keberkesanan Kementerian ini khususnya Lembaga Perpaduan Negara.

Tuan Pengerusi, tahap dengan mana Kerajaan Barisan Nasional menyemarakkan perasaan perkauman dan keagamaan dalam pilihanraya yang lalu semata-mata untuk terus berkuasa tanpa sebarang komen sekalipun daripada Lembaga Perpaduan Negara dan lain-lain jabatan jelas memperlihatkan ketidak keberkesanan Kementerian ini khususnya Lembaga Perpaduan Negara.

Pilihanraya tahun 1990 yang penuh dengan tipu helah yang dijalankan oleh Kerajaan Barisan Nasional serta media massa yang dikuasainya menunjukkan tanpa sebarang keraguan bahawa Barisan Nasional tidak mempunyai sebarang komitmen terhadap Perpaduan Negara malahan ia tidak mempunyai, dengan izin, moral authority, untuk membicarakan tentang.....

Tuan Yim Chee Chong: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang

Berhormat Petaling Jaya, sebentar. Ada yang bangun. Hendak beri jalan?

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Pengerusi, saya ingin meminta penjelasan tentang apa yang dikatakannya mengenai tipu helah dalam pilihanraya tahun yang lalu.

Dr Kua Kia Soong: Saya hendak jelaskan.

Tuan Yim Chee Chong: Saya tidak setuju dengan pandangan

Dr Kua Kia Soong: Sabar.

Tuan Yim Chee Chong: Mengikut padangan saya, pilihanraya itu adalah diadakan dengan cara yang adil dan saksama.

Dr Kua Ki Soong: Dia buat ucapan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ikut saya.

Dr Kua Kia Soong: Hendak minta penjelasan atau hendak buat ucapan? Penjelasan ada, sabar.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Petaling Jaya . . .

Tuan Yim Chee Chong: Berkenaan dengan tipu helah, sila beri contoh.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

Dr Kua Kia Soong: Sabar, saya baru mula.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Petaling Jaya, sebentar. Cuba cari jalan supaya dapat berucap berkenaan perkara lain yang di bawah Butiran sahaja.

Dr Kua Kia Soong: Ya. Saya hendak buat penjelasan, helah pemakaian tengkolok yang digunakan oleh Barisan Narisan dan iklan-iklan politiknya yang berbau perkauman ini telahpun dikutuk oleh ramai ahli-ahli Parlimen dalam perbahasan ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): (*Bangun*).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Petaling Jaya, hendak beri jalan? Ada yang bangun.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Point of order.

Dr Kua Kia Soong: Saya buat penjelasan kepada dia.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Point of order 36(1).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Point of order. Duduk sebentar!

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa membangkitkan soal tengkolok dan lain-lain masalah, ini tidak termasuk dalam apa yang dibincangkan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, tadi saya sudah katakan jangan mencari helah supaya dapat mengeluarkan perkara-perkara yang lain daripada Butiran.

Dr Kua Kia Soong: Saya baru . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Banyak lagi perkara lain yang mustahak yang harus dibincangkan tentang Butiran ini.

Tuan Dr Kia Soong: Ada! Saya baru berikan rujukan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya tidak benarkan lagi menyentuh tentang politik dan pilihanraya. Itu tidak ada sangkut-paut dengan ini langsung.

Dr Kua Kia Soong: Ada. Peranan Lembaga Perpaduan Negara—Butiran 010000—Pentadbiran Am, Butiran 030000—Perhubungan Masyarakat dan Prestasi Program Perpaduan Negara di mukasurat 217.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, itu tentang masyarakat, bukan tentang parti politik dan pilihanraya. Sekali lagi saya beri peluang untuk berucap. Jangan berucap tentang parti politik, pilihanraya dan tengkolok.

Dr Kua Kia Soong: Tadi

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila patuh.

Dr Kua Kia Soong: Okay. Tuan Pengerusi, apabila 27 aktivis-aktivis sivil daripada Persatuan-persatuan Cina menyertai DAP pada 18hb Ogos, 1990, Barisan Nasional sekali lagi mencuba untuk menjadikan isu tersebut sebagai satu isu perkauman sungguhpun para aktivis berkenaan telah menyatakan dengan jelas dalam perisytiharan mereka bahawa mereka ingin membantu mewujudkan sistem dua parti untuk keadilan dan demokrasi. Betapa significantnya ancaman tersebut kepada Barisan Nasional

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order. Saya cadangkan kepada Ahli Yang Berhormat, walaupun ucapan itu ditulis, langkah dua,

tiga muka baru buat ucapan yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan.

Dr Kua Kia Soong: Adakah ini point of order?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sekali lagi diperingatkan. Kalau tidak mahu gangguan sila berucap dengan Butiran tertentu, jangan sentuh tentang pilihanraya yang lalu. Sudah banyak dibincangkan disini.

Dr Kua Kia Soong: Bukan, saya hendak

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya tahu motif Yang Berhormat. Tetapi jangan campur-adukkan, tolong teruskan. Kalau Yang Berhormat tidak berucap tentang butiran yang tertentu, nanti ada banyak gangguan, masa mungkin sudah habis.

Dr Kua Kia Soong: Bolehkah saya bincang mengenai Lembaga Perpaduan Negara?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Boleh. Tetapi jangan menyentuh tentang dasar pilihanraya. Saya tahu motif Yang Berhormat itu lain.

Dr Kua Kia Soong: Tetapi satu peranan yang mustahak mengenai Lembaga itu ialah untuk memupuk perpaduan negara dan perpaduan masyarakat.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Itu kita tahu, tetapi jangan kaitkan langsung dengan parti politik, pilihanraya dan tengkolok. Yang Berhormat boleh memberi sumbangan yang lebih dalam Dewan ini.

Dr Kua Kia Soong: Saya sudah tinggalkan isu tengkolok dan saya tidak timbulkan lagi isu tengkolok atau pilihanraya.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila teruskan.

Dr Kua Kia Soong: Sebenarnya, sejak Akta Hasutan diluluskan pada tahun 1971 tiada sesiapa pun boleh menimbulkan isu yang didakwa oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Pemimpin-pemimpin Tong Chiao Chong adalah bebal sekiranya mereka menuntut supaya bahasa Mandarin dijadikan bahasa rasmi di dalam surat mereka kepada Kerajaan. Hakikatnya ialah pemimpin-pemimpin UMNO telah secara consistent memutarbelitkan tuntutan-tuntutan sah masyarakat Tionghua dan India untuk memelihara bahasa ibunda mereka sebagai mencabar taraf Bahasa Malaysia. Bagi seorang yang jujur ia merupakan logik yang munasabah, kerana mereka hanya menuntut hak Perlembagaan dan hak kemanusiaan mereka. Dalam jawapannya kepada Ahli dari Tanjong baru-baru ini, Menteri Pendidikan sekali lagi telah mengulangi pandangannya bahawa pemimpin-pemimpin Tong Chiao Chong adalah biadap.

Setiausaha Perlimen Kementerian Belia dan Sukan (Dato' Ismail bin Said): Point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Point of order lagi. Berapa?

Dato' Ismail bin Said: 36 (1), Tuan Pengerusi.

Dr Kua Kia Soong: Apa itu?

Dato' Ismail bin Said: 36 (1).

Dr Kua Kia Soong: Apa itu? Bacalah itu.

Beberapa Ahli: Duduklah.

Dato' Ismail bin Said: Saya nampak Yang Berhormat tersebut tidak menghadkan percakapannya mengenai tajuk Yang Berhormat sebutkan sebentar tadi iaitu Lembaga Perpaduan Negara. Saya ingin menerangkan kepada Yang Berhormat supaya apabila membincangkan perkara ini, kalau boleh, Yang Berhormat jangan cakap perkara yang umum. Kalau boleh katakan di bawah aktiviti ini tahun lepas, misalnya, Lembaga tidak mengadakan kursus yang cukup dan hendaklah ditambah pada tahun ini. Itu caranya, kalau hendak bincang. Bukan bercakap mengenai perkara yang umum. Terima kasih.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Pengerusi, itu terpulanglah kepada Yang Berhormat Tuan Pengerusi untuk menetapkan, dan bukanlah yang Berhormat itu.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kita sudah menetapkan itu tadi. Teruskan. Jangan ada gangguan lagi, sebab dia ada masa 3 minit sahaja lagi. Teruskan.

Dr Kua Kia Soong: Terima kasih. Adalah menjadi satu kenyataan bahawa semasa perbincangan di dalam Majlis Perundingan Ekonomi Negara di mana terdapat intelek-intelek Melayu yang berhujah supaya bahasa-bahasa yang lain dibenarkan kerana apa yang diperlukan dalam Majlis Perundingan ialah idea-idea. Tidak perlulah dihebahkan isu bahasa itu. Bukankah benar terdapat Hakim-hakim Kanan Melayu di negara ini dan juga ramai rakyat kita dari Malaysia Timur yang belum cukup fasih dalam Bahasa

Malaysia? Apakah ini bermakna sumbangan-sumbangan mereka itu tidak berguna dan sekiranya mereka diminta menyumbang idea-idea mereka dalam bahasa Inggeris maka mereka akan didakwa sebagai cuba mencabar kedudukan Bahasa Kebangsaan? Adalah jelas isu-isu communalistic slanting ini, dengan izin, didorong oleh tokoh-tokoh politik dan berbahaya dalam menggalakan perhubungan etnik yang baik. Adalah significant bahawa apabila pemimpin-pemimpin UMNO melakukan politicking perkauman MCA, GERAKAN dan MIC tidak berbisu sama sekali, maka tidak hairanlah mereka ini tidak menerima undi daripada kaum mereka masing-masing dalam pilihanraya umum.

Tuan Shahidan bin Kassim:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Petaling Jaya, Arau bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim:
Penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Hendak beri jalan?

Dr Kua Kia Soong: Boleh.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya hendak bertanya, Tuan Pengerusi, kita boleh berhujah di mana-mana, tetapi saya ingin bertanya di sini, apakah boleh kita bercakap secara umum di bawah tajuk Perpaduan? Yang Berhormat Tuan Pengerusi telah mengeluarkan keputusan tadi bahawa kita tidak boleh bercakap perkara-perkara yang umum. Wakil dari Kepong sepatutnya dia beri kursus kepada kawan-kawannya kerana dia pandai bercakap fasal tajuk ini, berhubung dengan perkara-perkara di

bawah Committee Stage. Sekarang ini dia bercakap fasal umum dan ini telah melanggar Peraturan 36 (10) (c). Dia cuba membangkitkan perasaan perkauman di antara kita dan dengan itu dia boleh dihukum di bawah Peraturan 44 (1).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Yang Berhormat sudahlah, cukuplah. Teruskan. Satu minit lagi, sila gulung.

Dr Kua Kia Soong: Terima kasih, saya teruskan. Sebuah Lembaga Perpaduan Negara yang prihatin untuk menggalakkan perpaduan negara pasti akan menyuarakan bantahannya terhadap perkauman yang begitu ketara dan naked, dengan izin, yang diamalkan oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Itulah relevannya ucapan saya mengenai Butiran tersebut oleh sebab ada peruntukan kepada Lembaga Perpaduan Negara dan apakah Lembaga ini buat pada tahun-tahun yang lalu. Sudah gagal seperti Badan Pencegah Rasuah.

Lembaga Perpaduan Negara telah gagal mendapatkan keyakinan orang ramai dan masanya telah sampai untuk mengadakan sebuah Majlis Kebangsaan mengenai persefahaman antara kaum yang berbeza sama sekali yang bertanggungjawab secara langsung kepada Parlimen supaya perkauman dan segala bentuk politicing perkauman dapat dihentikan. Sebuah suruhanjaya perhubungan kaum dan sebuah akta perhubungan kaum juga merupakan reformasi-reformasi penting yang harus dipertimbangkan oleh Kementerian sekiranya ia benar-benar serius dalam menggalakkan keharmonian antara kaum dan meng-haramkan segala bentuk perkauman. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Muar.

7.01 m/m.

Tuan Abdul Malek Munip (Muar): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada mukasurat 279, Butiran 010000 dan Program 010200 Perancangan dan Pembangunan dan membandingkan kegiatan Kementerian dari buku Program dan Prestasi.

Pertamanya, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang menegaskan dengan khusus tujuan Kementerian yang berbunyi: "mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang sejahtera dan beridentiti sendiri dengan penduduknya bersatupadu, berkualiti, berdikari dan mengamalkan budaya akram".

Jika diteliti dengan halus matlamat ini, maka tanpa apology dan dengan jelas ia membayangkan cita-cita mulia pembinaan bangsa Malaysia yang teguh, sejahtera, bersatupadu serta mempunyai sifat ketahanan atau dengan izin, resilience untuk menghadapi hari muka. Saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana kesediaan dan tanpa ragu-ragu mempunyai kebijaksanaan memberi priority kepada proses pembinaan bangsa yakni bangsa Malaysia iaitu selaras dengan inti-pati matlamat asal Pendidikan Kebangsaan seperti yang digariskan dalam Akta Pelajaran 1961 atau Dasar Kebudayaan Negara dan untuk kali ketiga, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian kerana tidak mudah terperangkap dengan idea-idea yang fashionable atau mudah terpukau atau cuba memukau dengan meminjam nilai atau falsafah-falsafah sejagat yang longgar, yang umum dan dangkal sifatnya semata-mata untuk memenuhi selera segelintir dari generasi muda yang terumbang-ambing, yang mudah dipengaruhi oleh arus pemikiran yang bersifat sementara sama ada arus itu datangnya dari Barat, Timur Tengah, Timur Dekat atau Timur Jauh.

Tuan Pengerusi, saya ingin meneruskan ucapan saya ini kepada isu perancangan dan pembangunan Kementerian yang melibatkan kegiatan-kegiatan penyelidikan dan hubungkaitnya dengan cita-cita membina bangsa Malaysia yang beridentiti tadi. Pada hari semalam, kita didedahkan oleh Ahli dari Padang Terap mengenai keperluan memahami rangka pemikiran Barat khususnya Amerika dalam menilai tindak-tanduk mereka dalam percaturan politik antarabangsa yang sekarang ini telah mencetuskan pergolakan berdarah di Timur Tengah.

Pada hari ini, saya ingin menyentuh perkara yang hampir sama iaitu masalah rangka pemikiran bukan Barat atau Amerika atau dengan izin, frames of mind atau kadang-kadang disebut "paradigma mental" yang telah membelenggu kebanyakan daripada kita apabila cuba menilai masalah kita, kebudayaan dan nilai hidup kita dan dalam proses membuat penyelidikan dan melaksanakan program ke arah pembinaan bangsa

Dr Kua Kia Soong: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sebentar.

Dr Kua Kia Soong: Point of order. Ahli Yang Berhormat juga cakap polisi, falsafah atau philosophy juga tidak kena mengena dengan frames of mind

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, suka saya memperingatkan

Seorang Ahli: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya, point of order berapa? (Disampuk)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, bertenang. Muar, sila

teruskan, ikut Butiran-butiran tertentu.

Tuan Abdul Malek Munip: Tuan Pengerusi, saya merujuk tentang masalah dalam penyelidikan seperti yang termuat dalam rujukan yang saya sebut di atas iaitu rangka pemikiran yang mengkelam-kabutkan proses penyelidikan itu dan saya pernah terlibat pun dalam proses itu dalam tahun-tahun yang lampau dan saya cuba mengutarakan pendapat saya mengenai yang sepatutnya kita mengatasi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Jangan menyetuh dasar, Yang Berhormat.

Tuan Abdul Malek Munip: Tidak. Saya menyebut tentang specific problem. The problem of.....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Specific mengikut Butiran, ya.

Tuan Abdul Malek Munip: Ya, Butiran yang di atas mengenai penyelidikan demi perpaduan negara.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Silakan.

Tuan Abdul Malek Munip: Dalam proses membuat penyelidikan dan melaksanakan program ke arah pembinaan bangsa. Isu budaya adalah isu yang paling rumit, paling dasar dan kerana ia membezakan antara satu bangsa dengan satu bangsa yang lain ialah kebudayaannya.

Tuan Pengerusi, di negara kita, saya pendekkan, ini sudah banyak minit berlalu. Hasrat untuk membina bangsa Malaysia yang bersatupadu dan beridentiti sebenarnya memang sudah lama diinsafi sama ada boleh kita lihat, saya sebut sedikit daripada segi sejarah, dari segi sebelum merdeka sampailah Akta Pendidikan dan dalam

tahun 70an bila kita ada Dasar Kebudayaan dan juga falsafah ideologi negara seperti Rukunegara tetapi yang pentingnya ialah semua perkembangan-perkembangan ini menzahirkan kesinambungan dari cita-cita asal membina bangsa Malaysia yang beridentiti, yang bersatupadu, dinamik dan progresif dan dalam semua perkembangan ini dan kesan daripada keinsafan kesinambungan sejarah kita, prinsip tradisi tempatan sebagai teras, sebagai wadah pembentukan identiti bangsa Malaysia terus menerus dipraktikkan dan diperteguhkan.

Namun demikian, proses melaksanakan prinsip tersebut iaitu membina identiti bangsa yang berwadahkan tradisi kita ini, kita berhadapan dengan satu permasalahan yang amat besar iaitu terbelenggu dalam rangka pemikiran diri kita sendiri. Rangka pemikiran yang melahirkan sifat apologetic, sifat tidak tegas, takut-takut dan terumbang-ambing untuk mengemudi perkembangan budaya kita dan pembinaan keperibadian bangsa kita.

Dr Kua Kia Soong: Tuan Pengerusi, point of order. Itu masih dasar dan falsafah sejarah hingga sekarang pula.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, itu berkenaan perpaduan negara juga, ya.

Tuan Abdul Malek Munip: Asas utama yang melahirkan rangka pemikiran yang negatif ini bermula dari kejahilan kita sendiri.

Seorang Ahli: DAP.

Tuan Abdul Malek Munip: Ada tanya? (Ketawa)

Tuan Pengerusi, saya ini mudah panic. Kalau selalu diusik, tidak dapat hendak bercakap. Kasihanlah sedikit.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Jangan usik lagi, Yang Berhormat. (*Ketawa*)

Tuan Abdul Malek Munip: Bermula dari kejahilan kita sendiri mengenai diri kita, pengalaman dan perjuangan kita atau dalam perkataan lain sejarah.....

Dato' Ismail bin Said: Tuan Pengerusi, penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada Ahli Yang Berhormat bangun.

Dato' Ismail bin Said: Penjelasan. Beri jalan?

Tuan Abdul Malek Munip: Nanti sebentar, biar saya habiskan. Sekejap sahaja.

Dato' Ismail bin Said: Yang Berhormat dari Muar sebentar tadi menyebut kejahilan pemikiran kita sendiri. Siapakah orang Yang Berhormat maksudkan itu? Kejahilan pemikiran kita sendiri. Siapakah "kita" itu?

Tuan Abdul Malek Munip: Terima kasih, Tuan Pengerusi, ini akan terjawab dalam ucapan yang selanjutnya. (*Ketawa*) Selama berpuluh-puluh tahun kita mewarisi gambaran sejarah diri kita yang sangat daif, hina dan memalukan. Jadi, di saat masyarakat bumiputera ketinggalan berbanding dengan bukan bumiputera dalam sebuah bidang penghidupan yang utama, kita disogokkan melalui sejarah sebagai masyarakat yang mewarisi segala sifat yang durjana, masyarakat yang malas, masyarakat yang berpecah-belah, masyarakat yang hasad dengki, masyarakat yang mundur, masyarakat yang suka membuang masa dan taksu kepada hiburan dan pembaziran, masyarakat yang anti ilmu dan bermacam-macam lagi. Segala kutukan dan penghinaan

ini kerap kali pula dilafazkan oleh ramai daripada kita dengan penuh kebanggaan dan lazimnya berselidung disebalik tabir untuk menyedarkan bangsa. Barangkali tidak ada masyarakat di Malaysia ini yang begitu terpuakau, begitu obsessed untuk mengutuk diri sendiri seperti kita. Pada hari ini pula pada saat masyarakat bumiputera baru menikmati dengan bermakna erti penyebaran dan peluasan kemudahan pembangunan....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila gulung Yang Berhormat.

Tuan Abdul Malek Munip: Okay. Kemudahan yang sekian lama mengelilingi masyarakat non bumiputera timbul pula kata-kata cerca dan penghinaan yang baru iaitu masyarakat yang mempunyai subsidi mentaliti.

Tuan Pengerusi, tadi saya membuat sedikit perjanjian dengan sahabat sebelah saya, kata dia kalau saya cakap lebih dua minit dia akan cakap kurang dua minit. Adakah perjanjian saya itu dapat dihormati oleh Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kotakan dalam seminit.

Tuan Abdul Malek Munip: Tak apa saya hendak menyebut cadangan saya.

Cadangan saya ialah saya mengesyorkan dalam proses penyelidikan yang dikenalkan oleh Kementerian ini supaya mengkaji dan merangka strategi yang lebih berkesan dalam pembentukan pembinaan bangsa Malaysia, wajib diperinci dan dihalusi dasar-dasar utama Kerajaan yang telah diasaskan selama ini, iaitu dasar-dasar yang ada kena-mengena secara langsung dengan proses pembinaan bangsa yang beridentiti iaitu seperti dasar kebudayaan, dasar pelajaran, Rukunegara dan lain-lain.

Keduanya, kita mencadangkan supaya wujud koordinasi untuk program-program pembangunan dengan dasar-dasar tersebut. Umpamanya kita menyesali pernah berlaku kekhilafan dalam risalah-risalah rasmi pelancongan mengenai masyarakat dan budaya kita, di mana masyarakat Melayu disogokkan sebagai masyarakat imigerent di bumi Malaysia ini dan kita harus menegaskan bahawa perhitungan komersial tidak wajar mengorbankan perhitungan maruah negara kita. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Seputeh.

7.13 mlm.

Tuan Liew Ah Kim (Seputeh): Tuan Pengerusi, saya merujuk mukasurat 284, Maksud B.57, Butiran 010000—Pentadbiran Am. Matlamat perpaduan nasional hendaklah menjadi teras kepada usaha Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Peruntukan \$80,210,700 dicampur dengan peruntukan Jabatan Perpaduan Negara sebanyak \$18,641,400 merupakan jumlah yang lebih besar dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Saya bandingkan dua Kementerian ini kerana Menteri mereka sama-sama wanita. Peruntukan yang lebih tinggi ini menunjukkan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat juga lebih hebat dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Oleh itu Kementerian ini perlu membuktikan kesungguhan dalam memupuk perpaduan nasional, janganlan disebabkan masyarakat bandar memilih parti-parti Pembangkang, maka dijadikan alasan oleh Barisan Nasional untuk memisahkan jurang perbezaan kaum di kalangan masyarakat di Malaysia.

Kita tidak mahu pembangunan masyarakat di luar bandar dikuasai oleh UMNO, manakala pembangunan masyarakat di dalam bandar pula dikuasai oleh MCA dan parti GERAKAN. Kalau pegawai-pegawai KEMAS berkempen untuk Barisan Nasional di luar bandar, di samping kakitangan sektor Rukun Tetangga di bandar berkempen di dalam bandar, matlamat perpaduan nasional terlalu jauh untuk kita capai. Sepatutnya sama ada KEMAS mahupun sektor Rukun Tetangga ditugaskan mencari persefahaman dan perpaduan nasional bukan berkempen bagi pihak parti-parti politik.

Tuan Pengerusi, perpaduan nasional boleh dicapai sekiranya B.N. tidak mengamalkan sentimen kepartian dalam pentadbiran. Kementerian ini perlu membuktikan kewibawaannya dalam memupuk perpaduan nasional dengan memastikan tidak ada sentimen kepartian dalam mana-mana pentadbiran Kerajaan.

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat ada yang bangun, Arau.

Tuan Liew Ah Kim: Hendak apa?

Tuan Shahidan bin Kassim: Hendak buat penjelasan.

Tuan Liew Ah Kim: Tidak payah, panjang.

Tuan Shahidan bin Kassim: Bolehlah sekejap.

Tuan Liew Ah Kim: Tidak payah.

Tuan Shahidan bin Kassim: Bolehlah—bolehlah.

Tuan Liew Ah Kim: Lawan dahululah.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan.

Tuan Liew Ah Kim: Sentimen. . .

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dia tidak beri jalan.

Tuan Liew Ah Kim: . . . kepartian ini dapat dilihat dari kejadian bagaimana kawasan tanah kubur orang-orang Islam di Kampung Segar, Jalan Datuk Hashim, Machang di Kelantan menjadi pertikaian masyarakat Islam di sana. Bagaimana Kerajaan B.N di Kelantan sebelum 21-10-1990 lalu boleh memberikan hakmilik kepada satu kawasan

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Seputeh, ada Point of order.

Tuan Liew Ah Kim: Point of order apa?

Tuan Shahidan bin Kassim: 36 (1). Tadi Tuan Pengerusi sudah sebut tadi kita tidak boleh cakap fasal pilihanraya dan parti-parti politik.

Tuan Liew Ah Kim: (*Bangun*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Nanti sekejap, saya belum habis hendak ulas. Jadi saya minta supaya ruling

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Pengerusi, bolehkah saya teruskan?

Tuan Shahidan bin Kassim: . . . ruling juga diturunkan kepada. . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.

Tuan Liew Ah Kim: Ini adalah perkara yang spesifik

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Nampaknya sebelah sini dia tidak ada modal lain, itu sahaja, jadi berilah peluang bercakap.

Tuan Liew Ah Kim: . . . saya bangkitkan, maka jangan buang masalah—membuang masa saya. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan Seputeh.

Tuan Liew Ah Kim: Saya mitna tambah satu minit untuk gangguan ini—injury time.

Tuan Pengerusi, sepatutnya UMNO sendiri mesti mendahulukan sikap memupuk perpaduan nasional di kalangan masyarakat Melayu sebelum dapat mengajar kaum-kaum lain menuju matlamat ke arah perpaduan nasional dengan lebih berkesan. Kalau sudah ketam berjalan mengiring bagaimana mahu mengajar anaknya berjalan betul.

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Seputeh, Arau bangun lagi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya minta penjelasan, satu sahaja.

Tuan Liew Ah Kim: Tidak payahlah.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tak ganggu, janji, satu sahaja.

Tuan Liew Ah Kim: Kedua-dua pun seperti ketam mengajar anak berjalan terus.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk, nanti banyak injury time susah. Teruskan.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Pengerusi,

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bangun.

Tuan Othman bin Abdul: Penjelasan. Stupid!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat,

Tuan Liew Ah Kim: Saya tidak bagi.

Tuan Othman bin Abdul: I am standing here.

Tuan Liew Ah Kim: Duduklah.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, duduk!

Tuan Othman bin Abdul: I am standing here, why not? Bodoh betul DAP ini, 10 orang pun boleh bangunlah.

Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin: Sila duduk, nanti minta banyak injury time susah. Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada mukasurat 280, Maksud Bekalan 56, Perkhidmatan Pembangunan Sosial, Butiran 030000. Penderaan kanak-kanak sudah menjadi fenomena baru dalam masyarakat Malaysia. Kanak-kanak tidak dilindungi oleh penjaga-penjaganya. Kes yang melibatkan kanak-kanak ini didera semuanya berpunca dari perceraian ibu bapa mereka akibat masalah sosial. Krisis sosial bukan sahaja disebabkan kemiskinan, perjudian, maksiat dan najis dadah, malah tiada perancangan yang konkrit bagi melahirkan masyarakat yang mempunyai sikap sivik. Memang bercakap lebih mudah dari melaksanakan, tetapi Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat tidak boleh mengelak dari tanggungjawabnya.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Majlis Agama Islam Pulau Pinang baru-baru ini memberkas beberapa pasangan Islam yang melakukan maksiat dan perbuatan mereka ini didedahkan pula dalam laporan Berita di TV. Langkah ini bukan sahaja mencemarkan nama keluarga mereka yang terlibat, malah maruah mereka juga terjejas. Sepatutnya demi perpaduan dan menjaga keharmonian, perbuatan demikian tidak perlu dibesar-besarkan. Mungkin langkah demikian boleh menyebabkan suami akan bercerai dengan isteri, akibatnya anak-anak mereka terdedah kepada gejala sosial yang lain seperti

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Nanti sekejap, Yang Berhormat dari Arau bangun.

Tuan Liew Ah Kim: . . . penderaan kepada kanak-kanak. Dia bangun untuk apa, sebab tiap-tiap kali dia bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: Dia bercakap fasal agama Islam tidak boleh.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat hendak minta penjelasan ataupun point of order?

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Beri atau tidak?

Tuan Liew Ah Kim: Tidak. Saya sudah ulang beberapa kali, Tuan Pengerusi, tetapi dia tidak mahu patuhi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Dia pun cakap tidak betul, panggil Speaker—Sekarang Pengerusi tahu!

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat sila duduk. Teruskan.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Pengerusi, saya sendiri hairan apakah tujuan kes demikian sengaja dibesarkan di TV, sedangkan langkah sebenarnya mengatasi masalah tersebut tidak dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, masyarakat penyayang yang dicadangkan dalam manifesto pilihanraya Gagasan Rakyat menjadi ejekan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, tetapi Kementerian ini harus menyertai ejekan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional itu sebagai langkah menutup kelemahan mereka kerana tidak mempunyai pencapaian demikian hebat dalam usaha menyelamatkan rakyat Malaysia dari belenggu kemiskinan. Sehingga sekarang, Kerajaan Barisan Nasional kebingungan dengan kes

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, itu cakap dasar.

Tuan Liew Ah Kim: . . . mendera kanak-kanak.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Itu cakap dasar.

Tuan Liew Ah Kim: Ini masalah sosial mengenai penderaan kanak-kanak.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Itu keputusan saya—bercakap dasar dan lebih elok Yang Berhormat menyentuh apa yang lebih khusus yang bersangkutan-paut.

Tuan Liew Ah Kim: Saya fikir ini adalah berkaitan dengan peruntukan yang dikhaskan untuk projek mengatasi masalah sosial.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan.

Tuan Liew Ah Kim: Ini sebagai sosial masyarakat. Bukan sahaja tidak ada langkah-langkah positif diambil tetapi kes-kes tersebut terpaksa dipindahkan ke Mahkamah. Masyarakat penyayang yang kita idam-idamkan adalah sebahagian dari program mengurangkan kemiskinan. Perdana Menteri boleh menyuruh rakyat bekerja kuat untuk meningkatkan produktiviti, tetapi rakyat berusia lebih 70 tahun tidak akan mampu bekerja, kecuali golongan veteran dari BN yang mendapat berbagai kemudahan semua berada dalam Kerajaan. Kalau kita bimbang dengan masalah penderaan kanak-kanak, kita juga harus bimbang dengan penderaan kepada orang-orang tua. Ramai orang-orang tua yang hidup terbiar akibat sikap anak-anak mereka tidak mengambil berat masalahnya. Rumah Orang-orang Tua juga perlu dijadikan tempat mereka beristirahat, bukan mendera mereka dengan membuat kerja-kerja ringan seperti yang dilaksanakan sekarang.

Tuan Pengerusi, Kuala Lumpur dinamakan oleh Perdana Menteri

“Bandaraya Bercahaya” masih dipenuhi dengan pengemis-pengemis yang sentiasa menadah tangan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Liew Ah Kim: Mereka bukan sahaja duduk di atas jambatan. . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Liew Ah Kim: . . .tetapi di kaki lima.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sila gulung ucapan.

Tuan Liew Ah Kim: . . .atau di tangga-tangga masjid, malah menjadikan pasar-pasar malam seperti perniagaan mereka. Apakah langkah positif Kementerian ini mahu mengatasi masalah pengemis-pengemis di sekitar Kuala Lumpur, “Bandaraya Bercahaya” itu. Apakah kita membiarkan malam Kuala Lumpur bermandi cahaya lampu-lampu dan siangnyanya bergelumang dengan pengemis-pengemis yang bertaburan di setiap penjuru. Memang pegawai-pegawai boleh memberi berbagai alasan . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Liew Ah Kim: . . .tetapi yang jelas kegagalan Kerajaan memperbaiki pentadbiran yang kucar-kacir dalam pejabat-pejabat tersebut. Sekian.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Shah Alam.

7.26 mlm.

Puan Hajah Rakibah binti Abdul Manap (Shah Alam): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Maksud B.56, mukasurat 279, Butiran

010000, Khidmat Sokongan 020000, Perkhidmatan Pencegahan dan Pemulihan dan 060000, Hal Ehwal Wanita. Kertas Perintah 20, mukasurat 209 mengenai Program Perkhidmatan Pembangunan Sosial.

Ini bersabit dengan hasrat Kerajaan yang sentiasa berusaha untuk meningkatkan kedudukan sosio-ekonomi golongan miskin, cacat dan kurang bernasib baik.

Menyentuh mengenai satu perkara iaitu Taman Asuhan Kanak-kanak atau TASKA yang berdaftar pada tahun 1989 111, anggaran akan didaftar 1990, 236.

Tuan Pengerusi, Taman Asuhan Kanak-kanak untuk anak-anak di bawah umur 4 tahun ini wujud dengan pesat tanpa kawalan sebenar. Ada yang menjalankan usaha-usaha ini di rumah-rumah persendirian. Bagi suri-suri rumah yang menjalankan usaha ini baik bagi menambahkan punca rezeki ataupun pendapatan keluarga. Hanya yang saya khuatir dan sentiasa mengharapkan agar sebaik mungkin diadakan kursus tertentu bagi mereka yang terlibat dengan usaha-usaha ini agar asuhan kanak-kanak ini dapat dijalankan dengan lebih sistematik dan dalam semua aspek, pendidikan terutama dari segi kesihatan dan pembentukan pembangunan fizikal dan mental.

Tuan Pengerusi, saya hanya sentuh sedikit-sedikit mengenai rancangan tindakan jentera nasional bagi integrasian wanita dalam pembangunan. Saya bersyukur kerana Kementerian ini telah menjalankan berbagai-bagai usaha dan Menterinya seorang wanita dan banyak perkara-perkara hal ehwal wanita diletakkan di Kementerian ini dengan secara langsung, maka penubuhan HAWA sebagai sebuah unit di Jabatan Perdana Menteri dan sebagai urusetia kepada Majlis Penasihat mengenai pengintegrasian wanita dalam pembangunan ataupun (NACIWID). Dengan

adanya jentera nasional ini dapat melibatkan wanita secara meluas dalam pembangunan ekonomi negara khususnya. Selaras dengan dasar dicentralisasi tugas dan kuasa Kerajaan Pusat maka wajar jentera pembangunan wanita dipertingkatkan.

Saya percaya berbagai program telah dirancang oleh jentera ini dan saya harap diperbanyakkan program-program mengenai hak wanita dalam konteks undang-undang untuk mengurangkan penganiayaan. Juga sistem pendidikan dan latihan kebangsaan hendaklah mengintegrasikan....

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Nanti sekejap Yang Berhormat, Tasik Chenderoh bangun.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Minta penjelasan sedikit sahaja. Boleh?

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap: Boleh.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Yang Berhormat tadi menyebut bahawa integrasi wanita dalam pembangunan ekonomi, itu penting. Adakah juga integrasi wanita dalam pembangunan politik dianggap penting, dan kalau penting adakah parti yang tidak pernah langsung ada wakil wanita dalam Dewan ini sebuah parti yang "male chauvinist" dan mengamalkan diskriminasi terhadap wanita?

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap: Terima kasih, bagus pandangan Yang Berhormat. Memang saya pun selalu rasa macam itu, kenapa DAP tidak ada wakil wanita dalam Dewan ini. Nampaknya wakil DAP ini dengan saya pun kadang-kadang tidak langsung menghargai sebagai seorang wanita dan biasa mengatakan saya "mulut tempayan". Itulah sebabnya dia

tidak hendak ada seorang wakil wanita dengan mereka. Tidak apalah.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan Yang Berhormat.

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap: Semua wanita saya harap lain kali kalau hendak pilih wakil, pilihlah parti yang ada wanita sebagai wakilnya. (*Tepuk*) Banyak undi wanita negara ini, Tuan Pengerusi.

Untuk mengurangkan kes penganiayaan maka saya rasa sistem pendidikan dan latihan kebangsaan hendaklah mengintegrasikan faham dan perasaan serta persamaan jantina di samping memupuk sikap dan perspektif bagi menghormati dan mengiktiraf hak dan keupayaan wanita setaraf dengan kaum lelaki. Dan juga dalam lain aspek, di atas usaha negara bagi mengintegrasikan wanita dalam pembangunan dapat diperkuatkan.

Saya beralih sedikit kepada kes juvana. Saya juga mengharapkan dalam Kertas Perintah 20, mukasurat 207, dalam kes juvana hanya satu cadangan yang ingin saya utarakan iaitu agar jawatankuasa-jawatankuasa yang terlantik sebagai Jawatankuasa Juvana di peringkat daerah diberi kursus-kursus kaunseling agar mereka dapat menjalankan tanggungjawab lebih teliti dan lebih berkesan kepada kumpulan sasar. Itulah sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kota Setar.

7.32 *mlm.*

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman (Kota Setar): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Lagi sekali, tukar Tuan Pengerusi, baru saya dapat. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang Maksud Bekalan

B.56 Butiran 030000 khusus kepada Butiran 030100 Perkhidmatan Perkembangan Sosial.

Kalau mengikut kepada tujuan program perkhidmatan pembangunan sosial, kita hendak menggalakkan komuniti tempatan supaya dapat melahirkan rasa tanggungjawab, bersatu-padu dan bekerjasama bagi mengatasi masalah.

Jadi, saya nampak, Tuan Pengerusi, keadaan sekarang ini tidak menunjukkan langsung yang kita ini sedang menuju ke arah masyarakat berbilang kaum yang bersatu-padu. Ini adalah hasil daripada hasutan DAP.

Kita lihat di sekolah-sekolah rendah. Dahulu kita ada Dasar Pelajaran. Sekolah Kebangsaan untuk meletakkan anak-anak kita di bawah satu bumbung supaya hidup ataupun besar dengan kefahaman masyarakat berbilang kaum. Tetapi dengan hasutan-hasutan ini maka orang Melayu sahaja ke sekolah kebangsaan, Cina kebanyakannya ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, itu bercakap dasar.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Bukan dasar. Ini tentang perpaduan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Itu cakap dasar.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Dasar?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Oleh itu saya pergi kepada peringkat perpaduan masyarakat. Saya nampak perpaduan di peringkat masyarakat ini terutama sekali di kawasan saya, saya lihat tiap-tiap

aktiviti perpaduan, aktiviti-aktiviti dianjurkan ini (*Ketawa*). Tuan Pengerusi potong saya, saya susah sedikit hendak menyambung semula.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tidak apa.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Saya lihat aktiviti-aktiviti perpaduan misalnya di kampung-kampung atau di bandar-bandar di kawasan saya, saya lihat hanya satu dua golongan kaum sahaja yang terlibat. Jika masyarakat itu terdiri daripada Melayu, Tamil dan Cina; kita lihat kalau ada aktiviti-aktiviti masyarakat, misalnya di tempat itu banyak kaum Cina, yang membuat aktiviti untuk perpaduan ini terdiri daripada orang Melayu atau Tamil. Masyarakat yang terdiri daripada ramai orang-orang Melayu juga aktiviti perpaduan juga datang daripada orang Melayu dan Tamil. Ini saya dapati wujud di dalam masyarakat kita.

Ini saya rasa adalah hasutan daripada kawan-kawan kita di sebelah sana. Saya percaya ini terutama sekali apabila percakapan Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya itu tidak ada langsung yang mendorongkan perpaduan. Saya minta Kementerian Perpaduan Masyarakat ini supaya latih sedikit orang-orang DAP ini supaya ada sedikit semangat untuk bersatu-padu. Sampai bila kita hendak duduk seperti ini? Sampai bilakah kita hendak berpecah, kalau pihak dari Pembangkang itu tidak ada langsung semangat untuk hendak membimbing sama ada anak-anak kita ataupun masyarakat ke arah masyarakat yang bersatu-padu.

Saya terpaksa bangkitkan daripada peringkat sekolah oleh sebab sekarang ini saya lihat di peringkat sekolah rendah dan di sekolah menengah keadaan berpuak-puak telah wujud. Di peringkat universiti perkauman makin bertambah kuat. Sekarang ini di-peringkat politik sahaja baru kita hendak bersatu-padu.

Saya minta Kementerian ini berikhtiar dan banyakkkan peruntukan jika perlu, agar masyarakat kita dapat dibangunkan dengan keadaan yang bersatupadu harmoni.

Tuan Liew Ah Kim: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Nanti sekejap ya, Seputeh bangun.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Sila.

Tuan Liew Ah Kim: Saya hendak tanya Yang Berhormat dari Kota Setar, adakah UMNO sebagai parti yang main perkauman. Oleh kerana UMNO hanya satu bangsa dapat menjadi keahlian kepada UMNO.....

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Saya faham UMNO adalah parti untuk satu kaum.

Tuan Liew Ah Kim: Ini adakah membayangkan satu parti yang perkauman?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Cukup, duduklah. Sebab kalau UMNO parti yang perkauman, tadi saya kata semua aktiviti-aktiviti perpaduan datang daripada UMNO, UMNO ini baik. UMNO ini cukup baik. Kalau ada sedikit pun mereka akan menganjurkan aktiviti perpaduan. Sepatutnya minority group patut mengadakan initiative untuk perpaduan ini. Tetapi nampaknya perkara ini terbalik. Tempat orang Melayu sedikit-pun UMNO anjur aktiviti perpaduan, tempat orang Melayu banyak pun, UMNO anjur aktiviti ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Sila.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar, sama ada beliau boleh bersetuju bahawa walaupun UMNO parti satu kaum, iaitu orang Melayu sahaja, tetapi dasar UMNO adalah dasar yang menyeluruh untuk semua kaum. Tetapi DAP walaupun parti yang multi-racial tetapi berselindung disebalik multi-racialism ini. Tetapi sebenarnya adalah parti perkauman. *(Tepuk)*

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Saya setuju. *(Ketawa)* Tetapi kita bukan perkauman, kita bercantum MCA, MIC dengan begitu baik. Saya puji MCA sebab MCA selalu membuat aktiviti-aktiviti tetapi DAP ini, teruk sangat tidak pernah langsung meng-anjur aktiviti perpaduan.

Tuan Wong Wing On: *(Bangun)*

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Sila. Minta penjelasankah atau point of order.

Tuan Wong Win On: Minta penjelasan. Boleh tidak?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Boleh.

Tuan Wong Wing On: Tadi Yang Berhormat kata UMNO membuat sumbangan kepada perpaduan negara. Soalan saya ialah adakah menyalahgunakan media massa untuk membangkitkan isu tengkolok adalah satu sumbangan yang positif kepada perpaduan negara?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Siapa yang tuduh UMNO buat itu? Tetapi yang saya tahu dalam pilihanraya baru-baru ini, suratkhobar Cinalah yang digunakan oleh DAP yang menghasutkan?

Tuan Wong Wing On: Siapa yang menggunakan isu tengkolok?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, dia tak beri jalan. Jangan mencelah dengan begitu sahaja, sila duduk.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Kalau menghasut ini, kalau kita tengok dalam pilihanraya lalu, ini agak terkeluar, menghasut itu peranan suratkhobar Cina.

Tuan Wong Wing On: Ada bukti. Ada copykah?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Bukan setakat "kopi", "teh" pun ada. *(Ketawa)*

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Kampar, jangan buat ulang kali lagi dan tidak dibenarkan berdialog macam ini. Masa berjalan, Yang Berhormat dari Kota Setar, teruskan.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Jadi, saya mintalah Kementerian ini supaya mengambil perhatian atas perkara ini sebab kita dalam UMNO dan Barisan Nasional terutama sekali, kita tidak mahu anak cucu kita hidup dalam keadaan susah; kita tidak mahu anak cucu kita akan sumpah kita kerana tidak mencari jalan supaya masyarakat kita bersatupadu. Sekian, Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepong. Saya akan benarkan dua orang lagi berucap. Selepas Kepong, Arau dan selepas itu Menteri diminta jawab.

7.42 mlm.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, mukasurat 279, Butiran 020000—Perkhidmatan Pencegahan dan Pemulihan. Tuan Pengerusi, saya pun tahu Yang Berhormat Menteri pun hendak balik, kalau lewat, besokpun hari kelepasan. *(Disampuk)*

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, teruskan kepada tajuk.

Dr Tan Seng Giaw: Tajuknya rakan saya dari Seputeh ada sebutkan penganiayaan ataupun deraan ke atas kanak-kanak. Itu satu tajuk yang penting yang setakat ini pihak Barisan Nasional tidak seorang pun sebutkan, kecuali Shah Alam mengenai wanita. Ini menunjukkan mereka tidak begitu berminat untuk berbahas dengan membina.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Point of order, dia tak pernah bercakap ke arah Tuan Pengerusi, dia tengok ke bawah sahaja. *(Ketawa)*

Seorang Ahli: Apa ini!

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Kepong, jangan menyentuh soal yang tak ada kena-mengena langsung dengan tajuk Kementerian.

Dr Tan Seng Giaw: Ini memang ada kena-mengena, Tuan Pengerusi iaitu Program Perkhidmatan Pencegahan dan Pemulihan untuk membantu, memulih dan meningkatkan kesejahteraan hidup keluarga, kanak-kanak dan orang tua yang susah yang sengsara. Ini termasuk kanak-kanak yang telah didera oleh bapa atau penjaga ataupun orang-orang lain kerana pada akhir-akhir ini memang kita nampak insiden-insiden ini bertambah sama ada sebenar ataupun kerana media massa yang memperbesar-besarkan perkara ini. Ini

agak tidak salah, memperbesar-besarkan mungkin betul kerana kita hendak bagi propaganda dan dakwah yang cukup untuk Arau dan untuk Gerik yang tidak berminat di dalam hal seperti ini. (*Ketawa*) Arau dia berminat dengan tikus yang sebesar kucing!

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, cerita kucing itu tak ada kena-mengena. (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya hendak menarik perhatian mereka termasuk Arau yang berbintik-bintik, berbelang-belang, arau-megarau sentiasa. Apa yang penting sekali, Tuan Pengerusi, saya tak mahu sebutkan apa yang telah disebutkan oleh.....

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya ingat Yang Berhormat ini sudah teruk sedikit, saya ingat Tampoi dan Tanjung Rambutan adalah sesuai. Saya cakap atas tajuk sahajalah, bukan kepada benda-benda lain. Saya pun banyak hendak bercakap, kita tak mahu membuang masa dengan orang yang merapu.

Dr Tan Seng Giaw: Saya tidak membuang masa seperti Arau yang mengarau sahaja, tetapi yang penting sekali kita hendak tahu dari pihak Yang Berhormat Menteri mengenai apakah yang telah dibuat oleh Kementeriannya untuk mencegah penganiayaan ke atas kanak-kanak, sehingga ada yang maut, ada yang cedera bukan sahaja dari segi fizikal tetapi juga dari segi psikologi.

Tuan Pengerusi, yang penting sekali ialah yang pertama apakah pindaan ke atas undang-undang yang ada sekarang yang akan dibuat oleh pihak Kementeriaan, ataupun adakah undang-undang yang baru yang akan dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini untuk mencegah penganiayaan ke atas kanak-kanak dan juga ke atas wanita? Kalau ada pindaan ke atas Akta yang

sedia ada ataupun Rang Undang-undang baru apakah tindakan yang dibuat.

Yang kedua, mengenai penguatkuasaan ke atas pencegahan perkara yang hina ini. Setakat ini kita nampak penguatkuasaan tidak mencukupi, tidak begitu berkesan dan apakah yang akan dibuat atas penguatkuasaan ini bagi mencegah kegiatan penganiayaan ini.

Tuan Pengerusi, perkara yang penting juga mengenai aktiviti-aktiviti perpaduan yang dinyatakan di muka surat 284, Butiran 01000—Pentadbiran Am dan Butiran 020000—Perancangan dan Penyelidikan serta Butiran 030000—Perhubungan Masyarakat. Tajuk-tajuk itu harus disentuh sekaligus kerana perkara ini begitu penting. Dalam perkara ini, saya nampak prestasi Kementerian sangatlah kurang. Kebetulan aktiviti Perancang dan Penyelidikan tujuannya memanglah untuk mengurangkan masalah-masalah perhubungan kaum dalam konteks perpaduan negara. Di bawah prestasi aktiviti, kita tengok keluaran Jurnal Negara untuk perpaduan bagi tahun 1989 adalah sekali sahaja; bagi tahun 1990 dua kali dan untuk tahun 1991, dua kali sekarang. Tetapi apakah maksud keluaran Jurnal ini setahun sekali untuk mewujudkan perpaduan. Apakah maksud dan kepada siapakah Jurnal ini disiarkan? (*Disampuk*) Memang dahulu saya terima Jurnal seperti ini, tetapi pada akhir-akhir ini tidak ada.

Ceramah—sekarang nampaknya ada bertambah. Saya hairan juga. Bagi tahun 1989—40 kali ceramah; 1990—40 kali; 1991—dirancangkan 40 kali juga. Jadi berapa kalikah orang seperti Yang Berhormat Arau, Padang Terap, Kota Setar, Larut, Gerik yang datang, yang hadir di dalam ceramah ini untuk mendengarkan cara-cara yang betul bagi mewujudkan suasana perpaduan negara? Arau itu tak berminat, dia minat mencela pihak kami sahaja.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat Kota Setar.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Minta penjelasan. Yang Berhormat dari Kepong itu hadirkah? Dan tentang Jurnal ini, dia bacakah?

Dr Tan Seng Giaw: Saya ada baca. Saya baca, ada tulisan daripada Menteri-menteri, Menteri pun ada tulis juga seperti Menteri Perumahan ada tulis di dalam Jurnal ini. Saya ada baca. Adakah Yang Berhormat dari Kota Setar baca? (*Ketawa*) (*Disampuk*) Itu yang penting. Dia tidak pernah baca Tuan Pengerusi, itulah orang yang tidak sepatutnya membangkitkan perkara ini kerana mereka sendiri yang tidak begitu mengambil berat.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Baca sahaja buat apa!

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Padang Terap.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, dia kata saya tidak pernah mengambil bahagian. Saya pernah memberi dua ceramah dalam Perpaduan Negara. Saya hendak tanya dia, berapa kali dia ceramah?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Padang Terap memang dia ada banyak pokok terap dengan getah yang boleh menangkap burung, (*Ketawa*) tetapi untuk menangkap cara perpaduan itu kurang kerana tidak satu kali pun saya diundang atau dipelawa untuk menyertai, satu kali pun tidak untuk menjadi penceramah di dalam kursus selama ini. Itulah satu kecuaihan, saya tidak pernah dipelawa.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat dari Kota Setar bangun lagi. Nanti sekejap.

Dr Tan Seng Giaw: Yang Berhormat dari Kota Setar memang tidak pernah baca Jurnal itu, tak payahlah dia hendak terangkan di sini.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri jalan atau tidak?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Saya hendak minta penjelasan sedikit. Macam mana hendak panggil beri ceramah, pandai menghasut sahaja. Kalau dijemput akan merosakkan lagi! (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat-Yang Berhormat semua, oleh kerana kita ini menghadapi kesempitan masa, dan saya berharap Yang Berhormat yang berkenaan merujuk kembali kepada tajuk yang kita bahas, jangan terpesong jauh sangat.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Pengerusi, masanya sudah habis. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Itu terpulang kepada saya Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Hormat sedikit!

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Kepong, sila gulung ucapan ya.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, kita hendak larut ke malam, dia larut lagi! (*Ketawa*) Jadi, keluaran Jurnal, ceramah, kalau saya dipelawa, saya akan menunjukkan sikap yang betul dengan cara ceramah yang benar-

benar hendak mewujudkan suasana perpaduan negara.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Cukuplah Yang Berhormat, gulungkan ya.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, ada satu lagi, Bengkel Sistem Pengesahan Perhubungan Sosial (SPPS). Ditunjukkan, 1989—satu kali, 1990—satu kali, 1991 dianggarkan tiga kali. Apakah maksud semua ini dan apakah prestasinya yang didapati daripada kegiatan-kegiatan ini kerana satu perkara, saya setuju dengan Kota Setar juga, di kampung-kampung, di mana-mana pun kalau ada kegiatan di mana ada majoriti satu kaum, memang kaum lain kurang berminat. Itu memang satu hakikat dan kenyataan. Walhasilnya, kami di pihak Pembangkang, kita tidak mentadbir negara, kita tidak boleh mengatarkan kursus-kursus untuk memperbaiki keadaan. Yang bertanggungjawab ialah Kerajaan, Kerajaan Barisan Nasional yang bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah seperti ini. Itulah yang penting sekali.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Masa sudah cukup Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya hendak gulungkan sekarang ya.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tidak, masa sudah cukup. Tadi saya sudah minta Yang Berhormat gulungkan ucapan, Yang Berhormat dari Kepong tidak dengar.

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Dr Tan Seng Giaw: Terima kasih untuk perpaduan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Arau.

7.55 mlm.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Saya tidak mahu menyentuh perkara-perkara remeh-temeh yang dibawa oleh DAP seolah-olahnya mereka sahaja yang boleh bercakap dalam berbagai-bagai isu, tetapi bila kita bercakap selalunya mereka akan lari keluar kerana kita memang mengetahui bahawa mereka ini terkenal sebagai orang-orang yang penakut dan bodoh.

Tuan Pengerusi, yang pertama, saya hendak cakap ialah di bawah Program Penduduk dan Pembangunan Keluarga. Kita lihat—untuk Kepong, kalau hendak baca, mukasurat 210, di bawah Program dan Prestasi—kita lihat tujuannya ialah untuk merancang, menyelaraskan dan mengawasi aliran pertumbuhan penduduk supaya mencapai 70 juta dalam tahun 2100 dan membantu melahirkan sumber manusia yang berkualiti. Jadi, persoalan saya, Tuan Pengerusi kepada Yang Berhormat Menteri, sekarang penduduk kita ada 18 juta, kemudian dalam pertumbuhan yang ada sekarang, apakah pandangan Yang Berhormat, sebab kita jangka masa itu kita sudah tidak ada, semua tidak ada, Kepong lebih awal pergi. (Ketawa) Jadi, saya ingin bertanya sejauh mana dan secara mana kita jangka kita boleh mencapai tahap tersebut dalam keadaan pertumbuhan sekarang?

Peruntukan yang diberikan ialah sebanyak \$20 juta untuk tujuan yang berkenaan bagi tiap-tiap tahun. Jadi, saya ingin bertanya cara mana dan bagaimana kita boleh rancang supaya tiap-tiap perhubungan kemanusiaan yang wujud itu sebenarnya boleh mewujudkan penduduk. Ini saya cakap secara abstrak sedikitlah, cara mana hubungan kemanusiaan itu boleh mewujudkan penduduk. Kita tidak

mahu hubungan kemanusiaan yang ada itu tidak sebenarnya melahirkan penduduk ataupun menjadikan manusia. Contohnya macam....., susah hendak sebut, nanti dikatakan saya berminat dalam bahagian itu pula, tetapi inilah maksud saya supaya wujud manusia-manusia di Malaysia ini yang boleh berkahwin awalkah dan sebagainya, yang boleh melahirkan penduduk. Lepas itu, bolehlah kita rancang. Kita tidak mahu hubungan yang ada itu tidak mewujudkan penduduk, tetapi lebih kepada untuk memuaskan suasana kemanusiaan, ini bahasa rangka pemikiran kawan saya tadi. Ini pertanyaan saya dan saya minta bukanlah saya hendak cadangkan supaya dibenarkan kahwin empat dan sebagainya, tetapi maksud saya supaya hubungan itu boleh melahirkan penduduk dan bukan menjadi sia-sia sahaja.

Yang keduanya, Tuan Pengerusi, berhubung dengan Pembangunan Masyarakat, Program 030000. Saya tidak mahu bercakap fasal pilihanraya kerana ini tidak mengikut peraturan, tetapi saya hendak menyentuh di sini, seperti kawan-kawan saya yang lain bahawa selama ini seperti yang Kota Setar sebutkan tadi, selama ini tidak ada daripada mana-mana pemimpin Pembangkang yang berusaha ke arah perpaduan. Malah, kita lihat pada hari ini tajuk ini, Kementerian ini adalah penting. Kita lihat tidak ada daripada PAS dan 46 mengambil bahagian. Yang ada DAP pun orang-orang yang bercakap membaca ucapan yang disediakan oleh orang luar. Kalau sekiranya betul dia bercakap sendiri dan ideanya idea sendiri, kenapa pula kita minta penjelasan dia tidak beri? Seorang ini sahaja yang beri, ini pun dia merayau-rayau!

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Kepong bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang lain-lain semua tidak beri sebab dia terpaksa baca!

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Hendak berikah atau tidak, Yang Berhormat?

Tuan Shahidan bin Kassim: Jadi, ini menunjukkan bahawa idea, rangka pemikiran yang canggih yang kita hendak wujudkan di kalangan masyarakat rakyat Malaysia ini tidak ada pada DAP-DAP. (*Tepuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, berhenti sekejap, hendak berikah atau tidak?

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya beri.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Arau ini memang dia bersikap begitu, seperti gajah lalang sahaja, jadi, tidak payahlah. Saya sudah baca, saya terus terang berucap di sini ke atas tajuk yang relevant untuk perpaduan negara dan saya telah membuat satu cadangan di mana pihak kami pun dipelawa untuk menyertai kursus memberi ceramah. Itu satu cadangan yang baik.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya hendak beritahu DAP ya, tidak perlu Barisan Nasional jemput DAP untuk hendak beri ceramah, tetapi DAP sendiri boleh menganjurkan. Ambil dayausaha untuk menganjurkan acara-acara yang berhubungkait dengan perpaduan, tetapi tidak ada majlis-majlis DAP ke arah tersebut. Majlis mereka yang ada ialah majlis yang menghentam Kerajaan, menghentam pemimpin-pemimpin dan mewujudkan corak pemikiran rakyat yang anti establishment, yang benci kepada orang.

Inikah perangai DAP. Ini tidak termasuk PAS, S.46 lagi ini, macam-macam fatwa dikeluarkan. Tetapi cuba tengok kami, di Parlimen ini sendiri pun DAP kalau hendak pergi minum

pergi dengan dia sahaja, tetapi kami dalam Barisan Nasional, kita bersama-sama di mana-mana. PAS dengan S.46 pun tidak mahu bersama-sama kecuali seorang daripada S.46, itupun saya jangka dia akan masuk UMNO. *(Tepuk)*

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa ini sudah terkeluar, terpesong.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, memang dia terkeluar, tetapi daripada awal sudah dibincang tajuk itu, dia berhubung, saya hendak maklumkan bahawa kalau sekiranya DAP ikhlas, Ahli dari Kepong ikhlas, Kepong anjurkan Majlis Perpaduan, kita akan pergi, sebab dalam rancangan-rancangan kawasan-kawasan perumahan kita, ada juga orang DAP, tetapi tidak ada pula orang DAP yang menganjurkan apa-apa aktiviti perpaduan. Kita panggil untuk pergi Rukuntetangga pun dia tidak mahu hadir. Dan berbagai-bagai aktiviti yang kita buat, tetapi hendak beri ceramah tidak bolehlah, sebab ia bukan Kerajaan yang memerintah.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya Ahli Yang Berhormat dari Arau, sama ada beliau sedar atau tidak bahawa dahulu dalam DAP ini ada seorang ahlinya yang mempunyai semangat perpaduan, hendak berkawan dengan ahli-ahli Barisan Nasional, tetapi kali ini oleh kerana beliau itu ada semangat perpaduan, semangat betul-betul Malaysian, hari ini dia tidak ada di dalam Dewan ini; Ahli daripada Bukit Bintang.

Tuan Shahidan bin Kassim: Itu tepat sekali. Saudara Lee Lam Thye, tepat sekali. Dan mereka ini lihat mana-mana orang yang cuba hendak berbaik dengan kita, mereka akan buang. Dahulu termasuk Ahli dari Rasah, yang kalah itu, kita lihat di mana-mana ada ahli DAP yang masuk hendak berkawan dengan kita, mereka akan buang. Tetapi bila Saudara Lee Lam Thye baru-baru ini dia sebut hendak masuk politik balik, saya lihat "kecut" setengah orang di sini. Dan mereka mula bercakap secara lantang untuk mengambil hati Setiausaha Agung mereka supaya mereka dipertahankan.

Dr Kua Kia Soong (Petaling Jaya): *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya percaya kalau Saudara Lee Lam Thye masuk balik DAP, dia akan menjadi Setiausaha Agung. Sudah habislah orang-orang yang macam ini tidak akan bertanding lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tadi, ada orang bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak mengapa, saya ada lima minit lagi.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman (Kota Setar): *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ada lagi, Ahli dari Kota Setar bangun.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Minta penjelasan sedikit dari Ahli dari Arau. Ahli Yang Berhormat dari Kepong kata, dia perlu dijemput untuk berceramah, bukankah kita kalau boleh DAP itu buat ceramah di antara mereka dahulu, sebelum berceramah di tempat orang lain. Bukankah begitu?

Tuan Shahidan bin Kassim: Itu tepat sekali, itulah maksud saya tadi. Tetapi dia bukan berceramah, dia pergi berkempen, menghasut selepas itu suruh orang buat demonstrasi di Plaza Tol, Cheras. Pada hal kalau untuk tujuan perpaduan, mereka boleh buat. Dan demonstrasi itu betul-betul demonstrasi yang berbau perkauman. Saya sendiri berada di tempat tersebut dan saya telah dibaling batu oleh kerana saya orang Melayu. Ini bukankah perkauman? Saya berada di tempat tersebut, rumah saya di Cheras, di Sungai Besi.

Dr Kua Kia Soong: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli dari Petaling Jaya bangun.

Dr Kua Kia Soong: Bolehkah dialog ini dibenarkan, kalau saya hendak tengok "cheap soap opera", saya boleh balik rumah, tengok televisyen.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat bangun di atas apa, saya hendak tahu.

Dr Kua Kia Soong: Point of order. Tuan Pengerusi, adakah dialog ini dibenarkan?

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order berapa?

Dr Kua Kia Soong: Saya bertanya kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Nanti sekejap. Biar saya membuat keputusan. Sebenarnya apa

yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya ini bukan point of order. Kalau hendak membangkitkan sesuatu point of order, sebutkan sahajalah, dengan isi kandungannya sekali. Ini tidak tepat dan mungkin Yang Berhormat ini kurang faham bahawa prosedur ini kena diikuti dan apa yang dibangkitkan tadi, di antara Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar dan juga Ahli Yang Berhormat dari Arau itu bukan dialog. Tetapi saya hendak tegaskan di sini, Ahli Yang Berhormat dari Arau, masa berjalan dan sila gulung ucapan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya minta sebab teguran Tuan Pengerusi itu telah lari dua minit. Saya minta Kementerian ini supaya berbuat sesuatu sekarang ini sebagaimana yang telah disarankan oleh kawan-kawan supaya perkara perpaduan ini dapat dibuat untuk menjamin masa hadapan rakyat Malaysia. Dan saya minta siapa yang berucap, sebab ini tajuk perpaduan, kalau kita bercakap "maki" kepada orang, bukan berpadu. Tetapi saya tidak mahu di peringkat awal memang saya hendak bercakap dengan cara elok, tetapi bila ditembak kiri/kanan, saya terlenting sedikit. Saya minta maaf, tetapi sebab saya manusia yang suka berpadu, saya menyeru ke arah perpaduan.

Tuan Pengerusi, akhir sekali Butiran (Projek) 00100—Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak. Saya hendak tunjukkan kepada Ahli dari Kepong bahawa di antara orang yang mula-mula dan tampil ke hadapan untuk membawa perkara-perkara ini ialah saya sendiri iaitu berhubung dengan rotan di khalayak orang ramai. Bukan soal tikus dan kucing sahaja. Saya minta supaya Yang Berhormat Menteri, walaupun Yang Berhormat Menteri telah bercanggah pendapat dengan saya dan banyak kawan-kawan saya berhubung dengan perkara ini, tetapi saya hendak minta supaya pihak Kerajaan selepas ini dapatlah kita

membuat kata putus bagaimana kita boleh berbuat sesuatu untuk menjamin bahawa soal-soal ini dapat diberi hukuman yang berat.

Saya juga bersetuju dengan kawan-kawan saya, walaupun ini dibawa oleh DAP iaitu penderaan ini bukan sahaja berlaku kepada kanak-kanak tetapi kepada orang-orang dewasa iaitu orang-orang tua yang kita secara tidak nampak, sebenarnya kita mendera mereka. Contohnya, kadang-kadang masalah sekarang ini, masalah kita hendak menjaga anak-anak kita, kita terpaksa kadang-kadang minta orang tua kita, itu tidak boleh.

Dalam Islam sendiri pun tidak boleh kita berbuat begitu. Tetapi yang kita hendak minta sekarang ini supaya Yang Berhormat Menteri berbincang dengan Menteri Kewangan supaya caruman, sumbangan anak kepada ibu bapa itu sekurang-kurangnya dikecualikan daripada cukai pendapatan atau sebagainya supaya mereka boleh mendapat sumbangan itu terus, secara tetap. Bukan secara kita balik ke kampung, kita ada \$200 dalam poket, kita beri \$200. Kalau tidak ada, kita tunggu bulan hadapan. Demikian juga, ini berlaku kepada semua kaum, semua bangsa di Malaysia supaya anak-anak yang bekerja ditetapkan sedikit caruman kepada ibu bapa dan caruman ini kalau boleh dikecualikan daripada cukai pendapatan dan sebagainya selaras dengan matlamat dan usaha kita untuk mewujudkan satu masyarakat penyayang, untuk mewujudkan satu keadaan di mana kita sebenarnya memberi perhatian kepada kanak-kanak dan orang dewasa.

Tuan Pengerusi, akhir sekali, saya minta supaya Kementerian ini sebagai Kementerian yang telah diberi nama baru dan nafas baru dan Menterinya, Menteri yang senior dan orang yang cekap dan boleh berunding, saya percaya Kementerian ini akan dapat mencapai matlamat-matlamat yang

telah ditunjukkan. Dan kita akan beri peluang kepada Menteri yang baru, yang saya rasa mampu untuk mengendalikan perkara-perkara semacam ini supaya memberi perhatian yang sesungguhnya, terutamanya perkara-perkara berhubung dengan perpaduan, perkara-perkara berhubung dengan perkhidmatan keluarga dan kanak-kanak. Saya dengan ini menyokong.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Menteri diminta menjawab.

8.08 mlm.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Napsiah binti Omar): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada 8 orang Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat dari Santubong, Petaling Jaya, Muar, Seputeh, Shah Alam, Kota Setar, Kepong dan Arau. Terima kasih, kerana minat Ahli-ahli Yang Berhormat ini dan saya akan mengambil tindakan dan juga mengambil cadangan-cadangan yang baik yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Santubong dan juga Ahli Yang Berhormat dari Shah Alam telah membangkitkan berkenaan dengan HAWA dan juga NACIWID. Di sini saya ingin menyatakan iaitu HAWA telah pun dinaikkan tarafnya iaitu daripada Urusetia Hal Ehwal Wanita yang dahulunya diletakkan di bawah Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Perdana Menteri, hari ini telah dinaikkan tarafnya sebagai Bahagian di bawah Kementerian yang baru ini. Jawatan Pengarahnya pun telah dinaikkan taraf dari Tingkatan-tertinggi

G kepada Tingkatan-tertinggi F. Bilangan perjawatannya juga telah ditambah iaitu daripada 4 jawatan kepada 7 untuk melicinkan lagi urusan dan juga aktiviti-aktiviti HAWA. Peruntukan HAWA juga telahpun ditingkatkan dari tahun demi tahun. Dalam tahun 1988 hanya \$485,000 sahaja diperuntukkan dan bagi tahun 1991 sebanyak \$925,000 telah diperuntukkan.

Mengenai aktiviti HAWA pula, ia telah pun menunjukkan bahawa aktivitinya telah dipertingkatkan dan kami sentiasa cuba dengan seberapa boleh untuk menggalakkan aktiviti-aktivitinya supaya dapat mempertingkatkan lagi penyertaan dan penglibatan wanita di dalam pembangunan negara, bukan sahaja dalam pembangunan ekonomi, politik tetapi juga keseluruhannya. Kementerian telah pun berusaha supaya dapat mengelakkan daripada pertindihan aktiviti-aktiviti pertumbuhan-pertumbuhan di dalam negara kita.

Berkenaan dengan Pegawai Penyelaras pula, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Santubong, ingin saya menyatakan bahawa jawatan itu telah diwujudkan daripada bulan April 1989 lagi dan tujuannya ialah bagi Pegawai-pegawai Penyelaras ini untuk mengenalpasti isu-isu yang berkaitan dengan wanita yang terdapat di peringkat negeri dan daerah untuk dikemukakan kepada HAWA ataupun NACIWID supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil.

Cadangan Yang Berhormat itu juga, supaya kita dapat mempertingkatkan kepekaan pegawai-pegawai berkenaan dengan isu-isu wanita ini, iaitu dengan izin, gender sensitization, program-program seperti ini memang telah pun menjadi sebahagian daripada aktiviti yang dijalankan oleh HAWA dan HAWA telah pun mengadakan beberapa siri bengkel mengenai perkara

tersebut. Dalam usaha ini HAWA telah pun mendapatkan bantuan daripada agensi antarabangsa seperti Asian Development Bank dan juga Asian Institiut of Management di Manila untuk melatih pegawai-pegawai kanan dan juga pegawai-pegawai penyelaras.

Berkenaan dengan peranan HAWA dan matlamatnya iaitu mengumpul data ataupun maklumat mengenai isu-isu wanita, memang HAWA telah pun mewujudkan satu Pusat Sumber Maklumat Wanita untuk mengumpul dan menyimpan data dan juga penunjuk sosio-ekonomi kaum wanita. Maklumat yang dikumpulkan digunakan untuk membantu para penggubal dasar dan perancang dalam menggubal dan melaksanakan program-program untuk meningkatkan status wanita di negara kita. Kajian-kajian ini dijalankan oleh agensi-agensi untuk mengumpul maklumat-maklumat ini.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Santubong yang telah menyebut tentang Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis di Miri, Sarawak. Peruntukan yang disediakan itu adalah untuk pembinaan Dewan bagi kegunaan aktiviti-aktiviti para penghuni yang ada bagi melengkapkan kemudahan yang sedia ada. Pada tahun yang lalu pembinaan bengkel-bengkel latihan telah disiapkan ke arah peningkatan latihan kemahiran terhadap wanita-wanita yang dipulihkan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Shah Alam juga telah membangkitkan beberapa perkara berkenaan dengan wanita dan saya berharap jawapan saya tadi dapat memuaskan.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya telah juga membangkitkan beberapa perkara yang rasa saya kurang tepat ataupun perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu lebih tertumpu kepada isu-isu politik dan tidak ada kena-mengena dengan

peranan dan fungsi Jabatan Perpaduan Negara serta aktiviti Jabatan ini. Hanya ingin saya nyatakan di sini iaitu di bawah Kementerian ini tidak ada Lembaga Perpaduan Negara tetapi apa yang ada ialah Jabatan Perpaduan Negara.

Saya ingin mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan perkara-perkara di bawah Jabatan Perpaduan Negara ini tadi, iaitu pada pandangan saya eloklah kita menjauhkan diri daripada membangkitkan isu-isu yang akan membawa kepada konflik. Lebih baiklah kalau dapat, semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga semua rakyat di negara kita ini berganding bahu dan menggembeling tenaga untuk sama-sama berusaha supaya kita dapat mewujudkan perpaduan di dalam negara kita ini. Janganlah bangkitkan perkara-perkara yang tidak menyenangkan kaum-kaum ataupun yang akan mewujudkan perbalahan di antara kaum.

Tuan Pengerusi, kalau kita perhatikan di seluruh dunia ini, rasa saya tidak ada tempat yang sebegini indah seperti negara kita Malaysia ini. Di mana ada terdapat tempat di mana Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong dan Petaling Jaya dapat bangun dan berucap dalam suasana yang begitu muhibbah dengan Ahli-ahli Backbenchers di dalam Parlimen kita ini?

Begitu juga Ahli Yang Berhormat dari Seputeh tadi ada membangkitkan beberapa perkara yang katanya peruntukan di Kementerian ini lebih hebat daripada peruntukan Kementerian sahabat saya. Memanglah lebih hebat. Kerana persoalan yang perlu kita sama-sama ingat ialah apa gunanya pertumbuhan ekonomi negara ini mencapai 10% sekiranya tidak ada kestabilan dan perpaduan di dalam negara. Sebab itu saya mengambil kesempatan ini untuk sama-sama juga meminta Ahli Yang Berhormat yang

membangkitkan perkara itu, berusaha lah supaya dapat kita mewujudkan perpaduan di dalam negara ini untuk kesejahteraan kita semua. Jadi, janganlah kita katakan pula Barisan Nasional itu sentiasa mempunyai sentimen kepartian. Bagaimana pula, saya hendak bertanya, tidakkah DAP juga mempunyai sentimen kepartian? Itu soalnya yang kita perlu bersama-sama mencari jawapannya.

Ada beberapa perkara lain yang dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu yang meminta Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat mengadakan latihan bagi pengasuh-pengasuh yang bekerja di Taman-taman Asuhan Kanak-kanak. Kursus-kursus kepada pengasuh ini memang diadakan oleh Kementerian iaitu bagi pengasuh yang bekerja di Taman Asuhan dan kurikulumnya adalah meliputi aspek-aspek pertumbuhan fizikal kanak-kanak, perkembangan sosial dan mental dan ini juga meliputi aspek-aspek keselamatan dan juga kesihatan mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Shah Alam tadi ada juga menyentuh berkenaan dengan ahli-ahli Jawatankuasa Juvina, dan meminta supaya diberi kaunseling ataupun latihan dalam bidang kaunseling. Saya ingin menyatakan di sini bahawa Jabatan Kebajikan Masyarakat telah pun mengambil langkah-langkah untuk mengadakan kursus-kursus ini.

Dalam tahun 1989, seramai 55 ahli Jawatankuasa telah pun mengikuti latihan kaunseling ini dan jumlah ini telah pun meningkat kepada 231 orang ahli yang telah mendapat latihan ini dalam tahun 1990.

Ahli Yang Berhormat dari Shah Alam juga telah pun membangkitkan perkara berkenaan dengan TASKA. Mengenai TASKA ini, sejak tahun 1986 sehingga 1990 ini, sebanyak 14 kursus asas asuhan telah dijalankan

untuk meningkatkan jagaan dan juga cara pengurusan di TASKA yang dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sejumlah 471 peserta telah menghadiri kursus-kursus ini yang terdiri daripada pengasuh, penyelia, pengusaha dan juga pegawai-pegawai yang lain daripada tahun 1986 hingga tahun 1990.

Akta TASKA 1984 ini sentiasa menjadi landasan untuk mengawal mutu perkhidmatan TASKA yang terdapat di negara kita ini dan pihak Kementerian sentiasa peka dan mengambil berat tentang mutu perkhidmatan yang diberikan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah membangkitkan beberapa perkara antaranya ialah menyoal berkenaan dengan Jurnal Negara yang dikeluarkan tadi. Dalam tahun 1990 adalah dikeluarkan katanya dua kali. Jurnal ini adalah satu jurnal yang bermutu tinggi dan ditulis oleh penulis-penulis tertentu, contohnya pihak akademik dan profesional, dan keluarannya ialah dihadkan kepada dua kali setahun. Tujuan Jurnal Negara ini ialah untuk membolehkan pembaca-pembaca meneliti dan mengkaji isu-isu dan masalah perpaduan di negara dan juga mewujudkan kesedaran di kalangan rakyat akan betapa pentingnya perpaduan di negara kita ini.

Berkenaan dengan penderaan kanak-kanak ini pula tadi, ingin saya menyatakan iaitu buat masa ini tujuan kita adalah untuk memberi kesedaran kepada anggota masyarakat mengenai masalah penganiayaan kanak-kanak ini dan Kementerian sedang berusaha untuk mencegah perkara ini. Kita harap dengan adanya publisiti yang diberi dan juga ceramah-ceramah, forum-forum, bengkel-bengkel dan seminar-seminar ini akan kita menyedarkan masyarakat terhadap tanggungjawab mereka. Kementerian juga sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum akan mengemukakan dalam Dewan ini

pindaan Undang-undang Perlindungan Kanak-kanak 1990 dan Bacaan Keduanya akan diadakan pada bulan Jun. Jadi, tujuannya adalah untuk mengetatkan lagi Undang-undang ini supaya lebih memberi perlindungan kepada kanak-kanak kita. Saya fikir Ahli Yang Berhormat telah pun diberi satu naskhah berkenaan dengan Rang Undang-undang ini dan dalam bulan Jun nanti bolehlah Yang Berhormat memberi pandangan supaya dapat kita memperbaiki undang-undang ini. Tujuannya ialah, sepertimana saya sebutkan tadi, mungkin hukuman itu lebih kita beratkan, Sungguhpun kata sahabat saya, Ahli Yang Berhormat dari Arau ini supaya kita sebat pendera-pendera kanak-kanak ini tadi di khalayak ramai, bukannya saya tidak bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat, tetapi sebenarnya, Tuan Pengerusi, kalau diberi sebat ataupun denda yang begitu berat pada mereka yang mendera kanak-kanak ini, sekiranya ini akan dapat mengurangkan ataupun menghapuskan masalah deraan di kalangan anak-anak kita, saya memang beri sokongan 110% atas cadangan Yang Berhormat. Tetapi saya fikir ini tidak akan menghapuskan masalah itu. Mereka yang mendera juga memerlukan pertolongan. Sepertimana kata Ahli Yang Berhormat ini tadi, kes-kes deraan ini berlaku bukan sahaja oleh kerana adanya penceraian di antara ibu bapa dan kecuaiannya mereka untuk menjaga kanak-kanak tetapi lebih daripada itu, masalah sosial yang terdapat di negara kita ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah membangkitkan berkenaan dengan Sistem Pengurusan Perhubungan Sosial atau SPPS. Ini adalah satu sistem untuk mengesan iklim perhubungan sosial di negara kita ini serta mengambil langkah-langkah positif untuk membendung keadaan ketegangan di antara kaum. Kes-kes konflik juga dikesan dan tindakan intervensi diambil segera untuk mengatasi masalah konflik di satu-satu

kawasan melalui jentera kemasyarakatan yang sedia ada. Di sini juga saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat akan dapat menolong supaya dapat meringankan atau meredakan keadaan dengan tidak membangkitkan masalah-masalah yang akan membawa kepada konflik.

Tuan Pengerusi, ada juga beberapa perkara yang lain yang telah dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat berkenaan dengan orang tua yang tinggal di Rumah Orang Tua. Saya ingin menyatakan di sini, kita tidaklah mendera mereka itu tetapi mereka itu digalakkan untuk membuat kerja-kerja ringan seperti kerja tangan untuk mengisi masa lapang mereka dan bukannya untuk deraan. Sebenarnya kerja-kerja ringan itu adalah therapy bagi mereka ataupun usaha-usaha untuk memulihkan mereka.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyatakan di sini iaitu Program-program Pembangunan Keluarga dilaksanakan untuk memperkukuhkan institusi keluarga dan memelihara kanak-kanak dan juga untuk menjaga orang-orang tua. Kajian menunjukkan bahawa 40% orang tua tinggal bersama anak-anak mereka dan hampir 80% melawat dan menerima bantuan wang dan makanan daripada anak-anak mereka.

Cadangan Ahli Yang Berhormat dari Arau tadi berkenaan dengan—saya pun kurang dengar tadi, saya ingat minta pelepasan cukai, kalau tidak silap saya—pelepasan cukai pada anak-anak yang memberi sumbangan wang kepada bapanya. Jadi, saya inginlah menyatakan di sini, kenalah Ahli Yang Berhormat berhubung dengan Menteri Kewangan supaya dapat beliau melaksanakannya, mungkin di dalam Budget yang akan datang nanti.

Ahli Yang Berhormat tadi bertanya juga kepada saya berkenaan dengan pencapaian 70 juta penduduk. Sebenarnya Ahli Yang Berhormat

bukannya angka itu yang penting, 70 juta ini, tetapi yang lebih penting ialah penduduk yang berkualiti dan bermutu tinggi. Angka 70 juta ini memang boleh kita capai mengikut time frame ataupun masa yang berbeza mengikut kehendak kitalah, sebab itu kita boleh rancang. Kalau mengikut kadar yang ada hari ini, kadar pertumbuhan penduduk, angka sebanyak 2.5% saya rasa dalam masa 18 tahun kita boleh capai 36 juta, dan 72 juta dalam tahun 2046, kemungkinan kalau Ahli Yang Berhormat ini, Tuan Pengerusi, panjang usianya insya Allah dia pun boleh tengok meningkatnya penduduk-penduduk di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, ingin saya menyatakan di sini iaini tidak payah kita galakkan kaum bapa mempunyai empat isteri untuk mencapai bilangan angka 70 juta ini. Dengan kadar angka pertumbuhan penduduk yang ada sekarang ini insya Allah dengan secara yang ada hari ini, kita akan dapat mencapai 70 juta itu.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, minta penjelasan sedikit.

Tuan Pengerusi: Ya, minta penjelasan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sebab saya tidak hendak benda ini kadang-kadang pihak akhbar dia selalu sangat mengambil benda-benda yang negatif rasa saya, nanti saya balik susah dengan orang kawasan. Saya tidak menyarankan orang berkahwin empat, saya kata tadi biarkan hubungan itu disahkan, maksudnya kita tidak hendaklah terjadi hubungan yang tidak mewujudkan penduduk, itu maksud saya itu, daripada berpeleseran lebih baik disahkan. Saya tidak menyatakan yang itu, nanti diambil secara negatif, susah saya. Yang Berhormat tidak jawab tidak apa itu, nanti saya susah. *(Ketawa)*

Dato' Napsiah binti Omar: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya sekali lagi

mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ini dan saya berharap sama-samalah kita berganding bahu menggembeling tenaga supaya dapat kita mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang sejahtera dan beridentiti sendiri dengan penduduknya yang berbilang kaum dan beragama ini bersatupadu, berkualiti, berdikari dan mengamalkan apa yang dikatakan budaya ikram. Sekian, terima kasih. (*Tepuk*)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$80,210,700 untuk Maksud B.56 dan \$18,641,400 untuk Maksud B.57 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$80,210,700 untuk Maksud B.56 dan \$18,641,400 untuk Maksud B.57 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$13,141,460 yang disebutkan dalam Maksud P.56 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1991 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$13,141,460 untuk Maksud P.56 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1991.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$9,433,569,070 dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1991, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1991 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 tahun 1990, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang sedemikian jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut; dan bahawa, Usul yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada 11 Disember, 1990 mengenai perbelanjaan yang dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1991 adalah dibatalkan.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Bacaan Kali Yang Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman) Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan, 1991 telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$9,433,569,070 dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1991, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1991 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 tahun 1990, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang sedemikian jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut; dan bahawa, Usul yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada 11 Disember, 1990 mengenai perbelanjaan yang telah dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1991 adalah dibatalkan.

Disetujui.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$9,433,569,070 dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1991, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1991 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 tahun 1990, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang sedemikian jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut; dan bahawa, Usul yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada 11 Disember, 1990 mengenai perbelanjaan yang telah dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1991 adalah dibatalkan. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 pada hari Isnin depan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.38 malam.